



KHAZANAH
NASIONAL

MEMBINA NILAI SEJATI

KE ARAH MALAYSIA YANG BERDAYA
SAING DI PERINGKAT GLOBAL

LAPORAN KHAZANAH
2017

**Laporan Khazanah 2017 (TKR2017) bertarikh 1 Mei 2018.
Maklumat yang terkandung dalam laporan ini adalah
benar dan tepat setakat tarikh cetakannya.**

Laporan Khazanah 2017 membentangkan matlamat, strategi dan visi yang ditetapkan oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dalam melaksanakan peranannya sebagai dana pelaburan strategik Kerajaan Malaysia.

Khazanah ialah perkataan Melayu yang berasal daripada Bahasa Arab yang bermaksud 'harta'. Perkataan yang sama juga boleh didapati dalam pelbagai bahasa lain dan membawa maksud yang sama. Nama Khazanah Nasional bermaksud 'harta negara' dan reka bentuk logo Khazanah, yang diinspirasikan daripada cembul iaitu kotak barang kemas tradisional Melayu, mencerminkan peranan organisasi ini sebagai salah satu pemegang amanah aset komersial negara. Garisan yang bersilang menggambarkan pelaburan Khazanah dalam pelbagai sektor dan geografi, serta menonjolkan peranan kami sebagai pemangkin kepada usaha perniagaan baharu dan strategik. Dilihat secara keseluruhan, logo ini melambangkan peranan holistik Khazanah sebagai dana pelaburan strategik Kerajaan.

Tema *Ke Arah Malaysia Yang Berdaya Saing di Peringkat Global* digambarkan pada muka kulit laporan ini, dengan reka bentuk grafik keseluruhan yang melambangkan pangkalan Khazanah di Kuala Lumpur, dan kehadiran di pelbagai lokasi di seluruh dunia, serta penglibatan kami dalam pelbagai dimensi pelaburan dan inisiatif.

Laporan ini turut boleh dimuat turun di laman web www.khazanah.com.my

1 Mei 2018



KHAZANAH
NASIONAL

“Perahu bertambatan dagang bertepatan”

ialah pepatah Melayu lama yang secara literal membawa maksud 'kapal yang ditambat, perdagangan yang adil'. Pepatah ini lahir daripada sejarah rantau ini ketika Melaka menjadi pusat perdagangan serantau dan antarabangsa yang terkemuka, menarik pedagang dari serata dunia yang membawa pelbagai barangan untuk didagangkan. Pada dasarnya, pepatah ini merujuk kepada usaha perdagangan yang diatur rapi dan sesuai pada tempatnya.

Pepatah ini mencerminkan dasar misi dan visi Khazanah untuk menjadi syarikat peneraju pelaburan terkemuka, yang mencipta nilai sejati untuk Malaysia yang berdaya saing di peringkat global. Sebagai dana pelaburan strategik bagi Kerajaan Malaysia, Khazanah berusaha untuk mencipta nilai jangka panjang bagi membolehkannya memainkan peranan dalam menyampaikan pulangan kewangan, strategik dan kemasyarakatan kepada Malaysia dan rakyatnya melalui operasi and aktiviti Khazanah di dalam negara dan di seluruh dunia.

Sebagai salah satu daripada beberapa institusi yang bersama-sama menyumbang ke arah kemajuan dan pembangunan negara ini, Khazanah dipandu oleh nilai teras yang memastikan struktur, rangka kerja dan amalan terbaik yang sesuai dilaksanakan dan ditegakkan. Nilai ini tersemat dalam semua kerja yang ia lakukan sama ada sebagai sebuah organisasi atau melalui pelbagai inisiatif yang dilaksanakannya bersama dengan syarikat pelaburan dan rakan kerjasamanya di peringkat global.



Imbas untuk
menonton
video Laporan
Khazanah
2017

KE ARAH MALAYSIA YANG BERDAYA SAING GLOBAL

Tema Laporan Khazanah 2017 (TKR2017) ialah Ke Arah Malaysia Yang Berdaya Saing Di Peringkat Global. Ia adalah sebahagian daripada visi Khazanah untuk menjadi syarikat pelaburan strategik terkemuka yang mencipta nilai mampan untuk Malaysia yang berdaya saing di peringkat global. Kami melaksanakan pelbagai inisiatif kewangan, strategik dan kemasyarakatan untuk mencipta nilai jangka panjang yang memberikan pulangan kepada negara melalui kehadiran domestik dan antarabangsa kami serta syarikat pelaburan kami. Dengan berbuat demikian, kami menyokong amalan terbaik antarabangsa dan inisiatif dalam tadbir urus korporat serta penciptaan nilai jangka panjang yang mampan.

Tema ini digambarkan pada muka kulit laporan ini, dengan latar langit mengelilingi dunia yang melambangkan jejak antarabangsa kami, diwakili oleh kehadiran serantau kami di China, India, Turki, Amerika Syarikat dan United Kingdom, dengan

Malaysia sebagai terasnya. Pelbagai sektor yang kami ceburi turut dipaparkan, tersebar di serata dunia.

Untuk memperincikan lagi tema ini, TKR2017 juga memaparkan petikan yang menzhahirkan daya saing Malaysia di peringkat global, pengantarabangsaan syarikat-syarikat pelaburan kami, dan petikan kata-kata daripada kakitangan kami. Tema ini diolah dengan lebih lanjut lagi melalui tiga kajian kes mengenai usaha kami di China, yang juga merupakan lokasi pejabat serantau kami yang pertama; memanfaatkan kesalinglengkapan serantau antara Malaysia dan Singapura melalui pelaburan strategik kami dalam pembangunan bersama dengan Temasek Holdings (Private) Limited melalui M+S Pte Ltd; dan terus menyokong keterangkuman sosial serta memberi pulangan berimpak secara langsung melalui inisiatif Hari Hasanah kepada individu dan komuniti yang memerlukan.



KHAZANAH NASIONAL BERHAD

Khazanah mempunyai pejabat di pasaran-pasaran utama di luar negara yang membolehkan kami memanfaatkan peluang pertumbuhan serantau, mempertingkatkan strategi penyerantauan syarikat pelaburan Khazanah dan membantu mengukuhkan daya saing jangka panjang Malaysia.

Ibu pejabat Khazanah terletak di Kuala Lumpur, Malaysia.

DI PERINGKAT

WORLD
ECONOMIC
FORUM

Kedudukan Malaysia
di tempat ke-

23 / 137

dari segi
daya saing global
Forum Ekonomi Dunia
Laporan Daya Saing
Global 2017-2018

ISI KANDUNGAN

2 PENGENALAN

- 2 Siapa Kami dan Mandat Kami
- 4 Tinjauan 2017

7 RANGKUMAN INSTITUSI

- 8 Amanat Pengerusi
- 10 Rangka Kerja Tadbir Urus dan
Kebertanggungjawaban
- 12 Lembaga Pengarah
- 14 Perutusan Pengarah Urusan
- 20 Kumpulan Perancangan Strategik

27 ULASAN KEWANGAN

- 28 Sorotan Kewangan
- 32 Laporan Juruaudit Bebas
- 33 Petunjuk Kewangan Terpilih
- 35 Kewangan Islam dan
Pengurusan Modal dan Liabiliti

39 MEMBINA NILAI SEJATI MELALUI PELABURAN KAMI

- 40 Melabur dalam Pertumbuhan
dan Pembangunan
- 42 Memperkasakan Syarikat Kami
- 44 Memacu Prestasi dan Melakar
Hala Tuju Baharu



WORLD BANK GROUP

Kedudukan Malaysia
di tempat ke-**8/190**dari segi perolehan
bekalan elektrik kekal
untuk perniagaanIndeks Perolehan Bekalan
Elektrik Bank Dunia (2018)

Sejak penubuhannya 63 tahun yang lalu, Tenaga Nasional Berhad (TNB) berbangga dengan kedudukannya sebagai syarikat utiliti pembekal elektrik terulung di Malaysia dengan kehadiran di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Labuan. Ia juga adalah sebuah syarikat terkemuka di rantau ini, TNB adalah salah sebuah syarikat pembekal elektrik terbesar di Asia lanjutan daripada inisiatif transformasinya menjadi jaguh domestik dan serantau.

JUMLAH PELANGGAN**9.1j**PELANGGAN DI SEMENANJUNG
MALAYSIA, SABAH DAN LABUAN

Gambar ihsan NASA

- 46** Portfolio Syarikat
- 64** Membina Kehadiran Serantau
- 66** Sumbangan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Terhadap Pembinaan Negara

**71 BERKONGSI
MANFAAT
DENGAN PIHAK
BERKEPENTINGAN**

- 72** Keterangkuman & Kelestarian
- 80** Sorotan Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat Terpilih pada 2017
- 82** Menyokong Transformasi Negara

83**KAJIAN KES**

- 84** **Kajian Kes 1:** China: Meneroka Peluang Global
- 88** **Kajian Kes 2:** M+S: Mewujudkan Nilai Strategik Bagi Dua Negara
- 92** **Kajian Kes 3:** Hari Hasanah: Berkongsi Nilai Sejati Dengan Rakyat

99**MEMBINA SEBUAH
INSTITUSI**

- 100** Khazanah sebagai Organisasi Pembelajaran
- 107** Warga Kami, Nilai Kami

SIAPA KAMI

Khazanah Nasional Berhad
ialah dana pelaburan strategik
Kerajaan Malaysia



**Tengku Dato' Sri Azmil Zahrudin
Raja Abdul Aziz**
*Timbalan Pengarah Urusan dan Ketua
Bersama, Pelaburan (Pengurusan Bahagian)*

Saya teruja dengan projek TIDE, yang kami lancarkan pada tahun 2017. Kami sedang bekerjasama dengan beberapa syarikat utama kami untuk membantu mereka dalam meningkatkan inovasi, dengan matlamat untuk meningkatkan bahagian khidmat pelanggan, kecekapan dan kemahiran. Kami telah menganjurkan bengkel inovasi untuk mencari penyelesaian bagi menangani masalah besar, projek untuk meningkatkan penggunaan analisis data, dan lawatan bersepadu ke syarikat-syarikat yang mengamalkan amalan terbaik di dunia.

(Sila rujuk halaman 17 untuk maklumat lanjut tentang Projek TIDE)



Lihat video korporat
Khazanah

Kami memegang dan mengurus aset-aset komersial milik Kerajaan dan membuat pelaburan strategik bagi pihaknya. Kami terlibat dalam sektor-sektor seperti tenaga, telekomunikasi, kewangan, penjagaan kesihatan, penerbangan, infrastruktur, riadah dan pelancongan serta hartanah. Syarikat-syarikat awam utama dalam portfolio kami termasuk Axiata Group Berhad, CIMB Group Holdings Berhad, Tenaga Nasional Berhad, IHH Healthcare Berhad, UEM Sunrise Berhad, Telekom Malaysia Berhad dan Malaysia Airports Holdings Berhad.

Khazanah diperbadankan bawah Akta Syarikat 1965 pada 3 September 1993 sebagai syarikat awam dan memulakan operasi setahun kemudian. Khazanah dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan), kecuali satu saham yang dipegang oleh Suruhanjaya Tanah Persekutuan.

Pada 2004, Tan Sri Datuk Wira Azman Mokhtar telah dilantik untuk menerajui Khazanah dan melaksanakan rombakan strategik berdasarkan mandat baharunya. Beliau melapor kepada Lembaga Pengarah yang kini dipengerusikan oleh Perdana Menteri Malaysia dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak.



MANDAT KAMI

Visi Khazanah adalah untuk menjadi pusat peneraju pelaburan strategik yang mencipta nilai mampan untuk Malaysia bagi membolehkannya berdaya saing di peringkat global. Pendekatan pelaburan proaktif kami termasuk pengurusan pelaburan teras, memanfaatkan kehadiran di peringkat global bagi sektor pertumbuhan baharu, di samping melaksanakan pelaburan pemangkin yang strategik untuk melonjakkan ekonomi negara. Kami juga terlibat secara berterusan dalam pembangunan modal insan, sosial dan ilmu pengetahuan untuk negara.

BRETTON WOODS II
 Khazanah Nasional disenaraikan antara **25** syarikat yang paling bertanggungjawab dari segi peruntukan aset di dunia yang diakui oleh senarai Pemimpin Bretton Woods II



Ahmad Zulqarnain Onn
 Timbalan Pengarah Urusan dan Ketua, Unit Pengurusan Strategik

Kejayaan jangka panjang Khazanah ditentukan oleh keupayaan kami untuk menjana pulangan terlaras risiko yang lebih tinggi, dan program Transformasi 2.0 kami merupakan inisiatif penting dalam memacu syarikat pelaburan Khazanah ke arah menjadi syarikat yang berdaya saing di peringkat serantau dan antarabangsa. Kejayaan bukan hanya ditentukan oleh prestasi kewangan, tetapi juga bagaimana syarikat-syarikat kami memberi sumbangan positif kepada masyarakat secara keseluruhannya.

(Rujuk halaman 17 untuk maklumat lanjut tentang Transformasi 2.0)



Ilustrasi ini merangkumi mandat Khazanah, dengan bumbung yang mewakili misi kami, disokong oleh empat tonggak yang mentakrifkan kerja kami dan berpaksikan asas-asas teras kami.



TINJAUAN 2017

Tahun 2017 menyaksikan beberapa urus niaga utama dilaksanakan, yang terus membuktikan peranan kami sebagai dana pelaburan strategik. Ini termasuk transaksi korporat, aktiviti penstrukturan semula, pelaburan, pelupusan pelaburan strategik untuk menyokong matlamat pembangunan negara, di samping projek pemangkin dan pengambilalihan untuk memanfaatkan bidang pertumbuhan baharu.

- Syarikat pelaburan
- Acara dalaman
- Acara Iuaran

Sumber: Kompilasi Khazanah





Kapten Izham Ismail diumumkan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

SEA IPO disenaraikan di NYSE



2

CIMB
Pelupusan 1.0% kepentingan dalam CIMB

20 OKT

16 OKT

30 OKT

4 OKT

MALAYSIA AIRPORTS
Pelupusan 3.5% kepentingan dalam MAHB

3 OKT

KNEO
KNEO dilancarkan oleh Menteri Kewangan II

4 NOV

UEM SUNRISE
A member of UEM Group
Memeterai Perjanjian Jual Beli dengan Country View Resources, Iskandar Puteri Land

9 JUN

IHH Healthcare Berhad
Majlis pecah tanah Gleneagles Shanghai

2-3 OKT

Khazanah Nasional
KHAZANAH MEGATRENDS FORUM 2017
CEREBRUM **ALGORITHM**
Building True Value in a Post-Truth World

8 NOV

Khazanah Research Institute
Why Trade Matters: Trade Issues in Non-Communicable Diseases Essentials Medicines and Education diterbitkan

29 JUN

Alibaba Group
Pengumuman pelaburan dalam Lazada

19 SEP

Khazanah Nasional
Tan Sri Nor Mohamed Yacop melepaskan jawatan sebagai Timbalan Pengerusi

9 NOV

50
Transformasi Nasional 2050
Dialog TN50 dengan Menteri Belia dan Sukan

20 JULAI

CIMB
Pelupusan 1.0% kepentingan dalam CIMB

3 SEP

Hari Hasaniah
#BerBudiBersama #ForGoodTogether
TAMAN TUGU PROJECT
Amanah Warisan Negara ditubuhkan

21-23 NOV

WIEF FOUNDATION
WIEF ke-13 di Kuching

24 JULAI

CIMB **Teluk AGO**
Kerjasama dengan Alipay untuk penyelesaian domet mudah alih

21 OGOS

Negaraku Negara Kita
Pelancaran kempen 'Negaraku, Negara Kita'

25-26 NOV

Hasaniah bersama Rakyat
#BerBudiBersama #ForGoodTogether
ISKARNIVAL
BISNESAT PUTEH 2017

1 DIS

THEMED ATTRACTIONS RESORTS & HOTELS
Amir Hamzah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif baharu

15 OGOS

UEM EDGENTA
A member of UEM Group
Pelupusan 61.2% kepentingan dalam Opus International Consultants

11 DIS

Khazanah mengumumkan pelantikan ahli Lembaga Pengarah dan Timbalan Pengarah Urusan baharu

14 DIS

IHH Healthcare Berhad
Majlis pecah tanah Hospital IMU

25-26 JULAI

INVEST MALAYSIA 2017

9 OGOS

TIDE
Trending Innovation Disruption Entrepreneurship
Hari Terbuka TIDE

1 OGOS

Pelancaran tranch kedua Sukuk SRI dengan bahagian runcit

① Tan Sri Azman Mokhtar (tengah) bersama dengan ahli pasukan Kepimpinan Kanan Khazanah menyampaikan taklimat kepada media semasa Ulasan Tahunan Khazanah 2018

② Tengku Dato' Sri Azmil Zaharuddin, Timbalan Pengarah Urusan, memberi taklimat kepada syarikat pelaburan di Hari Terbuka TIDE

③ Penduduk di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Semarak mengambil bahagian dalam tarian Zumba semasa sambutan Hari Hasaniah pada 3 September 2017

3



KHAZANAH NASIONAL CONSULTING (BEIJING) COMPANY LIMITED

Khazanah membuka pejabat di Beijing pada 2008 dalam usaha untuk bertapak di China dan mengambil bahagian dalam pertumbuhan negara tersebut. Pejabat di Beijing adalah pejabat Khazanah yang pertama dibuka di luar negara. Ia juga menyediakan platform untuk membina hubungan ekonomi dua hala yang lebih erat antara Malaysia dan China.



01



DiZhong Nie
Penolong Naib Presiden,
Pelaburan

Bagi Khazanah, China bukan sahaja ekonomi sedang membangun yang besar untuk menjana pulangan pelaburan, tetapi juga tempat untuk bertukar dan berkongsi pengetahuan serta pengalaman unik untuk menjana idea baharu.

RANGKUMAN INSTITUSI

Khazanah terus berkembang sebagai sebuah institusi yang disokong oleh rangka kerja tadbir urus dan kebertanggungjawaban yang kukuh. Lembaga Pengarah kami, yang dipimpin oleh Pengerusi, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, membimbing pihak pengurusan dalam melaksanakan mandat kami.

Amanat Pengerusi 8

Rangka Kerja Tadbir Urus dan Kbertanggungjawaban 10

Lembaga Pengarah 12

Perutusan Pengarah Urusan 14

Kumpulan Perancangan Strategik 20



AMANAT PENGERUSI

Malaysia terus berkembang kukuh dalam bidang ekonomi, meningkatkan kesejahteraan rakyat

Alhamdulillah, kita, sebagai warga negara Malaysia, sesungguhnya perlu banyak bersyukur. Kita menikmati pencapaian yang baik, sama ada di dalam negara mahupun di peringkat antarabangsa. Malah, Malaysia bergerak lebih jauh ke hadapan sebagai sebuah negara, dipacu oleh peningkatan ekonomi yang mampan dan berpendapatan tinggi inklusif serta peningkatan daya saing global.

Ekonomi kita kekal berada di landasan pertumbuhan yang menyaksikan pertumbuhan KDNK lebih kukuh pada kadar 5.9% pada 2017, didukung oleh permintaan sektor swasta dengan sokongan dari sektor luaran. Pertumbuhan dijangka terus menggalakkan pada 2018, dengan permintaan domestik kekal sebagai pemacu utama. Jangkaan pengembangan ekonomi global yang lebih pesat, akan terus memberi manfaat kepada eksport Malaysia, dengan limpahan kesan positif terhadap aktiviti ekonomi domestik.

Sebagai negara perdagangan, kita telah mencatatkan tahap pencapaian yang lebih tinggi. Pertumbuhan perdagangan Malaysia pada 2017 adalah tertinggi dalam tempoh 13

tahun, dengan melonjak 19.4% kepada RM1.774 trilion, berbanding RM1.486 trilion pada tahun sebelumnya. Eksport meningkat ketara sebanyak 18.9%, pertumbuhan paling kukuh sejak 2005, sekali gus mencapai tahap tertinggi baharu sebanyak RM935.39 bilion. Ia hasil daripada sumbangan kukuh beberapa sektor ekonomi.

Pasaran modal kita, kaedah utama untuk membiayai pertumbuhan perniagaan, terus mencatatkan pertumbuhan kukuh. Indeks penanda aras FBM KLCI meningkat sebanyak 105% sejak 2009 sementara permodalan pasaran melonjak sebanyak 187%. Pada 2017, aliran masuk dana bersih asing mencecah angka positif RM10.8 bilion, tertinggi sejak 2012. Terbitan kasar bon korporat mencatatkan rekod tertinggi sebanyak RM124.9 bilion pada 2017 manakala Pasaran Modal Islam Malaysia secara keseluruhannya - yang mana pasaran sukuk kita adalah yang terbesar di dunia - meningkat 11.9% untuk mencapai saiz RM1.9 trilion berbanding RM1.7 trilion setahun lalu. Di samping itu, ringgit Malaysia adalah salah satu daripada mata wang yang mencatatkan prestasi terbaik di Asia, meningkat 10.4% berbanding USD pada 2017. Semua petunjuk ini



mencerminkan sentimen positif dalam kalangan pelabur dan pengiktirafan terhadap asas ekonomi dan kewangan Malaysia yang cemerlang.

Kekuatan ekonomi modal negara menyumbang kepada pengukuhan ekonomi rakyat, termasuk peningkatan taraf hidup, peningkatan kemahiran dan pemindahan pengetahuan dalam kalangan remaja serta populasi berpendidikan tinggi yang semakin meningkat, serta produktiviti yang lebih tinggi. Kadar inflasi Malaysia terus kekal rendah, pada purata 3.7% pada 2017, manakala kepelbagaian ekonomi Malaysia telah mencipta lebih banyak peluang pekerjaan. Antara 2009 hingga 2016, sejumlah 2.26 juta peluang pekerjaan telah diwujudkan, yang mana lebih daripada satu juta pekerjaan adalah berpendapatan tinggi. Ia juga mewakili 69% daripada 3.3 juta pekerjaan yang disasarkan untuk diwujudkan menjelang 2020.

Kemajuan yang dicapai oleh Malaysia turut mendapat pengiktirafan antarabangsa. Indeks Daya Saing Global Forum Ekonomi Dunia bagi 2017-2018 meletakkan Malaysia di tangga ketiga bagi Kekukuhan Perlindungan Pelabur, kelima untuk Bayar dan Produktiviti, kelima untuk Beban Peraturan Kerajaan yang rendah, dan ke-14 untuk Kualiti Sistem Pendidikan. Sementara itu, Bank Dunia menjangkakan Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi dalam beberapa tahun akan datang, sambil menambah ekonomi Malaysia mencapai kemajuan berterusan daripada tahap pengukuhan. Perlu juga ditegaskan bahawa kisah pertumbuhan Malaysia tidak dicapai dalam tempoh waktu yang singkat. Sejak dahulu lagi, kita telah membuat keputusan yang sukar dan betul untuk ekonomi Malaysia dan rakyat. Sebagai contoh, pengurangan secara beransur-ansur dalam subsidi petrol telah menyelamatkan negara berjuta ringgit, sementara pengenalan GST (Cukai Barang & Perkhidmatan) telah menghasilkan pendapatan cukai yang lebih tinggi untuk negara. Manfaat ekonomi modal selalunya mesti mempunyai kesan limpahan atas ekonomi rakyat, dan ini dapat dilihat apabila pendapatan per kapita rakyat Malaysia meningkat kepada RM40,713 pada 2017 daripada RM27,819 pada 2010 dan dijangka terus meningkat kepada RM42,777 pada 2018.

Khazanah, sebagai dana pelaburan strategik bagi Kerajaan Malaysia, terus memainkan peranannya dalam menyumbang ke arah kemajuan negara sebagai ekonomi mampan dan negara yang kompetitif di peringkat global. Operasi dan pelaburan Khazanah terletak di pasaran utama di seluruh dunia, dan saya gembira dapat melihat banyak syarikat milik Khazanah telah menjadi kompetitif di peringkat serantau, bahkan muncul sebagai pemain global. Syarikat-syarikat ini termasuk IHH Healthcare Berhad, penyedia penjagaan kesihatan swasta kedua terbesar di dunia; CIMB Group, sebuah bank terkemuka di rantau ASEAN dan salah satu bank pelaburan terbesar di Asia; dan Axiata Group Berhad, yang merupakan salah satu peneraju kumpulan telekomunikasi di Asia dengan 350 juta



pelanggan di 11 buah negara.

Pada masa sama, Khazanah terlibat secara aktif dalam pelbagai inisiatif Tanggungjawab Korporat (CR) melalui yayasannya, Yayasan Hasanah, serta beberapa entiti berkaitan - Yayasan Khazanah, Khazanah Research Institute dan Think City.

Khazanah dan Yayasan Hasanah secara kolektif membelanjakan RM1.2 bilion untuk inisiatif CR sejak 2006, khususnya dalam pendidikan, pembangunan masyarakat dan alam sekitar. Khazanah menyokong agenda pembangunan nasional negara dengan memainkan peranan aktif dalam pembangunan modal insan, termasuk anugerah biasiswa melalui Yayasan Khazanah, latihan untuk graduan melalui sumbangannya dalam Skim Latihan 1Malaysia (SL1M), dan peningkatan kualiti pendidikan melalui Program Sekolah Amanah. Khazanah Research Institute menyediakan input dasar penting melalui penyelidikannya berkaitan pelbagai isu utama negara. Pembabitan Khazanah di ruang awam, terutamanya projek Taman Tugu, serta penjaan semula dan pemuliharaan warisan bandar melalui Think City, adalah inisiatif penting untuk meningkatkan kebolehan bandar raya dan kawasan komuniti kita, sementara memelihara dan membangunkan warisan, budaya dan seni bina kesemua kawasan tersebut.

Sebagai Pengerusi Khazanah, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah, pengurusan kanan dan kakitangan Khazanah atas usaha dan sumbangan mereka ke arah memastikan kemajuan dan pembangunan berterusan untuk Malaysia. Seperti lazimnya, kita tetap komited dalam membina nilai sejati untuk Malaysia dan rakyatnya, insya-Allah.

Terima kasih.

**Dato' Sri Mohd Najib
Tun Abdul Razak**

*Pengerusi
Khazanah Nasional Berhad*

RANGKA KERJA TADBIR URUS DAN KEBERTANGGUNGJAWABAN

Kami dipandu oleh rangka kerja yang menetapkan tanggungjawab, kuasa dan struktur tadbir urus yang jelas

Kami beroperasi dalam rangka kerja mandat yang ditakrifkan dengan jelas dan dijangka dengan matlamat pembangunan negara, yang ditetapkan oleh pemegang saham utama kami, iaitu Kerajaan Malaysia.

Rangka Kerja Tadbir Urus dan Pengurusan Risiko (GRMF) kami berfungsi sebagai panduan untuk pengurusan risiko yang berkesan, dan untuk memupuk budaya tadbir urus korporat dan pengurusan risiko yang baik di Khazanah.

Rangka kerja ini terdiri daripada Dasar Pengurusan Risiko, Senarai Perkara untuk Lembaga Pengarah, Had Kuasa kepada Pengurusan, dan Kod Tingkah Laku serta Dasar dan Tatacara, yang membimbing kakitangan dalam tindakan dan tingkah laku mereka.

Lembaga Pengarah mentadbir operasi kami. Ahli Lembaga Pengarah terdiri daripada wakil Kerajaan dan sektor korporat daripada pelbagai latar belakang dan kepakaran profesional. Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan, merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah Khazanah.

Lembaga Pengarah bermesyuarat secara berkala dan bertanggungjawab bagi keseluruhan tadbir urus yang merangkumi perkara berkenaan prestasi dan kepatuhan. Piagam Lembaga Pengarah menggariskan peranan dan tanggungjawab ahli Lembaga Pengarah dalam menyelia pengurusan Khazanah.

Lembaga Pengarah dibantu oleh tiga jawatankuasa kecil yang terdiri daripada Jawatankuasa Eksekutif (EXCO), Jawatankuasa Audit dan Risiko (ARC) dan Jawatankuasa Pencalonan dan Ganjaran (NRC). EXCO yang dianggotai oleh lima orang ahli terdiri daripada empat Pengarah Bukan-Eksekutif dan seorang Pengarah Eksekutif. ARC terdiri daripada empat orang Pengarah

Bebas, sementara NRC dianggotai oleh empat orang ahli yang terdiri daripada tiga Pengarah Bukan-Eksekutif dan seorang Pengarah Eksekutif. NRC baru sahaja ditubuhkan pada bulan Disember 2017 untuk membantu Lembaga Pengarah dalam pencalonan, pelantikan dan pembaharuan ahli Lembaga Pengarah dan Pengarah Urusan Khazanah, selain pelantikan barisan pengurusan yang terdiri daripada para Pengarah Eksekutif, termasuk menyemak pakej ganjaran serta lain-lain perkara berkenaan pengurusan sumber manusia.

Khazanah mendukung piawaian yang ketat berkenaan ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam rangka kerja tadbir urus kami, yang menetapkan struktur tanggungjawab, kuasa dan tadbir urus yang jelas. Parameter ini menjadi panduan operasi kami secara keseluruhannya. Sistem dan kawalan dalaman berbentuk dasar, tatacara dan garis panduan berkenaan pelbagai perkara, daripada pengurusan risiko dan kelulusan pelaburan kepada nilai korporat dan etika, mengukuhkan lagi amalan tadbir urus kami.

Kami mematuhi keperluan pendedahan awam berkanun berkenaan pelaburan, pelupusan pelaburan dan kegiatan penajaan modal.

Menyokong amalan terbaik Malaysia dan antarabangsa

Khazanah ialah penandatanganan dan ahli dalam beberapa usaha yang berkaitan tadbir urus dan kebertanggungjawaban sebagai sebuah institusi termasuk:

1. Penandatanganan kepada Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNPRI), yang mana kami berpegang kepada enam prinsip yang memberi pilihan untuk memasukkan elemen Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir urus (ESG) dalam amalan pelaburan kami.
2. Ahli dalam Forum Antarabangsa Dana Harta Berdaulat (IFSWF), yang mana kami bekerjasama secara aktif dengan dana harta berdaulat (SWF) lain untuk mengukuhkan komuniti SWF dan menggalakkan pemahaman yang lebih mendalam tentang peranan dan tanggungjawab SWF.
3. Ahli FCLTGlobal (Memfokuskan Modal kepada Jangka Panjang), yang mana kami menyumbang kepada usaha-usaha untuk membangunkan dan menggalakkan fokus jangka panjang dalam membuat keputusan perniagaan dan pelaburan.
4. Penandatanganan kepada Ikrar Integriti Korporat oleh Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) yang menggariskan komitmen utuh kami terhadap integriti dan tadbir urus yang baik.



Disamping itu, kami membuat pendedahan sewajarnya berhubung prestasi dan operasi kami, sama ada yang diperlukan oleh undang-undang dan pihak berkuasa tertentu atau penyebaran maklumat kepada pihak berkepentingan secara sukarela, termasuk orang awam menerusi pelbagai platform dan forum.

Akaun kami diaudit oleh juruaudit luaran bebas, dan penyata kewangan yang telah diaudit diserahkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia. Maklumat kewangan dikongsi dengan pemegang saham kami, Menteri Kewangan (Diperbadankan), Bank Negara Malaysia dan Jabatan Statistik secara berkala.

Kami telah berkongsi maklumat penting dengan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara. Kami juga menyiarkan maklumat utama kepada orang ramai di laman web rasmi kami dan melalui penerbitan tahunan termasuk Laporan Khazanah.

Penglibatan pihak berkepentingan terus menjadi keutamaan kami. Pelbagai program jangkauan dianjurkan untuk pihak media, penganalisis dan pengurus dana, agensi kerajaan, ahli-ahli parlimen dan organisasi masyarakat sivil, untuk memaklumkan mereka tentang operasi, aktiviti dan prestasi kami. Ini bertujuan untuk meningkatkan lagi pemahaman mereka tentang Khazanah.

Seiring dengan usaha kami untuk terus mempertingkatkan rangka kerja tadbir urus dan kebertanggungjawaban Khazanah, kami juga menyokong dan menyumbang kepada inisiatif dan amalan terbaik yang menggalakkan tadbir urus yang baik, pengurusan risiko yang mantap, dan kemampanan jangka panjang, pada peringkat domestik dan antarabangsa.



Dato' Shamshun Baharin B. Mohd Jamil, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM bersama Tan Sri Azman di majlis penandatanganan CIP



Nabiya Jasmine Anthony
Penolong Naib Presiden,
Unit Pengurusan Strategik

Sebahagian daripada tugas saya membabitkan usaha untuk menjajarkan aktiviti teras Khazanah dengan piawaian global berkaitan pelaburan yang mampan dan bertanggungjawab. Saya percaya bahawa penekanan kepada tadbir urus yang mantap dan pematuan kepada amalan terbaik kemasyarakatan dan alam sekitar akan memberikan kelebihan daya saing kepada syarikat kami di peringkat global.

Komitmen kepada tadbir urus organisasi yang baik

Khazanah adalah penandatangan kepada Kod Pelabur Institusi Malaysia dan ahli dalam Majlis Pelabur Institusi Malaysia (IIC). Kami menyokong sepenuhnya enam prinsip Kod tersebut dan Penyata Kepatuhan penuh kami disiarkan di laman web kami. Untuk tatapan awam, berikut adalah ringkasan prinsip Kod tersebut dan pematuan kami terhadapnya:

1. Pelabur institusi perlu mendedahkan dasar mengenai tanggungjawab pengawasan mereka

GRMF kami menetapkan tanggungjawab, kuasa dan struktur tadbir urus yang jelas untuk Khazanah. Rangka kerja ini menjadi panduan untuk semua aktiviti pelaburan dan tatakelakuan perniagaan kami.

2. Pelabur institusi perlu memantau syarikat pelaburan mereka

Portfolio pelaburan Khazanah dipantau dan diuruskan secara aktif oleh pasukan pelaburan masing-masing, berdasarkan Kenyataan Amalan untuk Pengurusan dan Pemantauan Khazanah. Ini termasuk pembangunan Perancangan Penciptaan Nilai dan pemantauan berkaitan pencapaian prestasi terhadap sasaran.

3. Pelabur institusi perlu membabitkan diri dengan syarikat pelaburan mengikut kesesuaian

Kami dipandu oleh Rangka Kerja Penglibatan Lima Perkara dalam pendekatan pelaburan secara kolaboratif dengan syarikat pelaburan Khazanah. Rangka kerja ini membantu kami memantau kemajuan syarikat-syarikat tersebut di samping memperkasakan mereka untuk menjadi entiti berprestasi tinggi.

4. Pelabur institusi perlu menerima guna dasar yang kukuh dalam menguruskan konflik kepentingan, yang perlu didedahkan kepada orang awam

Khazanah melaksanakan dasar dan proses yang kukuh dalam menguruskan konflik, seperti digariskan dalam Buku Panduan Kod Tingkah Laku Kakitangan dan Kod Etika Perniagaan Untuk Pembekal. Kedua-dua dokumen tersebut disiarkan untuk orang awam di laman web kami.

5. Pelabur institusi perlu merangkum tadbir urus korporat dan pertimbangan kemampanan dalam proses membuat keputusan pelaburan.

6. Pelabur institusi perlu menyiarkan dasar pengundian yang dilaksanakan oleh Khazanah berkenaan dasar dan rangka kerja untuk Prinsip 5 dan 6.

LEMBAGA PENGARAH



DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK
Pengerusi

Dato' Sri Mohd Najib ialah Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan. Sebelum ini, beliau pernah menyandang pelbagai jawatan kabinet termasuk Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Menteri Pertahanan, Menteri Pendidikan, dan Timbalan Perdana Menteri dari 2004 hingga 2009. Dato' Sri Mohd Najib juga pernah berkhidmat sebagai Menteri Besar Pahang dari 1982 hingga 1986.



**TAN SRI MOHAMED AZMAN
YAHYA**
*Pengarah dan Ahli
Jawatankuasa Eksekutif
(EXCO)*

Tan Sri Mohamed Azman ialah Pengasas dan Pengerusi Eksekutif Symphony House Sdn Bhd dan Pengerusi Eksekutif Symphony Life Berhad. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Ekuiti Nasional Berhad dan beberapa syarikat pelaburan Khazanah. Sebelum ini, beliau merupakan Ketua Eksekutif Danaharta Nasional Berhad dan Pengerusi Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat.



**DATO' MOHAMMED
AZLAN HASHIM**
*Pengarah dan Ahli
Jawatankuasa Eksekutif
(EXCO)*

Dato' Mohammed Azlan ialah Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah beberapa syarikat awam tersenarai dan organisasi berkaitan Kerajaan. Dato' Mohammed Azlan merupakan mantan Ketua Eksekutif Bumiputra Merchant Bankers Berhad, Pengarah Urusan Kumpulan Amanah Capital Malaysia Berhad dan Pengerusi Eksekutif Bursa Malaysia Berhad.



**RAJA TAN SRI DATO'
SERI ARSHAD BIN RAJA
TUN UDA**
*Pengarah dan Pengerusi
Jawatankuasa Audit dan
Risiko (ARC)*

Raja Tan Sri Arshad ialah Pengerusi Maxis Berhad, Ekuiti Nasional Berhad dan Yayasan Raja Muda Selangor. Sebelum ini, beliau merupakan Pengerusi Eksekutif dan Rakan Kongsi Kanan PricewaterhouseCoopers Malaysia selama 18 tahun.



**TAN SRI ANDREW SHENG
LEN TAO**
*Pengarah dan Ahli
Jawatankuasa Audit dan
Risiko (ARC)*

Tan Sri Andrew merupakan Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah, Khazanah Research Institute dan Ketua Penasihat kepada Suruhanjaya Kawal Selia Perbankan China. Jawatan kanan yang pernah beliau sandang termasuk Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti dan Niaga Hadapan Hong Kong, Timbalan Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Kewangan Hong Kong serta Ketua Pakar Ekonomi dan Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia.



**TAN SRI DATO' SERI UTAMA
NOR MOHAMED YAKCOP**
*Timbalan Pengerusi
(hingga 30 September
2017)*

Tan Sri Nor merupakan mantan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang bertanggung jawab terhadap Unit Perancang Ekonomi. Beliau pernah berkhidmat sebagai Menteri Kewangan II dan Penasihat Khas Ekonomi kepada Perdana Menteri. Beliau juga pernah menyandang pelbagai jawatan di Bank Negara Malaysia selama 30 tahun.



**DATUK SERI JOHARI
ABDUL GHANI**
Pengarah

Datuk Seri Johari ialah Menteri Kewangan II. Beliau pernah memegang jawatan Timbalan Menteri Kewangan. Beliau memiliki pengalaman luas dalam sektor korporat yang diperoleh ketika beliau berkhidmat sebagai Pengarah Urusan dan Pengerusi di beberapa syarikat termasuk yang tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia.



**TAN SRI DR MOHD IRWAN
SERIGAR ABDULLAH**
Pengarah

Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar merupakan Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan. Beliau turut memegang jawatan ahli Lembaga Pengarah di beberapa organisasi utama termasuk Permodalan Nasional Berhad, PETRONAS, Lembaga Tabung Haji, Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd dan Bank Negara Malaysia. Beliau juga merupakan Pengerusi Dana Persaraan (Diperbadankan), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia dan Pusat Inovasi dan Kreativiti Global Malaysia (MaGIC).



TAN SRI MD NOR MD YUSOF
*Pengarah dan Pengerusi
Jawatan Kuasa Eksekutif
(EXCO)*

Tan Sri Md Nor merupakan Pengerusi Malaysia Airlines Berhad dan ahli Lembaga Pengarah di beberapa syarikat, termasuk Pelaburan Hartanah Berhad dan syarikat-syarikat pelaburan utama Khazanah. Beliau menganggotai Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Khazanah dan sebelum ini pernah menyandang jawatan Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti dan Penasihat kepada Kementerian Kewangan.



**DATO' SRI NAZIR TUN
ABDUL RAZAK**
*Pengarah dan Ahli
Jawatankuasa Audit dan
Risiko (ARC)*

Dato' Sri Nazir merupakan Pengerusi Kumpulan CIMB. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Penasihat Antarabangsa di Blavatnik School of Government, Universiti Oxford dan Pengerusi pertama Kumpulan Strategi Serantau ASEAN, Forum Ekonomi Dunia. Beliau merupakan pemegang amanah Yayasan CIMB dan Majlis Perniagaan Asia. Pada tahun 2015, beliau menerima Anugerah Pemimpin Perniagaan Asia daripada Asia House.



**DATO' DR NIRMALA
MENON**
*Pengarah dan Ahli
Jawatankuasa Eksekutif
(EXCO)*

Dato' Dr Nirmala mempunyai pengalaman selama lebih tiga dekad dalam sektor insurans dan kesihatan. Sebelum menyertai MetLife, Dato' Dr Nirmala pernah berkhidmat sebagai Ketua Asia Selatan di ING Asia Pacific Ltd. Sebelum itu, beliau pernah bertugas sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif di ING Malaysia Berhad, sekaligus menjadi Ketua Pegawai Eksekutif wanita pertama dalam industri insurans di Malaysia.



YEO KAR PENG
*Pengarah dan Ahli
Jawatankuasa Audit dan
Risiko (ARC)*

Yeo Kar Peng merupakan Pengerusi/Rakan Kongsi Urusan di Kendall Court Capital Partners dan merupakan salah seorang daripada pengasasnya. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah, Cenviro Sdn Bhd, iaitu anak syarikat milik penuh Khazanah. Sebelum menubuhkan Kendall Court, beliau bertugas sebagai Pengarah Urusan, Pasaran Global Citigroup. Beliau juga pernah menyandang jawatan Ketua Penyelidikan di Union Bank of Switzerland di Malaysia dan WI Carr.



**TAN SRI DATUK WIRA
AZMAN MOKHTAR**
Pengarah Urusan

Tan Sri Datuk Wira Azman merupakan Pengarah Urusan Khazanah dan mempengerusikan serta menganggotai Lembaga Pengarah beberapa syarikat pelaburan utama Khazanah. Beliau juga merupakan pengasas bersama dan mantan Pengarah Urusan BinaFikir Sdn Bhd, serta mantan Pengarah dan Ketua Penyelidikan di Salomon Smith Barney dan Union Bank of Switzerland di Malaysia.

PERUTUSAN PENGARAH URUSAN



Tonton video
Laporan
Khazanah
2017

Selamat membaca Laporan Khazanah 2017 (TKR 2017), edisi tahunan keenam Laporan Khazanah sejak edisi pertamanya diterbitkan pada 2013. Tema TKR 2017 ialah *Membina Nilai Sejati Ke Arah Malaysia Yang Berdaya Saing di Peringkat Global*, yang menggabungkan dua elemen utama merangkumi apa yang kami lakukan sebagai dana pelaburan strategik Kerajaan Malaysia. Untuk memperincikan lagi, Khazanah berusaha untuk memberikan pulangan kewangan, strategik dan kemasyarakatan (yang kami takrifkan sebagai nilai sejati) untuk negara Malaysia dan rakyatnya, dan dengan berbuat demikian, kami memainkan peranan kami dalam mempertingkatkan daya saing Malaysia secara keseluruhannya. Ini adalah visi dan misi kami, yang anda boleh baca dalam bahagian yang menerangkan tentang mandat Khazanah dengan lebih terperinci.

Tema tahun ini dapat dilihat pada reka bentuk dan elemen yang menghiasi laporan ini, yang kami harap berguna dan informatif bagi anda. Kami juga telah memperkenalkan beberapa ciri baharu dalam TKR2017 untuk memberi lebih akses kepada maklumat dan kandungan laporan ini. Antara ciri-ciri ini termasuk klip video selama 3 minit mengenai siapa kami, apa yang kami lakukan, serta prestasi dan pencapaian kami. Anda boleh menonton klip video TKR2017 hanya dengan mengimbasan kod QR dengan peranti mudah alih anda.

Penciptaan nilai jangka panjang

Alhamdulillah, Khazanah berjaya menunjukkan prestasi kewangan kukuh pada 2017. Kedudukan Nilai Bersih Dilaraskan (NWA) portfolio kami melonjak ke

tahap tertinggi RM115.6 bilion setakat 31 Disember 2017, iaitu peningkatan sebanyak 13.2% daripada RM 102.1 bilion yang dicatat pada tahun sebelumnya. Ini adalah pertumbuhan jangka panjang sebanyak 9.6% setahun (CAGR) dalam nilai portfolio sejak 2004, berdasarkan nilai perlindungan aset sebanyak 3.1 kali ganda berbanding jumlah liabiliti. Di samping itu, keuntungan sebelum cukai (PBT) meningkat sebanyak 81.3% kepada RM2.9 bilion, menjadikan PBT terkumpul sejak 2004 berjumlah RM28.0 bilion. Khazanah juga mengisytiharkan dividen sebanyak RM1.0 bilion untuk 2017, dengan jumlah keseluruhan dividen yang diisytiharkan sejak 2004 sebanyak RM10.11 bilion.

Penciptaan nilai jangka panjang adalah penting dalam usaha kami untuk membantu meningkatkan daya saing Malaysia pada peringkat global. Dalam mencari peluang di seluruh dunia, kami telah memperluaskan jejak kami di luar negara, bermula daripada pejabat serantau kami yang pertama di Beijing pada 2008 dan seterusnya keempat lagi pejabat yang telah kami buka selepas itu, dengan yang terbaru di London pada 2016. Di samping itu, kami terus memacu keserantauan dan pengantarabangsaan syarikat pelaburan Khazanah, yang sebahagiannya telah menjadi peneraju dalam industri masing-masing. Antara syarikat-syarikat ini ialah Kumpulan edotco Sdn Bhd, yang mengendalikan 26,000 menara telekomunikasi dalam enam buah negara; Kumpulan Axiata Berhad, yang memiliki 350 juta pelanggan di 11 buah negara; dan IHH Healthcare Berhad, yang merupakan salah satu kumpulan penjagaan kesihatan terbesar di dunia berdasarkan permodalan pasaran. Pada tahun lalu, IHH Healthcare menyaksikan



“

Penciptaan nilai jangka panjang adalah penting dalam usaha kami untuk membantu meningkatkan daya saing Malaysia di peringkat global

NILAI ASET BOLEH
DIREALISASI (RAV)

RM **157.2** bilion

RAV kami menunjukkan jumlah nilai semua pelaburan kami yang dipadankan dengan harga pasaran.

Setakat 31 Disember 2017

NILAI BERSIH
DILARASKAN (NWA)

RM **115.6** bilion

NWA adalah kaedah utama kami untuk mengukur nilai yang dicipta untuk portfolio kami setelah menolak jumlah liabiliti dan pemindahan kepada Kerajaan.

Setakat 31 Disember 2017

**TAN SRI
DATUK WIRA
AZMAN MOKHTAR**
*Pengarah Urusan
Khazanah Nasional
Berhad*



Tan Sri Azman bersama dengan Timbalan Pengarah Urusan Ahmad Zulqarnain Onn (dua dari kiri) dan Tengku Dato' Sri Azmil Zahrudin Raja Abdul Aziz (dua dari kanan); Jiv Sammanthan (paling kanan), Pengarah Eksekutif dan Ketua di Pejabat Pengarah Urusan dan Faridah Bakar Ali (paling kiri), Pengarah, Kewangan dan Ketua Pegawai Kewangan, di taklimat media Ulasan Tahunan Khazanah 2018

bermulanya operasi beberapa hospital baharu di Hong Kong dan Istanbul, dan melancarkan majlis pecah tanah untuk hospital baharu di Shanghai dan Kuala Lumpur. Khazanah juga membuat pelaburan jangka panjang dengan menggunakan kesalinglengkapan serantau untuk memberi manfaat kepada Malaysia dan negara-negara di mana kami melabur. Contoh utama pelaburan strategik tersebut ialah pembangunan bersama dengan Temasek Holdings (Private) Limited dalam projek Marina One dan DUO di Singapura. Kedua-dua projek tersebut dilancarkan pada awal 2018 dengan jumlah nilai pembangunan kasar sebanyak SGD11 billion. Seperti yang anda dapat lihat di halaman-halaman seterusnya dalam TKR tahun ini serta laporan yang kami keluarkan pada tahun-tahun sebelum ini, Khazanah berusaha untuk mencipta dan menyampaikan nilai kewangan, strategik dan kemasyarakatan merentasi sempadan pelaburan dan operasi kami, samada di Malaysia mahupun di luar negara.

Melalui kehadiran kami di luar negara, kami telah berjaya mengantarabangsakan portfolio pelaburan kami secara berperingkat, dengan pendedahan luar negara kami kini berada pada paras 44.5% daripada keseluruhan Nilai Aset Boleh Direalisasikan (RAV). Ini termasuk pelaburan yang kami lakukan pada 2017, seperti dalam pendorong e-dagang Koubei di China, pasar kereta terpakai terkemuka Kumpulan Auto1 di Eropah dan penyedia perkhidmatan penyambungan Internet-of-Things Sigfox yang berpangkalan di Perancis. Kami juga menuai nilai yang dicipta daripada pelaburan di luar negara pada masa lalu, termasuk pelupusan pelaburan daripada syarikat

pengurusan aset China Huarong, BDO Unibank di Filipina dan penyedia perkhidmatan awan VeloCloud.

Di dalam negara, syarikat pelaburan Khazanah terbabit dalam beberapa projek utama pada tahun lepas, termasuk pengoperasian penjana kuasa Manjung 5 oleh Tenaga Nasional Berhad; pelancaran Pusat Data Iskandar Puteri oleh Telekom Malaysia Berhad (TM) di Taman Teknologi Nusajaya, Johor; usaha sama antara Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dan Cainiao Smart Logistics Network untuk membangunkan pusat e-dagang di KLIA Aeropolis; dan kerjasama antara Touch n' Go, anak syarikat Kumpulan CIMB Berhad (CIMB), dengan Alipay untuk penyelesaian dompet mudah alih. Sementara itu, Malaysia Airlines Berhad (Malaysia Airlines) terus menunjukkan kemajuan dalam tahun keempat pelan penstrukturan semulanya.

Secara keseluruhan, Khazanah dan syarikat pelaburan Khazanah terus menyokong pertumbuhan domestik, mempertingkatkan pengantarabangsaaan dan memanfaatkan peluang pertumbuhan baharu, seperti inovasi dan teknologi. Sebagai dana pelaburan strategik Malaysia, kami terus memainkan peranan sebagai pemegang saham aktif dalam syarikat-syarikat kami. Berikutan kejayaan Program Transformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCT), kami terus melangkah ke hadapan dengan memulakan Transformasi 2.0 (T2.0) untuk memastikan syarikat-syarikat pelaburan Khazanah mendahului pesaing serantau mereka dari segi prestasi. T2.0 turut berfungsi untuk mentransformasikan syarikat-syarikat tersebut bagi menghadapi cabaran pada masa



hadapan, termasuk daya mengganggu yang wujud seiring dengan globalisasi dan perubahan teknologi yang pantas atau dikenali sebagai Revolusi Industri Ke-4.

Sejajar dengan T2.0, kami telah memperkenalkan Program TIDE (Trend, Inovasi, Gangguan dan Keusahawanan) pada tahun lalu untuk terus memacu prestasi syarikat pelaburan Khazanah. Program yang dijangka mengambil masa beberapa tahun ini adalah pendekatan kerjasama bermatlamatkan mencipta kesedaran dan menggalakkan penerimgunaan inovasi, gangguan dan keusahawanan dalam budaya syarikat. Selain daripada Program TIDE untuk syarikat pelaburan Khazanah, kami juga telah melancarkan Khazanah Nasional Entrepreneurship Outreach (KNEO) untuk membantu mencungkil bakat keusahawanan dalam kalangan warga Malaysia di seluruh negara. Lebih 700 permohonan telah diterima untuk inisiatif tersebut dan kami merancang untuk mengajurnya pada setiap tahun. Maklumat lanjut mengenai KNEO boleh didapati di www.khazanahneo.com.my. Kami juga terus memacu pelaburan yang bertanggungjawab, terutamanya melalui Projek Chronos, yang bertujuan untuk menilai impak pelaburan kami terhadap masyarakat di samping nilainya dari segi kewangan dan ekonomi. Anda akan mengetahui tentang inisiatif ini dengan lebih lanjut apabila kami melancarkannya dalam masa terdekat.

Berkongsi pulangan kepada masyarakat

Sebagaimana yang anda sedia maklum, aktiviti pengagihan nilai Khazanah merupakan komponen utama dalam mandat keseluruhan kami, terutamanya melalui inisiatif Tanggungjawab Korporat (CR) yang dilaksanakan oleh Yayasan Hasanah dan Khazanah sendiri. Pada 2017, Khazanah dan Yayasan Hasanah membelanjakan sebanyak RM233.5 juta untuk inisiatif CR, menjadikan jumlah perbelanjaannya RM1.2 bilion sejak 2006. Inisiatif ini termasuk 110 biasiswa yang dianugerahkan oleh Yayasan Khazanah, Program Khazanah-Skim Latihan 1Malaysia (SLIM) yang menyaksikan 4,220 orang siswazah diberikan latihan pada 2017, dan peningkatan penyertaan dalam Program Sekolah Amanah Yayasan AMIR ke-64 sekolah lagi. Kami juga telah menerbitkan tranche kedua Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab bernilai RM100 juta berjangka tujuh tahun, dengan RM5 juta dikhususkan bagi bahagian runcit.

Dana yang dijana daripada Sukuk ini digunakan untuk membiayai Program Sekolah Amanah. Inisiatif keterangkuman sosial lain yang dijalankan pada 2017 termasuk komitmen sebanyak RM24.0 juta untuk melaksanakan dan menyampaikan



(Dari kiri) Pengarah Urusan Khazanah Research Institute, Dato' Charon Mokhzani; Tan Sri Azman; Datuk Seri Johari Abdul Ghani; dan Timbalan Pengarah Urusan Khazanah, Tengku Dato 'Sri Azmil Zaharuddin di pelancaran program Khazanah Nasional Entrepreneurship Outreach (KNEO) sempena KMF2017

“

Kami juga menganjurkan Hari Hasanah buat julung kalinya pada 4 September 2017 untuk menggalakkan rakyat Malaysia menyumbang masa dan usaha untuk melakukan amalan kebajikan sebagai sebahagian daripada kempen Khazanah 'Negaraku, Negara Kita'.



Tan Sri Azman dan pelajar-pelajar dari SK Tabuan di acara Hasanah Bersama Rakyat di Santubong, Sarawak. SK Tabuan ialah sebuah sekolah di bawah Program Sekolah Amanah

inisiatif pembangunan sosial bagi rumah mampu milik, pembangunan keusahawanan, pembinaan kapasiti dan peningkatan kebolehdiaman di Iskandar Malaysia, Johor.

Tahun 2017 turut menyaksikan pengumuman pembentukan Amanah Warisan Negara, satu amanah pengumuman negara yang bakal menempatkan projek Taman Tugu bawahnya. Di samping itu, Kerajaan memperuntukkan tambahan 25 ekar tanah yang terletak bersebelahan untuk Projek Taman Tugu, menjadikan jumlah keluasan tanahnya kini 91 ekar. Anda boleh mengikuti kemajuan projek ini di www.tamantugu.com.my.

Kami juga mengadakan Hari Hasanah buat julung kalinya pada 3 September 2017 untuk menggalakkan rakyat Malaysia menyumbang masa dan usaha untuk melakukan amalan kebajikan, sebagai sebahagian

daripada kempen Khazanah "Negaraku, Negara Kita" bagi meraikan 60 tahun kemerdekaan Malaysia. Lebih 30,000 orang menerima impak melalui lebih 300 inisiatif Hari Hasanah, termasuk inisiatif yang dijalankan oleh kakitangan kami, yang semuanya mengambil bahagian secara individu atau berkumpulan. Tahun 2017 juga menyaksikan pelancaran Hasanah Bersama Rakyat (HBR), yang merupakan program jangkauan Hari Hasanah untuk komuniti B40 di wilayah terpilih. HBR juga telah diadakan di Iskandar Puteri di Johor, Santubong di Sarawak, Jeli di Kelantan dan Jerlun di Kedah.

Khazanah Research Institute (KRI) terus menyokong pembentukan dasar Kerajaan melalui penyelidikan dalam isu-isu mendesak negara. Pada 2017, KRI menerbitkan beberapa terbitan termasuk 'Why Trade Matters: Trade Issues in Non-Communicable Diseases Essentials Medicines and Education', yang



merupakan terbitan ketiga dalam siri laporan tentang perdagangan antarabangsa dan dasar perdagangan. KRI juga menerbitkan "Building Social Capital: The George Town Experiment", yang membuat sorotan mengenai manfaat dana pembangunan komuniti bagi mengurangkan tekanan akibat ketersingkirkan sosial melalui pembangunan semula bandar secara atas ke bawah.

Khazanah terus meningkatkan usaha dalam mengukuhkan integriti institusi, tadbir urus korporat dan kemampuan dengan menerima guna dan menyokong amalan dan piawai terbaik, baik di dalam negeri mahupun di peringkat antarabangsa. Kami adalah penandatangani bagi Kod Pelabur Institusi Malaysia yang diterajui oleh Majlis Pelabur Institusi Malaysia (IIC), yang mana kami juga adalah ahlinya; Ikrar Integriti Korporat oleh Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM); dan Prinsip Pelaburan Bertanggungjawab yang disokong oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Kami juga adalah ahli dalam Forum Antarabangsa Dana Kekayaan Negara (IFSWF), dan FCLTGlobal (Memfokuskan Modal ke Jangka Panjang), satu organisasi bukan untuk keuntungan yang menggalakkan fokus jangka panjang dalam membuat keputusan perniagaan dan pelaburan. Di samping itu, kami menjadi ahli beberapa badan Forum Ekonomi Dunia (WEF), termasuk Lembaga Pengawasan

Pelawat membuat ikrar untuk melakukan amalan kebajikan pada acara Hasanah Bersama Rakyat di Iskandar Malaysia



Inisiatif Sistem untuk Kemajuan Ekonomi Masa Hadapan dan Kumpulan Pemandu Serantau ASEAN. Khazanah juga mendapat pengiktirafan daripada Bretton Woods II dalam Senarai Peneraju 25 Peruntukan Aset Paling Bertanggungjawab pada 2017. Bretton Woods II ialah inisiatif oleh beberapa institusi pembangunan terkemuka dunia untuk menggalakkan impak sosial, kemampuan, dan tadbir urus yang baik dalam pelaburan.

Integriti institusi dan tadbir urus korporat adalah antara tonggak utama dalam usaha berterusan penginstitutionan kami, termasuk juga pengurusan penggantian. Dalam mesyuarat pada bulan Disember tahun lalu, Lembaga Pengarah Khazanah yang dipimpin oleh Pengerusinya, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak meluluskan rancangan penggantian kami, yang menyaksikan pelantikan dua orang Timbalan Pengarah Urusan, Tengku Dato' Sri Azmil Zahrudin Raja Abdul Aziz dan Ahmad Zulqarnain Onn, yang bermula pada 1 Januari 2018. Bagi pihak pengurusan dan kakitangan, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Tan Sri Dato' Seri Utama Nor Mohamed Yakcop atas kepimpinan, bimbingan dan sumbangan beliau sebagai ahli Lembaga Pengarah dan Timbalan Pengerusi Khazanah sepanjang 15 tahun beliau bersama kami hingga September 2017. Tan Sri Nor, melalui peranan beliau di Khazanah dan jawatan di kementerian sebelum ini, memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan pelbagai inisiatif, termasuk rombakan dan transformasi Khazanah, Program Transformasi GLC berjangka 10 Tahun, pembangunan pelbagai koridor ekonomi termasuk Iskandar Malaysia, serta penubuhan Yayasan Hasanah dan Khazanah Research Institute. Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan mengucapkan selamat datang kepada Puan Yeo Kar Peng susulan pelantikan beliau sebagai ahli Lembaga Pengarah pada bulan Disember 2017. Puan Yeo membawa bersama beliau pengalaman mendalam dalam sektor kewangan dan pasaran modal yang saya yakini akan memberi banyak manfaat kepada Khazanah.

Secara keseluruhan, Khazanah telah bekerja keras sepanjang tahun lalu dalam usaha kami untuk mendukung dan memenuhi pelbagai peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada kami. Ini hanya dapat dilaksanakan melalui usaha gigih dan sumbangan oleh banyak pihak, termasuk Lembaga Pengarah Khazanah, pengurusan dan kakitangan, rakan dan rakan kerjasama kami, serta semua pihak berkepentingan di Malaysia dan luar negara. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat. Sudah pasti, masih banyak yang perlu dilakukan, dan saya berharap untuk meneruskan usaha kolektif kami dalam membina nilai sejati bagi Malaysia dan rakyatnya.

Tan Sri Datuk Wira Azman Mokhtar

*Pengarah Urusan
Khazanah Nasional Berhad*

1 Mei 2018

KUMPULAN PERANCANGAN STRATEGIK

Kami memanfaatkan pengalaman luas dan keupayaan kakitangan kami dalam kerja yang kami lakukan

Kumpulan Perancangan Strategik (SPG) mewakili pasukan yang dianggotai kira-kira 100 kakitangan kanan, daripada Naib Presiden Kanan ke Pengarah Eksekutif. Ia membariskan individu daripada pelbagai industri dan bidang pengkhususan yang membawa pelbagai pengetahuan dan pengalaman yang luas kepada Khazanah.

SPG, termasuk Pasukan Kepimpinan Kanan (SLT), bersama-sama membantu dalam memastikan pelaksanaan dan penyampaian matlamat strategik dan komersial kami, berdasarkan hala tuju yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah kami, selaras dengan mandat kami.

BARISAN KEPIMPINAN KANAN



**TAN SRI DATUK WIRA
AZMAN MOKHTAR**
Pengarah Urusan

Barisan ini diterajui oleh Tan Sri Datuk Wira Azman Mokhtar, yang telah berkhidmat sebagai Pengarah Urusan sejak pelantikan beliau ke jawatan tersebut pada Jun 2004.



**TENGGU DATO' SRI AZMIL
ZAHRUDDIN RAJA ABDUL AZIZ**
*Timbalan Pengarah Urusan dan Ketua
Bersama, Pelaburan (Pengurusan
Bahagian)*

Tengku Dato' Sri Azmil menyertai Khazanah pada 2011 daripada Malaysian Airline System Berhad yang mana beliau merupakan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif. Sebelum itu, beliau merupakan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif di Penerbangan Malaysia Berhad. Beliau juga pernah berkhidmat di PricewaterhouseCoopers di London dan Hong Kong.



AHMAD ZULQARNAIN ONN
*Timbalan Pengarah Urusan dan Ketua,
Unit Pengurusan Strategik*

Zulqarnain menyertai Khazanah pada 2014. Beliau berpengalaman lebih 18 tahun dalam sektor perbankan dan korporat, termasuk di UBS Warburg, Pengurusan Danaharta Nasional Berhad, Kumpulan CIMB dan Kumpulan Symphony.

**DATUK BEN CHAN**

Pengarah Eksekutif, Pelaburan dan Ketua Bersama Pelaburan (Urus Niaga) (hingga 31 Mei 2018)

Datuk Ben menyertai Khazanah pada 2005. Beliau merupakan mantan Pengarah Penyelidikan di beberapa syarikat pelaburan di Malaysia dan Singapura. Sebelum itu, beliau merupakan ketua penyelidikan sektor China di Cazenove & Co dan ING Barings, yang beribu pejabat di Hong Kong.

**JIV SAMMANTHAN**

Pengarah Eksekutif, Pejabat Pengarah Urusan dan Ketua Pejabat Pengarah Urusan

Jiv menyertai Khazanah pada 2010. Sebelum itu, beliau berkhidmat selama 18 tahun dengan PricewaterhouseCoopers di Birmingham, London dan Kuala Lumpur.

**DATUK HISHAM HAMDAN**

Pengarah Eksekutif, Pelaburan dan Ketua Penyelidikan & Strategi Pelaburan Khazanah

Datuk Hisham menyertai Khazanah pada 2011 daripada Sime Darby Berhad, yang mana beliau menyandang beberapa jawatan kanan yang meliputi bahagian strategi dan pembangunan perniagaan, kesihatan, tenaga dan utiliti, serta China. Beliau juga berpengalaman luas dalam penyelidikan ekuiti dan perbankan pelaburan.

**DATO' MOHD IZANI GHANI**

Pengarah Eksekutif, Pelaburan dan Pengarah Eksekutif Penyeliaan, Pejabat Serantau Khazanah Turkey

Dato' Izani menyertai Khazanah pada 2005. Sebelum itu, Dato' Izani berkhidmat dengan Putrajaya Holdings Sdn Bhd dan Kumpulan Renong.

**JAVIER SANTISO**

Pengarah Eksekutif, Pelaburan dan Ketua, Khazanah Europe Investment Limited

Javier menyertai Khazanah pada 2015. Beliau mengetuai Khazanah Europe Investment Limited. Sebelum ini, beliau menyandang jawatan Pengarah Urusan, Hal Ehwat Global dan Urus Niaga Baharu di Telefonica. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Ketua Pengarah dan Ketua Ekonomi di Pusat Pembangunan OECD.

**CHINTA BHAGAT**

Pengarah Eksekutif, Pelaburan dan Ketua Khazanah India Advisors Private Limited

Chinta menyertai Khazanah pada 2015 dan mengetuai Khazanah India Advisors Private Limited. Sebelum itu, beliau merupakan Rakan Kongsi Urusan di McKinsey & Co di Singapura. Beliau pernah menyandang pelbagai jawatan di sebuah firma kejuruteraan dan pembinaan di India, dan seterusnya menjadi Pengarah Urusan firma tersebut.

**DATO' NOORAZMAN ABDUL AZIZ**

Pengarah Eksekutif, Pelaburan

Dato' Noorazman menyertai Khazanah pada 2010. Sebelum itu, beliau merupakan Pengarah Urusan, Fajr Capital Ltd yang berpangkalan di Dubai. Dato' Noorazman pernah menyandang pelbagai jawatan dalam sektor perbankan antarabangsa dan kewangan, termasuk di Citigroup, Bank Islam, Bursa Saham Kuala Lumpur dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan.

**KENNETH SHEN**

Pengarah Eksekutif, Pelaburan

Ken menyertai Khazanah pada 2011 daripada Lembaga Pelaburan Qatar, yang mana beliau menyandang beberapa jawatan kanan termasuk sebagai Penasihat kepada Ketua Pegawai Eksekutif dan ahli Lembaga Pengarah Qatar Holding LLC. Beliau pernah berkhidmat dengan Salomon Brothers di Hong Kong dan Lehman Brothers di New York.

**ZAIDA KHALIDA SHAARI**

Pengarah Eksekutif, Pelaburan

Zaida menyertai Khazanah pada 2007. Sebelum itu, beliau merupakan Setiausaha Syarikat dan Ketua Bahagian Perundangan di Permodalan Nasional Berhad setelah berkhidmat selama beberapa tahun sebagai pengamal undang-undang.

**SERENA TAN MEI SHWEN**

Pengarah Eksekutif, Pelaburan

Serena menyertai Khazanah pada 2005. Sebelum itu, beliau berkhidmat dengan Boston Consulting Group dan McKinsey & Co. Beliau juga pernah dipinjamkan oleh Khazanah untuk berkhidmat dengan Lippo Bank di Indonesia selama dua tahun.

**NIK RIZAL KAMIL NIK IBRAHIM KAMIL**

Pengarah Eksekutif, Pelaburan

Nik Rizal Kamil menyertai Khazanah pada 2011. Beliau memulakan kerjayanya dengan Coopers & Lybrand UK sebelum menyertai Arthur Andersen & Co. Beliau pernah berkhidmat dengan RHB Sakura Merchant Bank sebelum menyertai Kumpulan Royal Dutch Shell Plc yang mana beliau berkhidmat dengan beberapa syarikatnya di Malaysia, Singapura, Brunei dan UK.

**RONI L. ABDUL WAHAB**

Pengarah Eksekutif, Pelaburan

Roni menyertai semula Khazanah pada Mei 2017. Sebelum itu, beliau berkhidmat sebagai Pengarah Urusan dan Ketua Perbankan Global, Malaysia di HSBC, Roni pernah menyandang beberapa jawatan perbankan dan korporat di Credit Suisse, Khazanah, Kumpulan UEM, JP Morgan, dan Capstar Partners.

**BRYAN LIM TSIN LIN**

Pengarah Eksekutif, Pelaburan dan Ketua, Khazanah Nasional Consulting (Beijing) Company Limited


Bryan menyertai Khazanah pada 2005. Sebelum itu, beliau berkhidmat dengan Ernst & Young, Rating Agency Malaysia Berhad dan ECM Libra Securities Sdn Bhd.

**AMRAN HAFIZ AFFIFUDIN**

Pengarah Eksekutif, Pelaburan

Amran menyertai Khazanah pada 2011. Beliau memulakan kerjayanya dengan PETRONAS dalam bahagian kewangan korporat dan perbendaharaan. Amran juga berpengalaman dalam industri ekuiti persendirian.

KUMPULAN PERANCANGAN STRATEGIK



Kami mengalu-alukan kehadiran ahli baharu ke Kumpulan Perancangan Strategik:



(dari kiri)

Syed Ahmad Safarudin Syed Zainal Abidin
Naib Presiden Kanan, Pelaburan

Diana Tee Mei Ling
Naib Presiden Kanan, Pelaburan

Hasdina Ann Hashim
Naib Presiden Kanan,
Pengurusan Modal Insan Strategik

Pejabat Pengarah Urusan

Pengarah Eksekutif	Naib Presiden Kanan
JIV SAMMANTHAN	AHMAD KHAIRUL RAZI ISMAIL
DATO' CHARON WARDINI MOKHZANI	AILEEN BUANG
MOHAMMAD IZANI ASHARI	AMELIA WARDAH KASSIM
<i>Pengarah</i> CALVIN RAQEEM R. JACOB	FIRDAUS SUFFIAN ABDUL LATIF
CHEE KOK LIM	JASMINE KWAN CHIEW YAN
IMRAN AHMAD	SAADIAH AZIZ
MOHD RASLAN MD SHARIF	SITI SAFINAH SALLEH
RAMANA RAJALINGAM	WAN HAFIZ HAMZAH WAN HUSSIEN
SUHANA DEWI SELAMAT	
WAN AB AZIZ B ARIFFIN	

Pengurusan Modal Insan Strategik

Pengarah Eksekutif	Naib Presiden Kanan
LATIFAH DAUD	DR RASLAN HANIFF ABDUL RASHID
<i>Pengarah</i> MOHAMMAD RAZIP MOHAMMAD ZIN	MELINDA OMAR NOR HAFIZAH AHMAD MARZUKI

Pelaburan

Pengarah Eksekutif	Pengarah
AMRAN HAFIZ AFFIFUDIN	ABANG RAHMAT YUSUF
AHMAD ZULQARNAIN ONN	AZRI ZAHARUDDIN
BRYAN LIM TSIN LIN	BABAR KHAN
CHINTA BHAGAT	DR PATRICK LAU HUI PING
DATO' MOHD IZANI GHANI	EFFIZAL FAIZ ZULKIFLY
DATO' NOORAZMAN ABD AZIZ	GOH KEAT SIANG
JAVIER SANTISO	KENNETH WOO ZHI YING
KENNETH SHEN	KHOO LAY SENG
NIK RIZAL KAMIL NIK IBRAHIM KAMIL	
RONI L. ABDUL WAHAB	
SERENA TAN MEI SHWEN	
TENGGU DATO' SRI AZMIL ZAHRUDDIN RAJA ABDUL AZIZ	
ZAIDA KHALIDA SHAARI	
	<i>Naib Presiden Kanan</i>
	AHMAD FARIZ ALI
	AL-AZMY AZIZI
	ANGELA CHONG YIT PHIN
	AZZAM MOHAMED
	ENITA AZLINA OSMAN
	HAN JUN SIEW
	HARIS HARDI ZAKARIA
	HAZMAN HILMI SALLAHUDDIN
	INGRID MARIKA SVARDSTROM
	LIM KOOI JUNE
	LOH TZU ANNE
	MAY QUAH BEE FONG
	ONG KING HOW
	PANG HEE MIN
	QUEK PEI LYNN
	SELVENDRAN KATHEERAYSON
	SHAHIN FAROUQUE JAMMAL AHMAD
	SHAHIRIL IBRAHIM
	STANLEY OOI KOK LEONG
	STEPHANIE SAW AI LIN
	SUNDHIRAJ SHARMA
	WONG SHU HSIEN
	YAP KHENG HAN
	ZAFER SONMEZ
	IRWAN SHAHRIN ISMAIL
	JUSTIN MAHMUD HASHIM
	KAYSE FOO SHIOU VOON
	K. GOPALAN V.P. GOVINDA PATHIYAR
	LOW GUAT PENG
	MANISH DAGA
	MOHD ASRUL AB RAHIM
	MOHD SHAFIE ISMAIL
	NIK MARIEN NIK AHMAD KAMAL
	NURAZEYAN KHALIS MOHD KHALIS
	PUSHKAR JAUHARI
	SAMUEL OOI THEAN AUN
	VISHAL AGARWAL
	WONG EUGENE
	WONG WAI SENG

Perkhidmatan Korporat & Sokongan

Pengarah Eksekutif	Naib Presiden Kanan
DATO' MOHAMED NASRI SALLEHUDDIN	BAHARE SAMSUDIN
<i>Pengarah</i> IWAN RASHMAN GULAMOYDEEN	HALINA JAEEL ABU BAKAR
JAMILAH HASHIM	NORDIANA NORDIN
MOHAMAD AFFENDI YUSOFF	SAIDATUL ATIKAH OSMAN
	SHAMSUDDIN ABDUL JALIL
	ZAFARIN ABD GHAFFAR

Kewangan

Pengarah	Naib Presiden Kanan
FARIDAH BAKAR ALI	ERMA SURIANEE MALEK
HAFIZUDDIN SULAIMAN	JUHANA HAMZAH
	MOHD HASRI HARON
	MOHAMED ROZANI MOHAMED OSMAN
	NIK NAZHAN NIK ABDUL AZIZ

Strategi Penyelidikan & Pelaburan Khazanah

Pengarah Eksekutif	Naib Presiden Kanan
DATUK HISHAM HAMDAN	NICHOLAS KHAW HOCK-LU
<i>Pengarah</i> MOHAMED RIDZUAN MOHAMED	TAN SIAW WOAN



Kumpulan Perancangan Strategik (SPG) ketika menghadiri pemukiman akhir tahun di Pulau Pinang, Oktober 2017



**DATO' MOHAMED NASRI
SALLEHUDDIN**

Pengarah Eksekutif, Perkhidmatan Korporat & Sokongan, Setiausaha Syarikat dan Ketua, Perundangan

Dato' Nasri menyertai Khazanah pada 2009. Sebelum itu, beliau merupakan Rakan Kongsi di firma perundangan terkemuka di Malaysia, memberikan khidmat nasihat dalam undang-undang korporat dan aspek perundangan berkaitan penstrukturan semula korporat, pengambilalihan dan penggabungan.



MOHD IZANI ASHARI

Pengarah Eksekutif, Pejabat Pengarah Urusan dan Ketua, Pejabat Projek Khas

Izani menyertai Khazanah pada 2009. Beliau bertanggungjawab menerajui Program Transformasi GLC. Izani berkhidmat selama beberapa tahun dengan syarikat-syarikat multinasional besar termasuk Shell, Maybank, Sime Darby, PETRONAS, dan Malaysian Airline System Berhad.



DATO' CHARON MOKHZANI

Pengarah Eksekutif, Pejabat Pengarah Urusan dan Pengarah Urusan, Khazanah Research Institute (hingga 12 Mei 2018)

Dato' Charon menyertai Khazanah pada 2013. Sebelum itu, beliau merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Perbankan Pelaburan Kumpulan CIMB dan Ketua Pegawai Eksekutif, CIMB Investment Bank. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Rakan Kongsi pengurusan, di Tetuan Zaid Ibrahim & Co.



LATIFAH DAUD

Pengarah Eksekutif dan Ketua Pengurusan Modal Insan Strategik

Latifah menyertai Khazanah pada 2015 dengan lebih 20 tahun pengalaman dalam bidang urusan sumber manusia di Honeywell China dan Motorola/Freescale Semiconductor. Beliau pernah memegang pelbagai jawatan di Hatibudi Nominees/Renong Berhad, Arab Malaysian Bank dan Yayasan Pelajaran MARA.



FARIDAH BAKAR ALI

Pengarah, Kewangan dan Ketua Pegawai Kewangan

Faridah menyertai Khazanah pada 2006 selepas membina kerjaya dalam bidang perakaunan dan kewangan di PricewaterhouseCoopers Malaysia dan kemudiannya BP Malaysia.



SUHANA DEWI SELAMAT

Pengarah, Pejabat Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Risiko

Suhana menyertai Khazanah pada 2012. Beliau mempunyai pengalaman lebih daripada 20 tahun dalam bidang undang-undang, kawal selia dan pematuhan. Sebelum ini, beliau merupakan Pengarah/Ketua Pematuhan di Credit Suisse Malaysia.

Kami merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada mantan ahli Kumpulan Kepimpinan Kanan berikut atas sumbangan beliau kepada Khazanah.

DATUK DOMINIC SILVA
Pengarah Eksekutif, Pelaburan
Datuk Dominic Silva meninggalkan Khazanah pada bulan Julai 2017 selepas berkhidmat selama sembilan tahun.



KHAZANAH INDIA ADVISORS PRIVATE LIMITED

Khazanah India Advisors Private Limited, yang mula beroperasi pada 2009, menyediakan sokongan nasihat pelaburan di lapangan di samping membantu memupuk hubungan ekonomi yang lebih erat antara Malaysia dan India. Pejabat ini juga menjadi conduit bagi syarikat-syarikat India dalam meneroka peluang pelaburan di Malaysia.

02



Manish Daga
Naib Presiden Kanan,
Pelaburan

Salah satu tanggungjawab utama pejabat India adalah untuk memperkukuh hubungan antara Malaysia dengan India, terutama di peringkat korporat. Kami sering berusaha membantu syarikat pelaburan kami dan syarikat-syarikat lain di India, serta menggalakkan pelaburan di Malaysia dari India.

ULASAN KEWANGAN

Keupayaan kewangan yang kukuh dan pertumbuhan kewangan yang mampan adalah penting untuk memenuhi mandat komersial dan strategik kami.

Sorotan Kewangan 28

Laporan Juruaudit Bebas 32

Petunjuk Kewangan Terpilih 33

Kewangan Islam Dan Pengurusan Modal Dan Liabiliti 35

SOROTAN KEWANGAN

Kemajuan berterusan dan prestasi mampan dalam penciptaan nilai jangka panjang; merentasi prestasi kewangan, strategik dan pengagihan nilai

Nilai Aset Boleh Tunai (RAV) dan Nilai Bersih Dilaraskan (NWA) ialah dua petunjuk yang digunakan untuk mengukur prestasi Khazanah. RAV mewakili jumlah nilai semua portfolio pelaburan kami manakala NWA mengukur nilai yang dicipta dalam portfolio kami.

Setakat 31 Disember 2017, RAV Khazanah mencecah sebanyak RM157.2 bilion. Ini menyaksikan lonjakan sebanyak 8.2% daripada RM145.3 bilion pada penghujung 2016. Sementara itu, NWA mencecah RM115.6 bilion, dengan kenaikan sebanyak 13.2% daripada RM102.1 bilion pada penghujung 2016.

Pewujudan nilai jangka panjang kekal pada arah aliran menaik. Setakat 31 Disember 2017, RAV meningkat sebanyak RM106.3 bilion, atau 3.1 kali ganda daripada RM50.9 bilion yang dicatatkan pada bulan Mei 2004, dengan kadar pertumbuhan tahunan (CAGR) sebanyak 8.6% setahun. Tahun 2004 merupakan tahun yang mana Khazanah menerima mandat baharu. Begitu juga, NWA Khazanah mencecah RM82.3 bilion, atau 3.5 kali ganda daripada RM33.3 bilion dalam tempoh yang sama, dengan CAGR sebanyak 9.6% yang selaras dengan CAGR FBM KLCI sebanyak 9.7% (lihat Portfolio Nilai Bersih Diselaraskan berbanding FBM KLCI sejak Mei 2004, Carta di muka surat 30).

Khazanah mencatatkan keuntungan sebelum cukai lebih kukuh sebanyak RM2.9 bilion pada 2017, meningkat sebanyak 81.3% daripada RM1.6 bilion pada 2016. Khazanah mengumumkan dividen sebanyak RM1 bilion pada 2017, menjadikan dividen yang diisytiharkan sejak Mei 2004 berjumlah RM10.11 bilion. Dana pemegang saham kami melonjak kepada RM41.4 bilion pada 2017 daripada RM37.8 bilion pada 2016, manakala liabiliti kekal terkawal sebanyak RM51.2 bilion.

Kedudukan modal kami kekal kukuh iaitu 3.1 kali ganda perlindungan aset dan 1.1 kali ganda penggearan bersih. Nisbah kewangan ini tercapai hasil daripada pengurusan risiko dan langkah-langkah berhemat yang telah dilaksanakan selama ini, lantas membolehkan portfolio kami kekal kukuh dan berdaya tahan dalam persekitaran tidak menentu serta terus memberi tumpuan kepada mewujudkan nilai jangka panjang.

PRESTASI PORTFOLIO

	RAV ¹	NWA ²
14 MEI 2004	50.9	33.3
31 DIS 2016	145.3	102.1
31 DIS 2017	157.2	115.6
Δ 2016-17	+RM11.9 b (+8.2% p.a)	+RM13.5 b (+13.2% p.a)
Δ 2004-17	+RM106.3 b (+8.6% p.a ³)	+RM82.3 b (+9.6% p.a ³)

¹ RAV: Nilai pasaran semua ekuiti, sekuriti dan wang tunai yang dipegang; dengan tiada harga pasaran yang tersedia, sesuatu nilai anggaran konservatif akan digunakan

² NWA: RAV tolak jumlah liabiliti dan diselaraskan untuk mengukur nilai yang diwujudkan

³ Kadar Pertumbuhan Tahunan Terkumpul


Nota: Angka dibundarkan ke titik perpuluhan yang terdekat



NILAI ASET BOLEH DIREALISASIKAN (RAV)

Nilai pasaran semua ekuiti, sekuriti dan wang tunai yang dipegang. Sekiranya harga pasaran tidak dinyatakan, anggaran nilai yang konservatif akan digunakan.


RM **157.2** b



NILAI BERSIH DILARASKAN (NWA)

RAV tolak jumlah liabiliti dan diselaraskan untuk mengira nilai yang diwujudkan.

RM **115.6** b



PRESTASI RELATIF PORTFOLIO 2017

Jumlah pulangan pemegang saham (TSR) adalah ukuran prestasi syarikat yang menyumbang kepada kenaikan harga saham serta dividen yang dibayar kepada pemegang saham.



FBM KLCI – Indeks Komposit Kuala Lumpur FTSE Bursa Malaysia

	CAGR*
NWA Khazanah	9.6 %
FBM KLCI	9.7 %

*Kadar pertumbuhan tahunan terkompoun bagi tempoh dari 14 Mei 2004 hingga 31 Disember 2017

Sumber: Bloomberg; Analisis Khazanah

PORTFOLIO UTAMA DAN PETUNJUK LAIN


Setakat 31 Dis	2017	2016	2015	2014	2013	2012	2011	2010	2009	2008	2007	2006	2005	2004
RAV (RM juta)	157,204	145,336	150,169	145,491	135,114	121,466	108,194	112,624	91,224	67,908	87,071	78,212	63,731	65,323
NWA (RM juta)	115,562	102,115	108,890	110,716	101,513	86,901	69,957	75,223	53,770	31,955	63,611	51,437	40,549	46,868
Dana Pemegang Saham (RM juta)	41,367	37,831	36,352	35,339	29,387	26,980	25,625	21,409	17,638	17,139	17,866	13,041	12,244	13,202
RAV / Liabiliti (x)	3.1	2.9	3.1	3.6	3.7	3.3	2.9	2.9	2.4	1.9	3.6	2.9	2.7	3.5
Jumlah Kakitangan	458	458	452	465	476	419	411	373	320	296	256	203	126	53
Jumlah Pejabat	8	8	8	7	7	5	5	5	5	4	2	1	1	1

Sumber: Bloomberg; Analisis Khazanah



ANALISIS PERGERAKAN PORTFOLIO


PERGERAKAN NWA SEJAK BULAN MEI 2004



Nota: Terma dalam RM

Sumber: Bloomberg; Analisis Khazanah

PENDAPATAN AGREGAT K-8 (RM b)



K-8 melibatkan CIMB, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), Malaysia Airlines System Berhad (Malaysia Airlines Berhad sejak tahun 2015), Telekom Malaysia (TM), Tenaga Nasional Berhad (TNB), UEM Group, Axiata dan IHH Healthcare Berhad

Sumber: Bloomberg; Analisis Khazanah

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

Kepada Pengarah-pengarah Khazanah Nasional Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

LAPORAN BERKENAAN RINGKASAN MAKLUMAT KEWANGAN

Pendapat

Ringkasan maklumat kewangan, yang merangkumi ringkasan penyata imbalan bertarikh 31 Disember 2017, 2016, 2015, 2014, 2013, 2012, 2011, 2010, 2009, 2008, 2007, 2006, 2005, dan 2004, ringkasan penyata pendapatan bagi tahun-tahun berakhir dan nota berkaitan, diperolehi daripada penyata kewangan diaudit Khazanah Nasional Berhad dan akaun pengurusan untuk tahun berakhir pada 31 Disember 2017, 2016, 2015, 2014, 2013, 2012, 2011, 2010, 2009, 2008, 2007, 2006, 2005 dan 2004.

Pada pendapat kami, ringkasan maklumat kewangan yang disertai adalah konsisten, dalam semua aspek material, dengan penyata kewangan diaudit dan akaun pengurusan tersebut, sejajar dengan dasar yang dinyatakan pada halaman 33 dan 34.

Ringkasan maklumat kewangan

Ringkasan maklumat kewangan tidak mengandungi semua pendedahan yang diperlukan oleh Piawaian Laporan Kewangan dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia. Oleh itu, pembacaan ringkasan maklumat kewangan dan laporan juruaudit dalam laporan, tidak menggantikan pembacaan penyata kewangan diaudit Khazanah Nasional Berhad dan laporan juruaudit yang berkenaan. Ringkasan maklumat kewangan dan penyata kewangan yang diaudit tidak menggambarkan kesan daripada peristiwa yang berlaku selepas tarikh laporan kami terhadap penyata kewangan yang diaudit.

Penyata kewangan diaudit dan laporan kami


Kami menyatakan pendapat audit yang tidak diubahsuai pada penyata kewangan diaudit dalam laporan kami untuk tahun-tahun yang berkenaan.

Tanggungjawab pengarah terhadap ringkasan maklumat kewangan

Pengarah bertanggungjawab untuk penyediaan ringkasan maklumat kewangan menurut asas yang dinyatakan pada halaman surat 33 dan 34.

Tanggungjawab juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat ke atas sama ada ringkasan maklumat kewangan adalah konsisten, dalam semua aspek material, dengan penyata kewangan diaudit berdasarkan prosedur kami, yang telah dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan Malaysia yang Diluluskan (ISA) 810 (Disemak), 'Penglibatan untuk Melaporkan Ringkasan Penyata Kewangan'.



11 April 2018
Kuala Lumpur



PETUNJUK KEWANGAN TERPILIH

PENYATA PENDAPATAN (RM juta)

Bagi tahun-tahun berakhir 31 Disember

	2017	2016	2015	2014	2013
Hasil	6,112	6,210	5,763	7,949	7,685
Keuntungan / (kerugian) sebelum cukai	2,896	1,566	1,181	3,217	3,128
Cukai	(88)	(129)	(126)	(129)	53
Keuntungan / (kerugian) bersih bagi tahun	2,808	1,437	1,055	3,088	3,181
Dividen yang diisytiharkan					
- Dividen biasa	(700)	(650)	(650)	(650)	(650)
- Dividen khas	(300)	-	(400)	(250)	-
Keuntungan / (kerugian) bersih bagi tahun selepas dividen	1,808	787	5	2,188	2,531

PENYATA IMBANGAN (RM juta)

Setakat 31 Disember

	2017	2016	2015	2014	2013
Aset Semasa	6,141	5,071	6,089	5,214	4,451
Aset Bukan Semasa	86,426	83,378	78,253	72,687	61,497
Jumlah aset	92,567	88,449	84,342	77,901	65,948
Liabiliti Semasa	12,064	10,338	13,575	13,282	6,894
Liabiliti bukan semasa	39,136	40,280	34,414	29,280	29,667
Jumlah liabiliti (lihat Nota A)	51,200	50,618	47,989	42,562	36,561
Modal saham	12,285	6,644	6,644	6,644	8,444
Saham premium	-	3,840	3,840	3,840	3,840
Keuntungan dikekalkan	17,607	16,983	16,010	16,004	15,616
Rizab lain	11,475	10,364	9,859	8,851	1,487
Dana Pemegang Saham	41,367	37,831	36,353	35,339	29,387
Jumlah ekuiti dan liabiliti	92,567	88,449	84,342	77,901	65,948

Nota A - Termasuk dalam jumlah liabiliti adalah pinjaman seperti berikut:

PINJAMAN (RM JUTA)

Setakat 31 Disember

	2017	2016	2015	2014	2013
Bon jaminan Kerajaan Khazanah	14,013	14,373	15,683	15,019	13,430
Bon dan nota lain	19,449	17,253	17,123	14,760	14,734
Pinjaman bertempoh	5,022	5,286	4,215	3,397	3,310
Sukuk Boleh Tukar	4,622	4,826	3,423	3,748	2,127
Kertas komersial	-	-	-	-	-
Kemudahan kredit pusingan	6,766	7,525	6,012	-	-
	49,872	49,263	46,456	36,924	33,601

Penyata pendapatan dan Penyata Imbangan di atas diperolehi daripada Penyata Kewangan Proforma Khazanah, yang merujuk kepada penyatuan penyata kewangan Khazanah (Syarikat) yang disatukan dan Syarikat Bertujuan Khas (SPV). SPV ini ialah anak syarikat milik penuh Khazanah, yang ditubuhkan untuk melaksanakan pelaburan secara aktif atau sebagai syarikat pendanaan bagi Khazanah.

PETUNJUK KEWANGAN TERPILIH

PENYATA PENDAPATAN (RM juta)

Bagi tahun berakhir pada 31 Disember

	2012	2011	2010	2009	2008	2007	2006	2005	2004
Hasil	5,324	9,445	6,237	3,594	5,087	7,683	2,269	2,267	3,395
Keuntungan / (kerugi) sebelum cukai	2,077	5,342	2,081	791	127	5,110	1,014	(831)	282
Cukai	(188)	(66)	(28)	25	(350)	(195)	(224)	(126)	(73)
Keuntungan / (kerugi) bersih bagi tahun Dividen yang diisytiharkan	1,889	5,276	2,053	816	(223)	4,915	790	(957)	209
- Dividen Biasa	(650)	(500)	(500)	(100)	(100)	(1,000)	(100)	(30)	(30)
- Dividen Khas	(350)	(2,500)	-	-	-	-	-	-	-
Keuntungan / (kerugi) bersih bagi tahun dikaji selepas dividen	889	2,276	1,553	716	(323)	3,915	690	(987)	179

Penyata Imbangan (RM juta)

Setakat 31 Disember 2008

	2012	2011	2010	2009	2008	2007	2006	2005	2004
Aset Semasa	7,784	8,795	3,381	4,656	6,871	3,225	6,817	4,822	4,031
Aset Bukan Semasa	56,571	56,377	56,050	50,883	46,560	38,758	33,605	31,137	26,103
Jumlah Aset	64,355	65,172	59,431	55,539	53,431	41,983	40,422	35,959	30,134
Liabiliti Semasa	7,731	9,352	6,852	7,900	8,002	5,813	10,116	7,634	760
Liabiliti bukan semasa	29,644	30,195	31,170	30,001	28,290	18,304	17,265	16,081	16,172
Jumlah liabiliti (lihat Nota A)	37,375	39,547	38,022	37,901	36,292	24,117	27,381	23,715	16,932
Modal saham	8,444	8,444	5,444	5,444	5,444	5,444	5,404	5,404	5,404
Saham premium	3,840	3,840	3,840	3,840	3,840	3,840	3,300	3,300	3,300
Keuntungan terkumpul	13,084	12,194	10,016	8,553	7,837	8,060	4,245	3,511	4,498
Rizab lain	1,612	1,147	2,109	(199)	18	522	92	29	-
Dana pemegang saham	26,980	25,625	21,409	17,638	17,139	17,866	13,041	12,244	13,202
Jumlah ekuiti dan liabiliti	64,355	65,172	59,431	55,539	53,431	41,983	40,422	35,959	30,134

Nota A - Termasuk dalam jumlah liabiliti ialah pinjaman seperti berikut:

PINJAMAN (RM JUTA)

Setakat 31 Disember

	2012	2011	2010	2009	2008	2007	2006	2005	2004
Bon jaminan Kerajaan Khazanah	12,128	8,833	8,442	8,313	7,452	7,943	8,106	8,994	7,738
Bon dan nota lain	16,106	18,240	14,151	9,600	7,312	6,969	4,963	1,177	915
Pinjaman bertempoh	5,754	6,052	6,064	8,821	8,545	1,600	6,900	9,227	8,069
Sukuk boleh tukar	1,292	1,889	6,117	7,815	8,528	6,149	3,604	1,568	-
Kertas komersial	-	-	-	-	489	-	994	-	-
Kemudahan kredit pusingan	917	952	1,613	2,699	3,460	-	2,118	1,885	-
	36,197	35,966	36,387	37,248	35,786	22,661	26,685	22,851	16,722

Penyata pendapatan dan Penyata Imbangan di atas diperoleh daripada Penyata Kewangan Proforma Khazanah, yang merujuk kepada penyatuan penyata kewangan Khazanah (Syarikat) yang disatukan dan Syarikat Bertujuan Khas (SPV). SPV ini ialah anak syarikat milik penuh Khazanah, yang ditubuhkan untuk melaksanakan pelaburan secara aktif atau sebagai syarikat pendanaan bagi Khazanah.



KEWANGAN ISLAM DAN PENGURUSAN MODAL DAN LIABILITI

Khazanah terus menerajui
keuangan Islam dan membina
nilai sejati



Ng Eu Gin
Naib Presiden, Kewangan

Khazanah berada di barisan hadapan dalam inovasi kewangan Islam. Usaha kami menyumbang terhadap pembangunan ekosistem perniagaan di Malaysia yang mempunyai keupayaan untuk melaksanakan inovasi dan mewujudkan pasaran matang dalam usaha untuk terus menarik pelabur global, pemain pasaran dan bakat.

Khazanah kekal fokus dalam usahanya untuk menerapkan kefahaman dan mendalami penawaran produk Kewangan Islam. Sukuk Pelaburan Mampu dan Bertanggungjawab (SRI) adalah salah satu daripada pelbagai usaha ke arah itu. Diterbitkan pada tahun 2015, Sukuk Ihsan adalah Sukuk SRI pertama di Malaysia yang menggabungkan konsep pembiayaan sukuk dengan kedermawanan. Ini selari dengan falsafah utama Khazanah iaitu kewangan Islam mesti mempunyai kaitan dengan aktiviti ekonomi sebenar yang menekankan pembangunan sosioekonomi melalui dasar dan produk kewangan yang inovatif dan adil. Hasil daripada Sukuk Ihsan disalurkan kepada Yayasan AMIR, sebuah organisasi tidak berasaskan keuntungan yang diperbadankan untuk meningkatkan akses pendidikan berkualiti di sekolah-sekolah kerajaan di Malaysia.

Pada bulan Jun 2017, Khazanah menerbitkan trench kedua Sukuk SRI sebanyak RM100 juta yang merangkumi penawaran runcit sebanyak RM5.0 juta. Ini adalah kali pertama pelabur individu di Malaysia diberi peluang khusus untuk melabur dalam sukuk yang berkaitan dengan impak sosial. Pelabur Sukuk Ihsan juga boleh menyumbangkan semula kepada masyarakat melalui pelaksanaan pilihan potongan unik sukuk yang akan menyetorkan prinsipal dan keuntungan yang dilaburkan pada bila-bila masa dalam tempohnya. Disamping itu, Khazanah turut melancarkan kempen pengumpulan dana ganjaran untuk memenuhi keperluan individu yang ingin menyertai Sukuk Ihsan tetapi tidak dapat melanggan sukuk secara langsung.

Kedudukan dan reputasi kredit yang kukuh menjadi kunci untuk Khazanah mengekalkan keupayaannya dalam mendapatkan pembiayaan kompetitif. Baru-baru ini, kami menetapkan harga Sukuk Boleh Tukar yang kelapan ke dalam CITIC Securities Co. Ltd pada 17 Januari 2018, yang berjaya mendapatkan sokongan kukuh dalam kalangan pelabur di seluruh Asia dan Eropah.

Transaksi sedemikian terus menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi sukuk yang utama dan berdaya saing, seperti yang terbukti melalui kedudukan berprestij Malaysia sebagai sebuah pasaran hutang Islam yang terbesar di dunia dengan 37.5% terbitan sukuk global setakat pada akhir Disember 2017.

Di Khazanah, kami berdisiplin dalam mengurus liabiliti, dan memadamkan peminjaman dengan aset secara aktif. Semua aktiviti pasaran modal didorong oleh keperluan pelaburan dengan mengutamakan kepentingan ekonomi negara dalam tempoh jangka panjang. Kami juga sangat teliti dalam pendekatan pelupusan yang membolehkan kami melabur semula nilai yang diperolehi daripada portfolio ke dalam sektor dan geografi baharu.

Khazanah tidak menerima suntikan modal secara tetap daripada Kerajaan, namun kami dengan gigihnya membantu mengurangkan liabiliti kontinjen Kerajaan. Pada tahun 2016, kami menerbitkan Sukuk sebanyak USD750 juta untuk membiayai semula nota jaminan bernilai USD1.0 bilion untuk Penerbangan Malaysia Berhad. Pada bulan Oktober 2017, kami menebus Sukuk Jaminan Kerajaan Khazanah berjumlah RM1.0 bilion, menjadikan jumlah penebusan sehingga kini kepada RM3.0 bilion, daripada program RM20.0 bilion kami. Kami akan meneruskan penebusan Sukuk Jaminan Kerajaan sehingga tarikh penebusan akhir pada tahun 2032.

Aktiviti pengumpulan dana kami sudah maju dan memberi nafas baharu kepada landskap kewangan Islam sejak Sukuk Boleh Tukar pertama distrukturkan dan diterbitkan dalam saham Telekom Malaysia Berhad dan Axiata Group Berhad pada 2006. Khazanah terus mendahului dalam pelbagai aspek di dunia termasuklah Sukuk dalam Dolar Singapura yang pertama pada 2010 dan Sukuk dalam mata wang Renminbi yang pertama di dunia pada 2011. Khazanah, bersama-sama dengan syarikat pelaburan kami akan terus membangunkan pasaran modal Islam dengan menerapkan kewangan Islam sebagai pilihan utama dalam meningkatkan modal dan mengekalkan kedudukan Malaysia sebagai pasaran kewangan Islam yang berdaya saing dan global.

¹ Sumber: Siaran akhbar penarafan RAM "Prestasi Sukuk Malaysia kekal berdaya tahan pada 2017", yang diterbitkan pada 21 Februari 2018

TERBITAN SUKUK KHAZANAH

2017

Tranch kedua Sukuk SRI

- o Saiz: RM100 juta
- o Sukuk SRI yang pertama di Malaysia akan merencanakan bahagian runcit bagi penyertaan setiap rakyat Malaysia
- o Menerima 3 anugerah setakat ini



Anugerah Tanggungjawab Sosial Islam - Anugerah Kewangan Islam Global yang ke-7 (GIFA)



Urus Niaga Sukuk Terbaik Tahunan di Asia Tenggara 2017



Urus Niaga IPO (Sukuk) Tahunan

2016

Sukuk Denominasi Dolar Amerika Syarikat

- o Saiz: USD750 juta
- o Terbitan sukuk denominasi dollar AS yang pertama oleh Khazanah
- o Terbitan mata wang asing yang ketiga di bawah Program Sekuriti Islam Berbilang Mata Wang
- o Menarik permintaan sebanyak 1.5 kali daripada nilai buku
- o Menerima 1 anugerah setakat ini

Sukuk Boleh Tukar Beijing Enterprises Water Group Limited (BEWG)

- o Saiz: USD398.8 juta
- o Sukuk pertama yang menawarkan pendedahan dalam sektor utiliti air yang berkembang pesat di China
- o Mencapai premium tukaran tertinggi untuk Sukuk Boleh Tukar yang diterbitkan oleh Khazanah
- o Mencapai premium tukaran tertinggi untuk Sukuk Boleh Tukar sifar kupon dan hasil sejak tahun 2007
- o Menerima 2 anugerah setakat ini

2015

Sukuk Pelaburan (SRI) mampan dan Bertanggungjawab

- o Saiz: RM100 juta
- o Sukuk SRI denominasi RM yang pertama di dunia
- o Menerima 8 anugerah setakat ini

2006

Program Sukuk Jaminan Kerajaan Program oleh Khazanah

- o Saiz: RM20 bilion

Kertas Komersial Islam (ICP) / Nota Terma Sederhana Islam (IMTN) terbitan Rantau Abang Capital Berhad

- o Saiz: RM10 bilion
- o Salah satu Program ICP / IMTN terbesar yang dilaksanakan oleh institusi korporat
- o Menerima 1 anugerah

Sukuk Boleh Tukar TM/Axiata

- o Saiz: USD750 juta
- o Sukuk boleh tukar patuh Syariah pertama di dunia
- o Menerima 17 anugerah

2007

Sukuk Boleh Tukar PLUS

- o Saiz: USD850 juta
- o 13 kali nilai buku dan ditetapkan harga pada kadar tertinggi di julatnya
- o Penetapan harga tinggi dicapai walaupun ditetapkan harga dalam persekitaran kadar faedah tidak menentu
- o Terbitan berkaitan ekuiti terbesar di luar Malaysia pada tahun 2007
- o Terbitan berkaitan ekuiti ketiga terbesar di luar Asia Pasifik tidak termasuk Jepun / Australia pada tahun 2007
- o Menerima 3 anugerah

2008

Sukuk Boleh Tukar Parkson

- o Menggabungkan penawaran sebanyak USD550 juta Sukuk Boleh Tukar dan penempatan ekuiti sebanyak USD97 juta
- o 11 kali nilai buku menarik lebih 200 pelabur, mencerminkan permintaan kukuh terhadap kredit Malaysia yang berkualiti
- o Sukuk pertama yang menawarkan pelabur Islam dengan pendedahan terhadap pertumbuhan penggunaan runcit China, meneruskan inovasi dalam produk kewangan Islam berstruktur
- o Menerima 11 anugerah



Nurul Iman
Naib Presiden,
Pelaburan

Kami meneroka peluang di luar negara dan menjalinkan hubungan dengan syarikat-syarikat konglomerat, yang berada di Jepun umpamanya. Kami memandang ke luar untuk membangunkan organisasi kami secara dalaman, dengan saling bertukar amalan terbaik dengan rakan kongsi kami di Jepun dan mewujudkan peluang bagi pemindahan ilmu untuk lebih berdaya saing di peringkat global.



2014

Sukuk Boleh Tukar Tenaga

- o Saiz: USD500 juta
- o Sukuk berstruktur yang berdasarkan prinsip Mudarabah dan Murabahah diedarkan di peringkat antarabangsa
- o Menerima 3 anugerah

2013

Suku Boleh Tukar IHH Healthcare

- o Saiz: SGD600 juta
- o Sukuk boleh tukar denominasi SGD pertama
- o Sukuk boleh tukar pertama di Asia menawarkan pendedahan kepada sektor penjagaan kesihatan
- o Lebihan langganan sebanyak 5.5 kali ganda
- o Mencapai paras harga dan premium pada hujung keluk yang tertinggi
- o Menerima 7 anugerah

2012

Sukuk Boleh Tukar Parkson

- o Saiz: USD357.8 juta
- o Mencapai harga dan premium pada hujung keluk yang tertinggi
- o Sukuk pertama di dunia yang harganya ditetapkan pada hasil negatif
- o Urus niaga berkaitan ekuiti Malaysia pertama sejak awal tahun 2010
- o Lebihan langganan sebanyak 3 kali
- o Menerima 3 anugerah

2009

Program Terbitan Sekuriti Islam Pelbagai Mata Wang oleh Danga Capital Berhad

- o Saiz: RM10 bilion
- o Struktur: Musyarakah (Perjanjian Perkongsian Keuntungan) dan Wakalah (Perjanjian Agensi)

2010

Nota Jangka Sederhana Islam terbitan Danga Capital Bhd

- o Saiz: SGD1.5 bilion
- o Terbitan sukuk terbesar di Singapura
- o Terbitan SGD yang terbesar oleh penerbit di Singapura
- o Terbitan Sukuk pertama SGD daripada inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia
- o Sukuk SGD dengan tempoh paling panjang
- o Sukuk terbesar setakat ini oleh Khazanah
- o Menerima 8 anugerah

2011

Nota Jangka Sederhana Islam terbitan Danga Capital Bhd

- o Saiz: CNY500 juta
- o Sukuk RMB Luar Pesisir yang Pertama di Dunia
- o Tawaran pertama CNY oleh penerbit separa berdaulat ASEAN
- o Lebihan langganan sebanyak 3.6 kali
- o Peningkatan daripada CNY300 juta kepada CNY500 juta disebabkan CNY permintaan pelabur
- o Menerima 6 anugerah



PEJABAT SERANTAU KHAZANAH TURKI

Pejabat Serantau Khazanah Turki (KTRO) yang dibuka pada 2013, adalah pejabat serantau Khazanah yang keempat selepas Beijing, Mumbai dan San Francisco. KTRO menjadi landasan untuk meningkat dan mengukuhkan pelaburan dan hubungan perniagaan serantau, termasuk Timur Tengah dan Afrika Utara, Asia Tengah dan Eropah.

03





Ecem Altioek
Penolong Naib Presiden,
Pelaburan

Turki dan rantau sekitarnya adalah kawasan yang strategik serta menarik bagi Malaysia untuk berjaya menghadapi persaingan antarabangsa. Turki berfungsi sebagai jambatan antara Malaysia dan pasaran-pasaran utama yang sedang membangun, maka kami memudahkan kegiatan pelaburan demi membantu menjadikan Malaysia 'siap siaga masa depan' pada tahap global.

MEMBINA NILAI SEJATI MELALUI PELABURAN KAMI

Khazanah memainkan peranan aktif dan menerima pakai pendekatan pengurusan makro sebagai pemegang saham dalam usahanya mencapai hasil yang membawa perubahan. Kami menjalinkan kesepakatan dengan syarikat-syarikat pelaburan kami secara usaha sama untuk meneroka pasaran-pasaran baharu, serta berganding dengan entiti sektor awam dan swasta bagi membantu memangkin pertumbuhan dan pembangunan di Malaysia.

Melabur Dalam Pertumbuhan Dan Pembangunan **40**

Memperkasakan Syarikat Kami **42**

Memacu Prestasi Dan Melakar Hala Tuju Baharu **44**

Portfolio Syarikat **46**

Membina Kehadiran Serantau **64**

Sumbangan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Terhadap Pembinaan Negara **66**

MELABUR DALAM PERTUMBUHAN DAN PEMBANGUNAN

Strategi pelaburan Khazanah dijangka dengan agenda pembangunan negara. Pendekatan kami didorong oleh misi kami untuk mencipta nilai sebenar bagi Malaysia yang berdaya saing di dunia.

Pelaburan kami terutamanya dipacu secara komersial, berteraskan penciptaan nilai kewangan, sementara turut mengambil kira sumbangan ekonomi, dari segi pewujudan pekerjaan, pengisian teknologi, pulangan masyarakat dan pengganda ekonomi dalam bentuk lain.

Pelaburan kami merangkumi jenis urus niaga berbeza, daripada kegiatan korporat kepada projek-projek pembangunan berskala besar. Semua pelaburan dinilai dengan teliti dan diserahkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan serta kelulusan.

Sebahagian daripada strategi pelaburan kami boleh dilihat dalam usaha untuk mengukuhkan lagi Pelaburan Teras, yang mana terutamanya adalah aset komersial Kerajaan yang kami miliki dan uruskan. Syarikat pelaburan kami adalah beberapa syarikat terbesar Malaysia dan peneraju dalam sektor masing-masing.



KEHADIRAN SERANTAU

Tema pelaburan kami yang semakin diberi perhatian adalah penyerantauan, yang membolehkan kami meneroka peluang pertumbuhan dalam pasaran di luar Malaysia



PELABURAN KAMI

Pelaburan kami secara umumnya dikategorikan kepada Pelaburan Teras, Pelaburan Pertumbuhan dan Pelaburan Mangkin



PELABUR STRATEGIK

Sejak 2004, kami telah melabur RM87.9 bilion dalam syarikat-syarikat kami, termasuk 175 pelaburan baharu yang dibuat secara berhemat



PENJUALAN STRATEGIK

Kami melaksanakan penjualan strategik untuk meningkatkan penglibatan sektor swasta dan membina keupayaan keusahawanan dalam sektor ekonomi utama



Kami adalah pemegang saham aktif, bekerjasama dengan syarikat pelaburan Khazanah, menyokong mereka bila perlu untuk membantu mencapai matlamat strategik mereka, termasuk menjadi peserta industri serantau dalam bidang masing-masing.

Sebagai menyokong aspirasi kerajaan untuk menjadi negara maju, kami juga terbabit dalam pelbagai jenis Pelaburan Pemangkin di negara yang boleh memberi pulangan kewangan serta pulangan dalam bentuk strategik dan kesejahteraan masyarakat kepada negara dan membawa perubahan ekonomi dalam jangka panjang. Ini boleh dilihat dalam usaha kami di Iskandar Malaysia, Johor yang mana kami membuat pelaburan besar bagi pembangunan koridor pertumbuhan tersebut, serta pelbagai sektor strategik dan pembangunan lain.

Kami juga melabur – secara langsung dan melalui syarikat pelaburan kami – dalam sektor dan lokasi baharu yang menawarkan potensi besar untuk membantu membina daya saing jangka panjang negara. Pelaburan Baharu ini, seperti mana ia dikenali, termasuk pelaburan yang kami percaya akan membentuk ekonomi masa hadapan, menyediakan hubungan strategik dan membolehkan negara untuk menerokai kawasan pertumbuhan baharu.

Pelaburan kami dalam Inovasi & Teknologi (I&T) adalah sebahagian mandat kami untuk mencipta nilai

jangka panjang bagi Malaysia. Sungguhpun terdapat risiko tertentu dalam pelaburan sebegini, portfolio I&T kami diuruskan secara berhemat bagi mengurangkan risiko-risiko tersebut.

Secara keseluruhannya, strategi pelaburan kami telah membolehkan kami mempunyai satu portfolio pelaburan kukuh, yang seimbang dan sedia untuk berkembang. Nilai bersih dilaraskan (NWA) bagi portfolio kami adalah RM115.6 bilion setakat 31 Disember 2017, meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 9.6% setahun sejak 2004. Peningkatan ini dicapai dengan mengimbangkan tahap penerimaan risiko yang sesuai dan tinjauan pulangan ke atas pelaburan dengan pengendalian strategik negara untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang kukuh, mampan dan terangkum.

Dalam persekitaran yang semakin global dan berkembang, usaha berterusan Khazanah ke arah pertumbuhan negara telah mengenal pasti pembaharuan sebagai kunci bagi perjalanan Malaysia menuju ekonomi berpendapatan tinggi. Kami percaya melabur dalam pembaharuan akan meningkatkan batasan kecekapan dan seterusnya pengeluaran serta pertumbuhan negara. Secara keseluruhannya, pembaharuan akan mencipta gelombang baharu industri dan menyumbang kepada pewujudan kerja-kerja baharu yang penting untuk pengembangan ekonomi jangka panjang Malaysia di pentas sejagat.



Malaysia menduduki tempat

1/28

dalam kalangan pasaran membangun dari segi keupayaannya untuk menghasilkan pembaharuan unik dan berbeza

Kajian BCA – Skor Kerumitan dan Pembaharuan Ekonomi

Kerjasama UEM Group dengan Google Malaysia dalam penganjuran program makerthons pengekodan, litar dan robotik untuk pelajar sekolah yang berumur antara 13 hingga 17 tahun. Inisiatif ini adalah sebahagian daripada inisiatif pendidikan Kumpulan UEM yang dikenali sebagai Projek STAR (Kongsi, Fikir, Tanya, Respon).



MEMPERKASAKAN SYARIKAT KAMI

Khazanah bekerjasama dengan syarikat pelaburannya untuk memacu prestasi yang lebih baik

Kami berpandukan kepada Rangka Kerja Penglibatan Lima Perkara dalam pendekatan pelaburan kolaboratif dengan syarikat-syarikat pelaburan kami.

Sebagai pemegang saham yang aktif, kami membantu memastikan adanya kepemimpinan yang mantap dan berkeupayaan dalam setiap syarikat pelaburan Khazanah yang akan melaksanakan strategi perniagaan bersesuaian. Kami bekerjasama dengan mereka untuk melaksanakan sistem dan kawalan utama seperti rangka kerja tadbir urus dan pengurusan risiko serta sistem pengurusan bakat dan prestasi.

Kami juga menyumbang dan menyokong pembangunan struktur kawal selia dan persekitaran berdaya saing, di samping menggalakkan kerjasama dan sinergi antara syarikat pelaburan kami.

Rangka Kerja ini membantu kami memantau kemajuan syarikat tersebut, di samping memperkasakan syarikat-syarikat ini menjadi entiti berprestasi tinggi.



Latifah Daud
Pengarah Eksekutif dan
Ketua Pengurusan Modal
Insan Strategik

Prestasi perniagaan dan pertumbuhan bergerak seiring dengan pengoptimuman bakat, terutamanya dalam persekitaran pantas hari ini yang digerakkan oleh teknologi yang mana gangguan merupakan kebiasaan. Pengurusan bakat yang baik adalah penting untuk memastikan ketahanan Khazanah dalam mengekalkan prestasi, sementara tangkas dalam mencipta peluang-peluang pertumbuhan baharu.





RANGKA KERJA PENGLIBATAN LIMA PERKARA



ARAS KEPIMPINAN

Membantu dalam memastikan kewujudan Lembaga Pengarah dan Pasukan Pengurusan Kanan yang profesional, berkebolehan dan berpengalaman.




STRATEGI

Membantu memacu strategi dan pelaksanaan perniagaan yang bermutu tinggi melalui lembaga pengarah dan pengurusan.



SISTEM & KAWALAN

Membantu menetapkan sistem dan kawalan utama untuk menjamin pertumbuhan dan penciptaan nilai melalui tadbir urus, pengurusan risiko, pengurusan prestasi, pengurusan bakat, perolehan, audit dalaman dan perhubungan pelabur.



STRUKTUR INDUSTRI

Memanfaatkan sinergi dalam syarikat dan menyumbang secara optimum kepada persekitaran dan struktur kawal selia yang berdaya saing.




MEMANTAU PENGURUSAN PRESTASI & MEMPERKASA

Menyediakan pemantauan dan pengurusan prestasi yang berterusan melalui Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan pengesahan pengurusan.

MEMACU PRESTASI DAN MELAKAR HALA TUJU BAHARU

Khazanah menyokong dan menyumbang kepada usaha-usaha transformasi nasional Kerajaan

Portfolio pelaburan kami merangkumi kepentingan dalam lebih 100 syarikat dalam pelbagai sektor, industri dan kawasan, sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui pemilikan saham. Kepelbagaian portfolio ini mencerminkan usaha yang kami laksanakan untuk mencipta nilai, kesan ekonomi dan jalinan hubungan bagi Malaysia. Kira-kira 55% daripada Nilai Aset Boleh Tunai (RAV) kami, berdasarkan pendedahan kawasan, adalah di Malaysia. Selebihnya sebanyak 45% adalah di luar negara.




PEMBAHAGIAN PORTFOLIO NILAI ASET BOLEH TUNAI (RAV) MENGIKUT SEKTOR UTAMA

Setakat 31 Disember 2017 | Sumber: Analisis Khazanah

NILAI ASET BOLEH TUNAI (RAV) MENGIKUT PENDEDAHAN KAWASAN³

Setakat 31 Disember 2017 | Sumber: Analisis Khazanah





Ong King How
Pengarah, Pelaburan


Edotco adalah satu contoh baik bagi inovasi dalam sektor tradisional seperti telekomunikasi dan usaha kami untuk membina juara serantau di kalangan syarikat pelaburan kami. Walaupun agak baharu, edotco adalah sebuah syarikat perkhidmatan prasarana telekomunikasi terkemuka di Asia dalam industri bergerak pantas.

JUMLAH PELABURAN

	Bilangan Urus Niaga ¹	Amaun Pelaburan (RM b)
2004-2017	175	87.9

JUMLAH PENJUALAN

	Bilangan Urus Niaga	Hasil Penjualan (RM b)	Keuntungan atas Penjualan (RM b)
2004-2017	102	59.2	27.4



PEMBAHAGIAN PORTFOLIO NILAI ASET BOLEH TUNAI (RAV) MENGIKUT SYARIKAT BERMASTAUTIN²

Setakat 31 Disember 2017 | Sumber: Analisis Khazanah

¹ Bilangan pelaburan baharu secara sendiri







































² Nilai pelaburan diperuntukkan oleh negara di mana syarikat induk bermastautin

³ Anggaran nilai boleh agih mengikut negara di mana syarikat pelaburan Khazanah beroperasi



PORTFOLIO SYARIKAT


Setakat 31 Disember 2017 | Senarai adalah tidak menyeluruh

AGRI-MAKANAN	PENGANGKUTAN & LOGISTIK	KREATIF & MEDIA	PERKHIDMATAN KEWANGAN	PENJAGAAN KESIHATAN & KESEJAHTERAAN	INFRASTRUKTUR & PEMBINAAN	INOVASI & TEKNOLOGI	
 <p>MAFC 100%</p>  <p>Blue Archipelago 100%</p>  <p>Biotropics Malaysia 100%</p>  <p>The Holstein Milk Company 30%</p>	 <p>● Malaysia Airports Holdings Berhad 33.2%</p>  <p>Malaysia Airlines Berhad 100%</p>	 <p>● ASTRO Malaysia Holdings 20.7%</p>  <p>Granatum Ventures 100%</p>  <p>Iskandar Malaysia Studios 99.4% OWNED BY GRANATUM VENTURES</p>	 <p>● CIMB Group 27.3%</p>  <p>● IDFC 9.5%</p>  <p>Avicenna Capital 100%</p>  <p>Sun Life Malaysia Assurance 49% OWNED BY AVICENNA CAPITAL</p>  <p>Sun Life Malaysia Takaful 49% OWNED BY AVICENNA CAPITAL</p>  <p>Acibadem Sigorta 100% OWNED BY AVICENNA CAPITAL</p>  <p>ACR Capital 24%</p>  <p>Jadwa Investment 10.3%</p>  <p>Bank Muamalat 30%</p>	 <p>ValueCAP Valuecap 33.3%</p>  <p>Fajr Capital 19.1%</p>  <p>WeLab 11.5%</p>  <p>● BDO Unibank 3.9%</p>	 <p>IHH Healthcare Berhad ● IHH Healthcare Berhad 42.3%</p>  <p>ACIBADEM Acibadem 15% 60% OWNED BY IHH HEALTHCARE BERHAD</p>  <p>ReGen Rehab ReGen 60%</p>	 <p>UEM Group 100%</p>  <p>PLUS Malaysia 51% OWNED BY UEM GROUP</p>  <p>UEM Builders 100% OWNED BY UEM GROUP</p>  <p>CIMA 100% OWNED BY UEM GROUP</p>  <p>● UEM Edgenta 69.1% OWNED BY UEM GROUP</p>	 <p>● Alibaba 0.2%</p>  <p>SilTerra Malaysia 100%</p>  <p>Fractal Analytics 35.9%</p>  <p>● SEA 2.3%</p>  <p>General Atlantic 1.3%</p>  <p>Koubei 1.0%</p>  <p>● Infosys 0.2%</p>  <p>Palantir 0.3%</p>





SAINS HAYAT	RIADAH & PELANCONGAN	TENAGA	HARTANAH	PEMBANGUNAN MAMPAN	TELEKOMUNIKASI	LAIN-LAIN	
<p>Xeraya Capital 100%</p>	<p>Themed Attractions Resorts & Hotels 100%</p>	<p>● Tenaga Nasional 28.9%</p>	<p>UEM SUNRISE A member of UEM Group ● UEM Sunrise 66.1% OWNED BY UEM GROUP</p> <p>Iskandar Investment Berhad 60%</p> <p>.....</p> <p>Medini Iskandar Malaysia 40% 20% OWNED BY ISKANDAR INVESTMENT BERHAD</p> <p>M+S Pte Ltd 60%</p> <p>SUNWAY ISKANDAR "NATURE'S CAPITAL CITY" Sunway Iskandar 40%</p> <p>pliv Pulau Indah Ventures 50%</p>	<p>SOUTHERN MARINA Southern Marina 30%</p> <p>Putrajaya Holdings 15.6%</p> <p>8990 ● 8990 Holdings 8.6%</p>	<p>Cenviro 100%</p> <p>Cenergi Cenergi SEA 92.9%</p> <p>● Beijing Enterprises Water Group 4.6%</p>	<p>Axiata 37.3%</p> <p>.....</p> <p>enabling connectivity edotco 10.6% 63% OWNED BY AXIATA</p> <p>● Telekom Malaysia 26.2%</p> <p>Pulau Kapas Ventures 30%</p> <p>.....</p> <p>● TIME dotCom 11.2% 30.5% OWNED BY PULAU KAPAS VENTURES</p>	<p>JOHN KEELLS HOLDINGS PLC ● John Keells 10.2%</p> <p>LeapEd 100%</p>



● Syarikat Tersenarai

Sumber: Analisis Khazanah

PELABURAN TERAS

Portfolio Khazanah termasuk beberapa syarikat terpenting di Malaysia, berdasarkan ukuran kepentingan strategik syarikat-syarikat ini kepada negara. Syarikat-syarikat ini termasuklah Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dalam pelbagai sektor berbeza seperti penerbangan, perkhidmatan kewangan, penjagaan kesihatan, infrastruktur & pembinaan, tenaga, hartanah dan telekomunikasi



Tenaga Nasional Berhad (TNB) adalah syarikat pembekal elektrik nasional Malaysia, dengan aset bernilai RM142 bilion di seluruh unit penjanaan, transmisi dan pengagihannya. Pada 2017, TNB memberikan perkhidmatan kepada 9.1 juta pelanggan di seluruh negara, dan pada masa yang sama mula meluaskan kehadiran antarabangnya.



www.tnb.com.my



A member of UEM Group

UEM Sunrise Berhad adalah sebuah syarikat senaraian awam dan salah satu daripada pemaju hartanah terkemuka di Malaysia. Kemahiran terasnya termasuklah pembangunan perbandaran makro baharu dan kediaman tinggi, perdagangan, peruncitan dan pembangunan bersepadu. UEM Sunrise adalah pemaju induk Iskandar Puteri, salah satu daripada lima zon ulung dan penggerak utama Iskandar Malaysia. Ia juga mempunyai projek pembangunan di Australia serta pembangunan yang telah siap di Kanada. UEM Sunrise juga telah dilantik sebagai Pengurus Projek (Pemasaran) untuk M+S Pte. Ltd. bagi pembangunan bercampurannya iaitu Marina One dan DUO di Singapura.



www.uemsunrise.com



Gambaran artis bagi projek ketiga UEM Sunrise di Melbourne, Mayfair, sebuah apartmen mewah hasil reka bentuk mendiang arkitek Zaha Hadid



TNB menyelesaikan 50% pengambilalihan kepentingan dalam salah satu portfolio solar terbesar Britain, Vortex Solar UK LTD, dengan gabungan keupayaan terpasang bersih sebanyak 365MW



TELEKOMUNIKASI



Axiata Group Berhad (Axiata) adalah salah satu kumpulan telekomunikasi terbesar di Asia dengan kira-kira 350 juta pelanggan di 11 negara. Axiata mempunyai kepentingan mengawal dalam pengendali mudah alih di Malaysia, Indonesia, Sri Lanka, Bangladesh, Kemboja dan Nepal, serta kepentingan strategik di India dan Singapura.

Syarikat prasarana kumpulan ini, edotco, beroperasi di lima negara untuk memberikan perkhidmatan prasarana telekomunikasi, serta mengendali dan menguruskan portfolio serantau meliputi lebih 25,000 menara telekomunikasi. Ia juga memiliki Axiata Digital Services, yang ditubuhkan pada 2012 dan mempunyai portfolio sejumlah 29 jenama digital yang dibangunkan sepanjang tahun-tahun yang lepas.



www.axiata.com



Telekom Malaysia Berhad (TM) adalah peneraju penyedia perkhidmatan komunikasi bersepadu di Malaysia, dengan 2.3 juta pelanggan jalur lebar. Ia menawarkan rangkaian lengkap perkhidmatan dan penyelesaian komunikasi yang merangkumi jalur lebar, data dan talian tetap.

www.tm.com.my



PERKHIDMATAN KEWANGAN



CIMB Group, adalah bank global terkemuka ASEAN, beroperasi dalam 15 pasaran di seluruh dunia. CIMB Group beroperasi merentasi ASEAN di bawah beberapa entiti korporat termasuk CIMB Bank, CIMB Islamic, CIMB Investment Bank, CIMB Niaga, CIMB Securities dan CIMB Thai. Pasaran utamanya di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Thailand bertumpukan kepada Perbankan Pengguna, Komersial dan Pukal.



www.cimb.com



Pemenang CIMB ASEAN Stock Challenge 2.0, Majlis Anugerah Peringkat Kebangsaan pada 21 November 2017



INFRASTRUKTUR & PEMBINAAN



UEM Group Berhad adalah kumpulan prasarana dan perkhidmatan berasaskan kejuruteraan di Malaysia dengan perniagaan teras dalam lebuh raya, pembangunan perbandaran dan hartanah, kejuruteraan dan pembinaan serta pengurusan aset dan kemudahan. Syarikat-syarikat utama dalam UEM Group adalah PLUS Malaysia Berhad, UEM Sunrise Berhad, UEM Builders Berhad, Cement Industries of Malaysia Berhad (CIMA) dan UEM Edgenta Berhad.



www.uem.com.my



A member of UEM

PLUS Malaysia Berhad adalah pemegang konsesi lebuh raya terbesar di Malaysia dan telah mengendalikan jalan bertol di negara ini sejak 1988. PLUS mengendali dan menyelenggara hampir 1,000 km lebuh raya bermula dari sempadan Tailand di utara hingga ke sempadan Singapura di selatan.



www.plus.com.my



A member of UEM Group

UEM Edgenta Berhad adalah penyedia penyelesaian jumlah aset terbesar di Malaysia, menawarkan serangkaian lengkap perkhidmatan kepada sektor-sektor penjagaan kesihatan, infrastruktur dan industri.



www.uemedgenta.com



“
Acibadem Holdings
adalah penyedia
penjagaan kesihatan
swasta terkemuka Turki



KESIHATAN



IH Healthcare Berhad

IHH Healthcare Berhad (IHH), adalah penyedia penjagaan kesihatan terkemuka dalam pasaran yang mana permintaan untuk penjagaan bermutu adalah tinggi dan semakin meningkat. Ia adalah salah satu daripada kumpulan penjagaan kesihatan terbesar di dunia dan disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia dan Papan Utama SGX-XT.

Dengan lebih 35,000 kakitangan serta operasi di 49 hospital merangkumi lebih 10,000 katil berlesen di 9 negara di seluruh dunia, Kumpulan ini menawarkan perkhidmatan penjagaan kesihatan bersepadu yang lengkap, daripada klinik kepada hospital, kepada perawatan kesihatan kuarteneri dan perawatan kesihatan tambahan.



www.ihhealthcare.com



Acibadem Altunizade Hospital opened on 14 March 2017



Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Airlines, Kapten Izham Ismail (kiri) pada pelancaran perkhidmatan sulung A350-900 dari Kuala Lumpur ke London



Jack Siah Boon Kiat
Penolong Naib Presiden,
Pelaburan

Prasarana yang cekap, seperti lapangan terbang, adalah penting bagi memastikan daya saing sejagat sesebuah negara. Tumpuan utama MAHB dalam menambah baik kecekapan operasinya serta pengalaman pelanggan bukan hanya akan menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia, tetapi juga akan menambah baik kemudahan menjalankan perniagaan dan memudahkan pelaburan asing ke dalam negara.



PENERBANGAN



Malaysia Airlines Berhad (MAB) membawa 40,000 penumpang masuk dan keluar Malaysia serta penerbangan di dalam negara. Sebagai ahli pakatan oneworld, MAB menawarkan kesalinghubungan dengan penerbangan tanpa sempadan ke 1,000 destinasi di lebih 150 negara, dan akses ke lebih 650 ruang istirahat lapangan terbang di seluruh dunia.

www.malaysiaairlines.com



Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) mengurus dan mengendalikan 39 lapangan terbang di Malaysia dan sebuah lapangan terbang antarabangsa di Istanbul, Turki. Tiga puluh sembilan lapangan terbang di Malaysia itu terdiri daripada lima lapangan terbang antarabangsa, 16 lapangan terbang domestik dan 18 Landasan Berlepas dan Pendaratan Pendek (STOL). Ia juga menyediakan perkhidmatan pengurusan dan teknikal lapangan terbang untuk pembangunan, pengendalian, penyelenggaraan dan pengurusan lapangan terbang antarabangsa di luar negara.



www.malaysiaairports.com.my

PELABURAN PERTUMBUHAN

Kami melabur dalam sektor dan kawasan pertumbuhan baharu sebagai menyokong transformasi ekonomi Malaysia. Menerusi pelaburan-pelaburan ini, kami berharap untuk membina hubungan industri dan membantu melonjakkan pertumbuhan dan pembangunan negara.



INOVASI & TEKNOLOGI

fractal

Fractal Analytics adalah rakan analisis syarikat-syarikat Fortune 500 di seluruh dunia dan membantu mereka membuat keputusan yang baik dalam perusahaan dengan membawa kepintaran analisis dan tiruan (AI) terhadap keputusan tersebut. Fractal Analytics mempunyai lebih 1,200 orang di 14 lokasi global termasuk Amerika Syarikat, UK dan India. Fractal telah ditampilkan sebagai peneraju dalam 'Gelombang Penyedia Perkhidmatan Analisis Pelanggan' 2017 oleh Forrester Research, 'Tempat Hebat untuk Bekerja' oleh The Economic Times dengan kerjasama The Great Place to Work Institute, dan diiktiraf sebagai 'Cool Vendor' dan 'Vendor to Catch' oleh Gartner.

www.fractalanalytics.com



CAINIAO 菜鸟

Cainiao Network syarikat sekutu logistik Kumpulan Alibaba, mengendalikan platform data logistik yang memanfaatkan keupayaan dan kebolehan rakan kongsi logistik untuk memenuhi urusan niaga antara pedagang dan pengguna pada skala besar. Cainiao Network menggunakan maklumat dan teknologi data untuk menambah baik kecekapan di seluruh rangkaian nilai logistik. Platform data miliknya menyediakan akses masa sebenar kepada data untuk pedagang menguruskan inventori dan pengudangan dengan lebih baik bagi para pengguna menjejak pesanan mereka. Di samping itu, platform data Cainiao Network membantu penyedia perkhidmatan logistik untuk menambah baik kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan mereka, seperti memanfaatkan data untuk mengoptimalkan haluan penghantaran yang digunakan oleh syarikat-syarikat kurier ekspres.

www.global.cainiao.com



Garena Star League adalah acara e-Sukan terbesar yang diadakan setiap tahun di Thailand yang ditonton secara langsung oleh seramai 180,000 penonton





Sea, di Singapura, diasaskan pada 2009 oleh Forrest Li dengan misi untuk menambah baik kehidupan pengguna dan perniagaan kecil di rantau ini menggunakan teknologi. Sejak penubuhannya, Sea, yang sebelum ini dikenali sebagai Garena, telah berkembang pesat sebagai penyedia platform terulung bagi kandungan digital komputer dan mudah alih, e-dagang dan pembayaran di seluruh Asia Tenggara dan Taiwan, memberikan perkhidmatan kepada berjuta pengguna. Sea disenaraikan di Bursa Saham New York pada Oktober 2017.

www.seagroup.com

generalfusion

General Fusion terbabit dalam pembangunan laluan paling praktikal dan pantas untuk menghasilkan tenaga lakuran komersial. Syarikat ini ditubuhkan pada 2002 dan disokong oleh sindiket global dana modal teroka tenaga, ketua industri, dan pengasas teknologi, termasuk Chrysalix Energy Venture Capital, Bezos Expeditions, Khazanah, Cenovus Energy, Growthworks, Braemar Energy Ventures, BDC, Entrepreneurs Fund dan SET Ventures.

www.generalfusion.com

Aemulus

Aemulus Holdings Berhad adalah syarikat tersenarai di Bursa Malaysia terutamanya dalam rekaan, kejuruteraan dan pembangunan peralatan ujian automasi. Produk-produknya digunakan oleh pembuat semikonduktor dan syarikat penyumberan luar pemasangan dan ujian semikonduktor untuk menguji wafer semikonduktor dan peranti dipakej, sebelum ia dihantar bagi pemasangan akhir ke dalam pelbagai peranti dan gajet elektronik.

www.aemulus.com

Alibaba Group

Misi Kumpulan Alibaba adalah untuk menjadikannya mudah untuk menjalankan perniagaan di mana-mana sahaja. Syarikat ini menyediakan infrastruktur teknologi dan pemasaran asas bagi membantu pedagang, jenama dan perniagaan lain untuk memanfaatkan kelebihan internet untuk berhubung dengan pengguna dan pelanggan mereka. Perniagaan Kumpulan Alibaba terdiri daripada perdagangan teras, pengkomputeran awan, media digital dan hiburan, inisiatif inovasi dan lain-lain. Melalui anak syarikatnya Cainiao Network dan syarikat sekutu penerima pelaburannya, Koubei, Kumpulan Alibaba mengambil bahagian dalam sektor perkhidmatan logistik dan tempatan. Di samping itu, Kumpulan Alibaba mempunyai hubungan strategik dengan Ant Financial Services, kumpulan perkhidmatan kewangan yang beroperasi terutamanya melalui Alipay, platform pembayaran pihak ketiga terkemuka di China.

www.alibaba.com

Bangunan pejabat Alibaba (China) Technology Co. Ltd di pinggir Hangzhou, China



PENJAGAAN KESIHATAN & KESEJAHTERAAN

ACIBADEM


Acibadem Healthcare Group adalah penyedia penjagaan kesihatan swasta terkemuka di Turki dan Bulgaria. Ia menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan bersepadu dan tambahan di 21 hospital dan 16 klinik pesakit luar di Turki, Bulgaria dan Macedonia.

www.acibadem.com.tr



ReGen Rehabilitation International Sdn Bhd adalah sebuah syarikat hospital swasta khusus untuk ubat-ubatan pemulihan pesakit dalam dan luar. Ia adalah satu usaha sama antara Khazanah Nasional Berhad dan Select Medical International, salah satu daripada syarikat pemulihan terkemuka Amerika.

www.regen.rehab




KREATIF & MEDIA



Astro Malaysia Holdings Berhad (AMH) adalah kumpulan kandungan dan pengguna ulung di Malaysia dan ASEAN yang memberikan perkhidmatan kepada 5.3 juta isi rumah, 21 juta individu di kesemua skrin dan 7 juta pengunjung di ruang Digital, TV, Radio and e-Dagang.

www.astromalaysia.com.my



Quek Pei Lynn
Pengarah, Pelaburan

Meningkatkan mutu penjagaan kesihatan Malaysia serta meningkatkan negara dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta ke rantau ini adalah antara objektif strategi kami bagi sektor ini. Hari ini, kami telah membina IHH sehingga menjadi juara penjagaan kesihatan serantau yang kukuh.

Astro Malaysia Holdings Berhad menyediakan begitu banyak cara untuk mendapatkan kandungan di pelbagai platform



Gleneagles Hong Kong memulakan perkhidmatannya pada Mac 2017



PERKHIDMATAN KEWANGAN



ACR Capital Holdings Pte Ltd berkepakaran dalam menyediakan penyelesaian insurans semula untuk risiko besar dan mahir di rantau Pan-Asian. Anak syarikat milik penuhnya, Asia Capital Reinsurance Group adalah salah satu daripada 50 penginsurans utama di dunia.

www.asiacapitalre.com



Acibadem Sigorta adalah satu-satunya penyedia perkhidmatan insurans kesihatan bebas dan platform insurans penjagaan kesihatan kedua terbesar di Turki. Acibadem Sigorta mempunyai rangkaian penyedia terbesar bagi hospital, klinik, makmal, pusat perubatan, dan farmasi di seluruh Turki serta kontrak komersial kukuh dengan Acibadem Healthcare Group, rangkaian hospital swasta premium terkemuka di negara tersebut.

www.acibademsigorta.com.tr



Sun Life Malaysia adalah penyedia rangkaian lengkap bagi produk dan perkhidmatan insurans hayat dan Takaful. Ia mengagihkan produk-produk ini melalui saluran pengagihan termasuk bankasurans, pemasaran langsung, telepemasaran, telkoasurans dan perniagaan kerajaan dan korporat.

www.sunlifemalaysia.com



HARTANAH



8990 Holdings adalah pemaju perumahan awam terkemuka di Filipina. Ia memenuhi permintaan perumahan daripada penduduk berpendapatan rendah. Syarikat ini melaksanakan projek pembangunan di seluruh negara dan ia disenaraikan di Bursa Saham Filipina.

www.8990holdings.com



TELEKOMUNIKASI



edotco Group Berhad (edotco) adalah syarikat perkhidmatan prasarana telekomunikasi bersepadu dan serantau yang pertama di Asia. Ia menyediakan penyelesaian lengkap dalam sektor perkhidmatan menara, daripada pemajakan menara, lokasi bersama, dibina sesuai, tenaga, transmisi dan operasi dan penyelenggaraan (O&M). Portfolio serantaunya termasuk lebih 16,000 menara di pasaran utama Malaysia, Sri Lanka, Bangladesh, Kemboja, Pakistan dan Myanmar.

www.edotcogroup.com



TIME dotCom Berhad (TIME) adalah penyedia perkhidmatan komunikasi dengan perniagaan dalam talian tetap, pusat data dan rangkaian global. Tumpuan utamanya adalah kepada segmen pukal dan perusahaan di rantau ASEAN.

www.time.com.my



Loji Air dan Tenaga Bebas di Jeddah, Arab Saudi



CENERGI SEA kini mengendalikan empat loji biogas dengan gabungan keupayaan penjanaan sebanyak 5.5MW dan satu lagi loji biogas 1.5MW untuk dimulakan pada suku keempat tahun 2018



TENAGA



Shuaibah Independent Water and Power Project adalah Projek Air dan Tenaga Bebas (IWPP) pertama di Arab Saudi, membekalkan air dan tenaga elektrik ke bandar-bandar utama di kawasan barat negara tersebut.

www.shuaibahiwpp.com



SAINS HAYAT



Xeraya Capital adalah ekuiti swasta dan pelabur teroka dalam sains hayat yang menumpukan kepada teknologi perubahan, bioteknologi penjagaan kesihatan, bio-diperbaharui dan bio-industri.

www.xeraya.com



Kilang biogas Cenergi SEA di Pahang



PEMBANGUNAN MAMPAN



Cenviro Sdn Bhd adalah penyedia penyelesaian pengurusan sisa alam sekitar bersepadu yang terkemuka. Melalui anak syarikatnya Kualiti Alam Sdn Bhd, Cenviro mengendalikan pusat pengurusan sisa bersepadu pertama Malaysia di Negeri Sembilan sejak 1998. Ia juga terbabit dalam pengurusan sisa pejal perbandaran dan pembersihan awam melalui syarikat usahasanya, E-Idaman Sdn Bhd dan pengurusan sisa elektronik melalui syarikat sekutunya, Shan Poornam Metals Sdn Bhd. Cenviro terus menyediakan pengurusan sisa yang inovatif dan mampan serta penyelesaian tenaga diperbaharui melalui Pusat Pemuliharaan dan Inovasi (EPIC), Loji Sisa-kepada-Tenaga Terjadual, Tanah Timbus Menegak Selamat dan Program Kitar Semula demi Kehidupan.

www.cenviro.com



RedT Energy, berkepakaran khusus dalam reka bentuk, pembuatan, pemasangan dan pengendalian sistem penyimpanan tenaga untuk perniagaan, industri dan rangkaian pengagihan elektrik. Menggunakan teknologi aliran redoks vanadium yang dipatenkan untuk menyimpan tenaga dalam bentuk cecair, mesin-mesin penyimpanan tenaga milik redT boleh berjalan secara berterusan tanpa degradasi: cas dan nyahcas selama lebih 25 tahun, sepadan dengan jangka hayat aset boleh diperbaharui di dalam tetapan grid, luar grid dan lemah grid. redT energy plc disenaraikan di Bursa Saham London (AIM:RED) dan mempunyai pejabat di U.K., Afrika dan A.S.

www.redtenergy.com



Cenergi SEA membangun dan melabur dalam projek-projek tenaga bersih, dengan tumpuan khusus kepada projek biogas, biomas, PV solar, mini hidro, dan kecekapan tenaga di Malaysia dan Asia Tenggara. Ia adalah salah satu daripada syarikat biogas daripada sisa loji minyak sawit yang dihubungkan kepada grid yang terbesar di negara. Ia kini mengendalikan empat loji biogas dengan gabungan keupayaan penjanaan sebanyak 5.5MW dan sebuah lagi loji biogas 1.5MW yang akan ditauliahkan pada 2019. Cenergi juga sedang melaksanakan kontrak penjimatan tenaga Bina-Milik-Pindah (BOT) bernilai RM40 juta dengan sebuah universiti tempatan, yang akan disiapkan dalam tempoh empat fasa menjelang akhir 2018.

www.cenergi-sea.com

PELABURAN PEMANGKIN

Sebagai menyokong aspirasi Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju, Khazanah memulakan sejumlah pelaburan mangkin yang bertujuan menjana pulangan komersial, membangunkan kelebihan strategik, dan membina keupayaan untuk negara, terutamanya di dalam negara.



AGRI-MAKANAN



Blue Archipelago Berhad (BAB) adalah syarikat akuakultur udang halus yang menumpukan kepada pengeluaran makanan laut bermutu tinggi bagi pasaran sejagat. Perniagaan ini adalah bertunjangkan piawaian bermutu tinggi, keselamatan makanan, kemampanan ekologi dan kebertanggungjawaban sosial.

www.bluearchipelago.com



Biotropics Malaysia Berhad membangun dan mengkomersialkan sumber bio Malaysia kepada produk kesihatan semulajadi yang bermutu tinggi. Produk-produknya termasuk ekstrak terpiawai proprietari, semua diet tambahan semulajadi, bahan untuk nutraseutikal, makanan yang memberi kesan positif kepada kesihatan (*functional food*) dan penggunaan kosmetik yang mempunyai bahan perubatan (*cosmeceutical*), kesemuanya diuji dan disahkan secara saintifik sebagai memenuhi mutu, keselamatan dan piawaian kemujaraban tertinggi.

www.biotropicsmalaysia.com



Rumah hijau Ladang Persekitaran Terkawal MAFC di Tanah Rata, Cameron Highlands



Malaysian Agrifood Corporation Berhad (MAFC) adalah syarikat pengurusan rangkaian bekalan makanan yang bersepadu sepenuhnya. Ia menghasilkan sayur-sayuran segar dan bermutu tinggi di bawah jenama Lushious, Genting Garden dan Village Garden. MAFC mengagihkan kepada peruncit menerusi anak syarikatnya yang mengendalikan logistik rangkaian beku secara bersepadu. MAFC mencipta nilai melalui kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang berkenaan dan pemain industri dengan matlamat membekalkan keluaran selamat dan segar yang bermutu tinggi demi kehidupan yang lebih sihat.

www.mafc.com.my



Yogurt Farm Fresh Holstein dihasilkan di Larkin, Johor



The Holstein Milk Company Sdn Bhd (Holstein) adalah salah satu daripada syarikat tenusu bersepadu yang terkemuka di Malaysia, menghasilkan produk tenusu gred premium di bawah jenama Farm Fresh dan Nubian. Operasi syarikat ini meliputi rangkaian lengkap tenusu (daripada makanan ternakan kepada hasil minuman). Holstein adalah syarikat induk yang dilantik untuk NKEA Entry Point Project 13 bagi industri tenusu, yang menyasarkan untuk mengurangkan kebergantungan Malaysia kepada susu segar yang diimport.



Iskandar Investment Berhad (IIB) adalah pemaju strategik bagi projek-projek mangkin di Iskandar Puteri, iaitu satu-satunya tapak belum dibangunkan di Iskandar Malaysia pada masa permulaannya. IIB menggalakkan pelaburan dalam sektor yang dikenal pasti melalui usaha-usaha kerjasama dengan agensi-agensi persekutuan dan negeri, rakan sejabat dan pemain industri utama dan telah melabur dalam rangkaian prasarana bertaraf dunia bernilai billion-Ringgit. IIB juga membuat perancangan utama dalam membangunkan Iskandar Puteri menjadi metropolis mampan dan sesuai didiami. Projek IIB yang mempunyai kesan besar termasuk Medini Iskandar, EduCity, Iskandar Space, Academy of E-Sports dan DHL Global Centre of Excellence telah mengubah landskap dan ekosistem, menyediakan intipati teguh untuk kejayaan dan pertumbuhan mampan bagi syarikat-syarikat pelaburan Khazanah di Iskandar Malaysia.

www.iskandarinvestment.com



Medini Iskandar Malaysia Sdn Bhd (MIMSB) adalah perancang dan pemaju induk bagi perbandaran seluas 2,230 ekar, Medini, terletak di pusat Iskandar Puteri. Sebuah wilayah perniagaan pusat di Iskandar Puteri, Medini City menawarkan insentif yang unik untuk Medini. MIM mengalu-alukan para pelabur yang mencari peluang pelaburan di destinasi utama dengan kedudukan strategik berhampiran Singapura.

Ditubuhkan pada 2007, MIM dimiliki oleh Jasmine Acres Sdn Bhd (60%), United World Infrastructure (20%) dan Mitsui & Co. Ltd (20%). Pemegang saham terbesar MIM, Jasmine Acres, dimiliki bersama oleh Khazanah Nasional Berhad dan Iskandar Investment Berhad.

www.medini.com.my



Pulau Indah Ventures Sdn Bhd adalah nisbah usahasama 50:50 antara Khazanah dan Temasek Holdings (Private) Limited. Ia adalah pemaju bagi dua projek pembangunan bertemakan kesejahteraan di Medini Iskandar Malaysia, iaitu Afinity Medini dan Avira, satu pembangunan bersama 50:50 dengan Eastern & Oriental Berhad.



M+S Pte Ltd ditubuhkan pada 27 Jun 2011 untuk membangunkan dua pembangunan bercampur di Singapura, iaitu Marina One di Marina South dan DUO di Ophir-Rochor, berikutan pelaksanaan penuh Poin Persetujuan (POA) antara Malaysia dan Singapura pada 2011. Ia dimiliki 60:40 oleh Khazanah dan Temasek Holdings (Private) Limited, syarikat pelaburan milik kerajaan Singapura. Kedua-dua projek ikonik ini, yang semuanya adalah SGD11 bilion dalam nilai pembangunan kasar, disiapkan pada akhir 2017 dan dibuka secara rasmi oleh Perdana Menteri Malaysia dan Singapura pada 15 Januari 2018.

“

Marina One, sebuah pemenang anugerah pembangunan bersepadu, terletak di dalam wilayah kewangan berprestij Marina Bay, sedia memulakan konsep kehidupan, pekerjaan dan hiburan baharu di daerah Pusat Perniagaan Singapura.



KREATIF & MEDIA



Granatum Ventures

Granatum Ventures Sdn Bhd adalah sebuah syarikat pegangan pelaburan dalam kandungan kreatif dan media, dengan tiga bidang tumpuan: kandungan, ekosistem dan prasarana. Ia menyokong pembangunan industri kreatif Malaysia kearah menjadi pemain industri bertaraf dunia.




ISKANDAR MALAYSIA
STUDIOS

Pinewood Iskandar Malaysia Studios adalah kemudahan studio penerbitan media bersepadu terkini yang menawarkan tapak perfileman seluas 100,000 kaki persegi, studio TV seluas 24,000 kaki persegi, rangkaian lengkap perkhidmatan pasca-penerbitan, bengkel dan ruang pejabat penerbitan seluas 72,000 kaki persegi, kawasan untuk penggambaran luar, serta tangki air bagi penggambaran luaran dan dalaman.

www.pinewoodgroup.com/studios/pinewood-iskandar-malaysia-studios

Marina One direka bentuk oleh arkitek terkenal di dunia, Christoph Ingenhoven, peneraju dalam konsep seni bina mampan dan pembangunan bersepadu





Para pelajar semasa pembelajaran di Sekolah Menengah Kebangsaan Maung, sebuah sekolah bawah Program Sekolah Amanah



PENDIDIKAN



LeapEd Services Sdn Bhd (LeapEd), anak syarikat milik penuh Khazanah, adalah penyedia pendidikan tempatan pertama di Malaysia untuk melaksanakan transformasi pendidikan di seluruh sekolah. Ia adalah satu perusahaan sosial dengan kecemerlangan dalam menjadi perangka dan rakan pelaksana bagi Program Sekolah Amanah Yayasan AMIR, program transformasi sekolah awam perintis negara, dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia. Sejak penubuhannya pada 2010 dan melalui pelbagai usaha transformasi, LeapEd telah memberi manfaat kepada 250 sekolah awam dan 70,000 pelajar dengan menyokong lebih 6,000 guru dan 600 Pegawai Pendidikan dalam Sistem Pendidikan Malaysia.

www.leapedservices.com



RIADAH & PELANCONGAN



THEMED ATTRACTIONS
RESORTS & HOTELS

Sasaran **Themed Attractions Resorts & Hotels Sdn Bhd (TARH)** untuk mengembangkan ekonomi riadah dan pelancongan adalah diilhamkan daripada warisan ekologi dan budaya Malaysia yang sangat banyak dan berbeza-beza, serta keupayaan bertutur dalam berbilang bahasa dan keramahan rakyat negara ini. Selain daripada mewujudkan pekerjaan dan meningkatkan sumbangan ekonomi secara langsung kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia, pelaburan ini melengkapinya pertumbuhan sektor-sektor industri lain termasuk pengguna, hartanah dan pembinaan, serta pembangunan wilayah ekonomi seperti Iskandar Malaysia. Dengan membuat pelaburan mangkin sebegini, TAR&H menyasarkan untuk turut memacu pelaburan persendirian terhadap produk dan perkhidmatan riadah & pelancongan di Malaysia. TARH menumpukan kepada pembangunan dan pengendalian pusat peranginan destinasi bertaraf dunia. Aset operasi dan projek di bawah pembangunan ini termasuk pusat peranginan destinasi Desaru Coast, LEGOLAND® Malaysia Resort dan The Datai Langkawi.

www.tarh.com.my



Fizulin Mohamed Zin
Naib Presiden,
Pelaburan

Sektor riadah dan pelancongan adalah sektor pelaburan dan pembangunan yang strategik yang akan terus memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia. Tugas kami termasuk menjalinkan hubungan dan perkongsian dengan pengendali jenama sejagat yang berpengalaman dan pelabur untuk menzahir dan memaksimumkan sepenuhnya potensi negara dalam sektor ini.



Els Club di Pantai Desaru, salah satu pembangunan TAR&H di Johor, Malaysia

MEMBINA KEHADIRAN SERANTAU

Kami telah membina kehadiran dalam pasaran-pasaran utama di luar negara, yang membolehkan kami memanfaatkan pertumbuhan ekonomi serantau, mengenal pasti peluang-peluang yang menggalakkan penyerantauan syarikat-syarikat pelaburan kami dan seterusnya menyumbang ke arah membina daya saing jangka panjang negara.



Yang Berhormat Deborah L. Wince-Smith
 Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Daya Saing



Dalam ekonomi sejagat hari ini yang digerakkan oleh inovasi, semua negara perlu menerima transformasi yang dibentuk oleh revolusi digital dan peralihan pesat kepada sistem pengeluaran abad ke-21 dikuasakan oleh tenaga mampan dan tenaga kerja mahir. Malaysia mempunyai banyak aset strategik dalam Khazanah Nasional dengan rekod yang terbukti bagi pelaburan dalam prasarana, keupayaan inovasi, dan modal insan untuk membolehkan pengeluaran masa depan, pertumbuhan mampan, dan keterangkuman kemakmuran.





BRUNEI




KEMBOJA



INDONESIA



MYANMAR



LAOS



FILIPINA



SINGAPURA



THAILAND



VIETNAM



CHINA



CHINA



KOREA SELATAN



TAIWAN



Khazanah India Advisors
Private Limited, Mumbai
2008

INDIA



BANGLADESH



PAKISTAN



NEPAL



SRI LANKA



AUSTRALIA



IMD
Best World Best Learning
Malaysia menduduki
tempat ke-
24 / 63
dari segi negara
paling berdaya saing
Buku Tahunan Daya
Saing Dunia 2017
The Institute of Management
Development (IMD)

Sumber: Analisis Khazanah

SUMBANGAN SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC) TERHADAP PEMBINAAN NEGARA

Sokongan Berterusan dalam Pembinaan Negara melalui Agenda Pemerksaan Bumiputera (BEA)

Agenda Pemerksaan Bumiputera (BEA)

Program Transformasi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCT), yang dilaksanakan dari 2004 hingga 2015 mempunyai tiga prinsip dasar, salah satu daripadanya adalah Agenda Pembangunan Nasional. Agenda Bumiputera adalah sebahagian daripadanya (Gambarajah 1), yang mana pelbagai usaha terhadap pembinaan negara telah dilaksanakan selama bertahun, pencapaian dibuat dan manfaat disalurkan kepada kumpulan sasaran oleh Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan G20.

Berikutan pelancaran Agenda Pemerksaan Ekonomi Bumiputera oleh Perdana Menteri Malaysia pada 14 September 2013, dan reaksi kepada jangkannya terhadap Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) dan G20 yang disampaikan dalam ucapan beliau pada majlis pelancaran, Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi GLC (PCG) menubuhkan Agenda Pemerksaan Bumiputera (BEA) untuk meneruskan usaha-usaha membina negara yang berkaitan dengan masyarakat Bumiputera.

Dengan pencapaian GLC daripada Program Transformasi 10-tahun GLC pada Julai 2015, Khazanah telah diberikan mandat oleh Kerajaan untuk meneruskan peranannya sebagai Sekretariat Program BEA sehingga 2020.


Sebagai melaksanakan hasrat tersebut dan memudahkan pengurusan program yang berkesan, program BEA dirancang untuk dilaksanakan dalam tiga fasa. Gambarajah 2 melakarkan aspirasi, jangkaan keputusan dan tahap penglibatan yang diperlukan pada setiap fasa program.

Fasa 1 termasuk penetapan dasar dan memulakan program dalam tempoh dua tahun pertamanya. Di dalam fasa ini, petunjuk prestasi utama (KPI) khusus ditetapkan dan diberikan di mana pelbagai inisiatif telah dilaksanakan dengan jaya oleh GLIC dan G20. Fasa 2 menumpukan kepada pengukuhan inisiatif BEA untuk memberikan kesan kepada para pemegang kepentingan

DALAM MEMAJUKAN AGENDA BUMIPUTERA GLC DIPANDU OLEH:


Program Transformasi GLC (GLCT)

Dilancarkan pada Mac 2010




3 Prinsip Dasar:


Tumpuan kepada Prestasi



Asas Pembangunan Negara




Tadbir Urus




Prinsip-prinsip termasuk:

- ▶ Pertumbuhan dengan ekuiti
- ▶ Pembangunan masyarakat Bumiputera




5 Peranan GLIC & GLC dalam Model Baharu Ekonomi (MBE)

- ▶ Ekonomi dipacu oleh sektor swasta yang giat berkembang, GLC pula memainkan peranan pelengkap dan pemangkin
- ▶ Peranan Kerajaan dalam Perniagaan (GRIB) ditakrifkan




Dilancarkan pada Mac 2010

Tuas & batasan GLCT




Graduasi Program GLCT



Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB)

(Menggantikan Majlis Tindakan Agenda Bumiputera (MTAB) pada Sep 2013)



Kementerian yang memantau Jawatankuasa Diwakili

Sumber: BEA Sekretariat

Nota: TeraS – Syarikat-syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi

Rajah 1

¹20 Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang mengambil bahagian dalam Program Transformasi GLC.



yang disasarkan dan masyarakat Bumiputera. Memanfaatkan momentum semasa, GLIC dan G20 mempertingkatkan inisiatif BEA dan menetapkan inisiatif dengan kesan besar (GCI) baharu secara kolaboratif menerusi rangkaian BEA yang telah dibangunkan. Memasuki Fasa 3, tumpuan adalah untuk membina institusi pada peringkat individu dan entiti, serta sebagai memangkin dan meneruskan usaha dengan lebih lanjut. Di bawah fasa ini, GLIC dan G20 akan menginstitusikan usaha-usaha semasa, menggerakannya untuk menghasilkan keputusan yang dijangka daripada program-program ini.

Mempertingkatkan Program BEA

Menyadari perlunya meningkatkan lagi program ini, satu pendekatan menyeluruh telah dibangunkan manakala empat pendokong utama telah dikenal pasti untuk melonjakkan pencapaian BEA dan memastikan penyampaian hasil yang lebih baik serta impak yang dihasratkan menjelang 2020.

Pengumpul 1: Carta Mandat BEA

Carta Mandat (Gambarajah 3) dibangunkan sebagai panduan dasar kepada bidang tumpuan dan keputusan yang dihasratkan untuk pemegang kepentingan yang disasarkan. Carta ini juga adalah untuk menggalakkan kesefahaman, kejelasan dan ketekalan program.

Pengumpul 2: Tadbir Urus Kukuh dan Gigih

Tadbir Urus BEA dirangka sedemikian rupa supaya program ini diberi sepenuh komitmen yang serius, jelas dan gigih, termasuk pelaporan berkala kepada Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri.


Pengumpul 3: Pelan BEA menuju 2020

Pelan BEA menuju 2020 dipertingkatkan sebagai panduan dan memberi hala tuju akan datang bagi GLIC dan G20 untuk mewujudkan hasil berkesan menjelang 2020. Perancangan sebegini memerlukan peralihan baharu dalam pendekatan dan pemikiran untuk melonjakkan masyarakat Bumiputera ke tahap lebih tinggi. GLIC dan G20 juga digalakkan memulakan usaha-usaha bersama dan kolaboratif yang boleh memberikan kelebihan bagi pelbagai syarikat dan pihak kepentingan.

Pengumpul 4: Penglibatan Terancang

Untuk mendapatkan sokongan daripada pelbagai pemegang kepentingan, pembabitan BEA harus dirancang, disusun dan bersinambungan bagi memastikan pemahaman dan komitmen terhadap penginstitusian BEA. Pembabitan yang diterajui oleh barisan kepimpinan melalui pelbagai wadah juga adalah kunci kepada penyampaian mesej yang jitu kepada pihak berkepentingan utama.


GLC MENGURUSKAN PROGRAM BAGI BEA



Sumber: BEA Secretariat

Rajah 2

CARTA MANDAT BAGI AGENDA PEMERKASAAN BUMIPUTERA (BEA)




Sumber: BEA Secretariat

Rajah 3


Pencapaian Keseluruhan BEA Setakat Ini ...

Program BEA secara keseluruhannya telah menunjukkan hasil menggalakkan, dengan GLIC dan G20 mencapai KPI melebihi 90.0% pada 2014 dan 2015, diikuti dengan penambahbaikan ketara dalam mencapai 95.3% pada tahun 2016. Beberapa pencapaian utama setakat ini (2014 - 2016) oleh GLIC dan G20 (Gambarajah 4) termasuk:


Program Pembangunan Pembekal (PPP)

151 pembekal baharu dalam PPP 


Rangkaian Bekalan Syarikat Induk

8 rangkaian bekalan ditubuhkan 


Pengagihan khusus

bernilai **RM11.8b** 


Modal Insan

19,763 graduan dilatih bawah program Skim Latihan 1 Malaysia (SLIM) 

Aset Bukan-Kewangan

5,757 unit perumahan mampu milik 

Pemerolehan

bernilai **RM38.5b** 


Sumber: Sekretariat BEA Rajah 4

Bagi tahun 2017, usaha-usaha GLIC dan G20 untuk masyarakat Bumiputera (KPI dan bukan-KPI BEA) disasarkan bernilai kira-kira RM53.7 bilion (Gambarajah 5). Terdapat peningkatan dalam sasaran nilai monetari KPI pada 2017 berbanding pencapaian KPI pada 2016. Program ini bertujuan untuk memastikan inisiatif lebih menyeluruh, diinstitusikan dan mampan yang akan memberi kesan lebih besar kepada masyarakat Bumiputera secara amnya.

Sumbangan Khazanah terhadap BEA

Pada peringkat syarikat, Khazanah telah menyokong BEA melalui pelbagai usaha yang menyumbang kepada pembangunan masyarakat Bumiputera. Usaha-usaha ini termasuk Program Sekolah Amanah Yayasan AMIR, biasiswa Yayasan Khazanah, program

ANALISIS KOMITMEN MENGIKUT TAHUN (BERDASARKAN PENYERAHAN MAKLUMAT)









Nota: Nilai-nilai yang dikira tidak termasuk KPI Amanah Saham Bumiputera 2, ekuiti korporat dan nilai bukan-monetari (contohnya bilangan rumah mampu milik, perbelanjaan pelatih SLIM, dll.)

Sumber: Sekretariat BEA Rajah 5

KOMITMEN KPI BEA YANG UTAMA 2017

PENCAPAIAN KPI BEA UTAMA DARI JANUARI HINGGA SEPTEMBER 2017

Program Pembangunan Pembekal (PPP)	KPI BEA 2017	Pencapaian (Jan - Sep 2017)
 32 Jaguh Tempatan 2 Jaguh Serantau		29 Jaguh Tempatan 1 Jaguh Serantau
Rangkaian Bekalan Syarikat Induk  Pembentukan rangkaian bekalan Sistem Pembinaan Industri (SPI)		70% kemajuan pembentukan rangkaian bekalan Sistem Pembinaan Industri (SPI)
Pengagihan Khusus Nilai pengagihan khusus negara bernilai RM7.7b 		bernilai RM6.4b
Modal Insan  11,400 graduan akan dilatih bawah program SLIM		10,772 graduan dilatih bawah program SLIM
Aset Bukan Kewangan  1,150 unit perumahan mampu milik dilancarkan / dibangunkan		1,190 unit perumahan mampu milik dilancarkan / dibangunkan
Pemerolehan  Nilai perolehan berjumlah RM11.1b		bernilai RM7.8b

Sumber: Sekretariat BEA Rajah 6



Skim Latihan 1 Malaysia (SL1M) Khazanah, dan pelbagai sumbangan lain menerusi Yayasan Hasanah dan rakan-rakan kerjasamanya.


Pada 2017, 64 sekolah telah dikenal pasti di Kedah untuk memulakan Program Sekolah Amanah, menjadikan jumlah keseluruhan setakat ini sebanyak 147 sekolah. Menerusi Yayasan Khazanah, pelajar Bumiputera adalah sekurang-kurangnya 75% daripada jumlah pelajar yang dianugerahkan biasiswa, selepas proses pemilihan rapi dijalankan. Selain membantu menyediakan peluang pendidikan, Khazanah telah menyokong program-program latihan graduan seperti SL1M. Pada 2017, Khazanah membelanjakan RM78.1 juta untuk melatih 4,220 graduan, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 9,380 sehingga kini, yang sebahagian besar adalah graduan Bumiputera.

Pada 2018, Khazanah menerima Anugerah Platinum Program SL1M daripada Perdana Menteri. Anugerah ini diberikan kepada organisasi yang membuat sumbangan yang besar kepada program SL1M.

Melangkah ke Hadapan

Pemulaan usaha-usaha utama, perkembangan dan trend yang memberi kesan kepada negara, seperti Revolusi Industri Keempat, Transformasi Nasional 2050, dan Transformasi Kesejahteraan Bumiputera, meletakkan BEA pada titik perubahan yang menyebabkan perlunya perubahan dalam cara kita berfikir dan menerima pakai program BEA ketika kita terus memacunya ke hadapan. Pada ketika ini, satu rangka kerja baharu (Gambarajah 7) bagi menunjukkan pelbagai keperluan, hubungan, dan pemikiran untuk dibincangkan oleh GLIC dan G20. Ini akan membantu memastikan bahawa aspirasi BEA untuk menghasilkan masyarakat Bumiputera yang berdikari dan maju kekal relevan.

Selaku Sekretariat Program BEA, Khazanah akan terus bekerjasama dengan GLIC dan G20 untuk menghasilkan idea-idea baharu dan inovatif, serta mempertingkatkan inisiatif sedia ada dalam tanggungjawab kami untuk mengurus dan membantu mencapai hasil yang dihasratkan.



Sumber: Sekretariat BEA

Rajah 7



KHAZANAH AMERICAS INC

Khazanah Americas Inc, yang dibuka pada 2013, membantu memudah cara pelaburan di Amerika yang menjadi kepentingan strategik kepada Khazanah, anak syarikat pelaburan, dan Malaysia secara umumnya. Terletak di San Francisco, hab perdana bagi inovasi dan teknologi, pejabat ini menyediakan platform kepada Khazanah untuk menilai peluang lebih baik dalam sektor teknologi global.



Shahril Ibrahim
Pegarah, Pelaburan

Khazanah Americas bertindak sebagai pengesan, penghubung dan pelabur di Amerika, terutamanya bagi bidang berkaitan teknologi. Sebagai sensor, kami melihat trend akan datang yang boleh mengukuh atau mengganggu industri. Sebagai penghubung, kami merapatkan budaya dan pusat kecemerlangan di Malaysia dan AS. Sebagai pelabur, kami berjaya membina jenama dan reputasi, serta mengenal pasti urus niaga teknologi peringkat tinggi.

04



BERKONGSI MANFAAT KEPADA PIHAK BERKEPENTINGAN

Mandat Khazanah melawati aspek penciptaan nilai dari segi kewangan dan strategik. Kami juga diberi tanggungjawab untuk menyalurkan pulangan kepada masyarakat, sebagai sebahagian daripada peranan kami untuk membantu Malaysia mencapai status negara maju berpendapatan tinggi, serta ekonomi yang mampan dan terangkum.

Keterangkuman dan Kelestarian **72**

Sorotan Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat Terpilih Pada 2017 **80**

Menyokong Transformasi Negara **82**

KETERANGKUMAN DAN KELESTARIAN

Pelaburan jangka masa panjang kami bukanlah sekadar pulangan kewangan dan strategik, malah juga termasuk mewujudkan nilai masyarakat. Kami melakukannya dengan mengimbangkan ekonomi berasaskan modal dengan ekonomi berasaskan rakyat, yang seterusnya membawa kepada kehidupan rakyat yang berkualiti tinggi. Berikut adalah inisiatif terpilih yang didorong oleh Khazanah untuk menggalakkan keterangkuman dan kelestarian.

Perkongsi nilai melalui Yayasan Hasanah

Yayasan Hasanah (Hasanah) telah ditubuhkan pada Disember 2013 untuk menerajui inisiatif tanggungjawab korporat (CR) Khazanah, satu pendekatan yang padu dan lebih strategik untuk perkongsi nilai dengan negara bagi tahun-tahun yang akan datang. Mandat Hasanah adalah untuk menyokong pembangunan dan pelaksanaan penyelesaian untuk memperkasakan komuniti, menggalakkan keterangkuman sosial dan menambah baik persekitaran tempatan.

Setiap tahun, belanja tahunan Hasanah dibiayai melalui pulangan tahunan yang daripada penjana endowmen Khazanah bernilai RM3 bilion secara majoritinya disalurkan ke arah menyokong dan membiayai program rakan kerjasamanya, selain peruntukan sewajarnya untuk membiaya operasi Hasanah.

Sebagai sebuah organisasi yang memberi geran, Hasanah melangkaui nilai wang ringgit untuk memudahkan ekosistem transformasi, bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuklah pertubuhan masyarakat awam, komuniti, korporat, dan agensi kerajaan dengan, menyemai semangat untuk menyokong dan membina kapasiti dalam lima bidang tumpuan utama: Pendidikan; Pembangunan

“
Hasanah melangkaui nilai wang ringgit untuk memudahkan cara ekosistem transformasi, bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan

Komuniti; Alam Sekitar; Seni, Budaya dan Warisan; dan Ilmu Pengetahuan. Secara keseluruhannya, Hasanah berharap untuk membuat anjakan pembaharuan sosial dan komuniti bagi menyampaikan impak sosial jangka masa panjang untuk rakyat serta ke arah Malaysia yang lebih baik.

Pada 2017, Hasanah terus memperkukuhkan impaknya melalui program yang telah dirancang dengan memberi sokongan untuk meningkatkan jumlah penerima manfaat; menginovasi cara dan kaedah bagi mencapai impak sosial jangka masa panjang; serta berpotensi untuk mempengaruhi struktur dan rangka kerja institusi.

Untuk maklumat lanjut mengenai Yayasan Hasanah, layari www.yayasanhasanah.org



Mengimbangi Ekonomi Berasaskan Modal dan Ekonomi Berasaskan Rakyat



YAYASAN HASANAH

Sebuah yayasan milik Khazanah Nasional

MEMBINA NILAI SEJATI

Yayasan utama yang menggalakkan kemampanan Malaysia pada peringkat global melalui penyelesaian yang memperkasakan komuniti, menggalakkan keterangkuman sosial dan menambah baik persekitaran tempatan

PENDIDIKAN	PEMBANGUNAN KOMUNITI	ALAM SEKITAR	SENI, WARISAN & BUDAYA (AHC)	ILMU PENGETAHUAN
Menyokong model pendidikan berskala yang menggalakkan kesaksamaan dan meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti	Mengupaya dan menyokong tindakan yang dipimpin oleh komuniti yang mengukuhkan perpaduan, keterangkuman serta keadilan sosial di Malaysia	Untuk melindungi modal alam semula jadi dan sumber alam Malaysia melalui usaha-usaha pemuliharaan dan peningkatan kesedaran tentang alam sekitar	Membantu mengubah Malaysia sebagai destinasi terkemuka bagi Seni, Warisan dan Budaya, dengan mendorong dan menyokong inisiatif yang memajukan ekosistem AHC dalam negara ini secara positif	Untuk menyokong penggubalan dasar yang teguh dan berdasarkan fakta yang akan memberi kesan kepada perubahan yang positif terhadap isu-isu utama yang memberi kesan kepada negara

MENDATAR
Pembangunan Keupayaan Rakan Kerjasama (CSPO), Perusahaan Sosial dan Ruang Awam

KOMITMEN KAMI KEPADA PIHAK BERKEPENTINGAN
Ketelusan, Inovasi, Pemerksaan, Keterangkuman

SIFAT KAMI
Keupayaan Pelaksanaan Tinggi, Rakan Kerjasama dan Strategik, Memangkin dan Mentransformasi, Menghayati Nilai Teras Khazanah

ASAS
Tumpuan kepada pembangunan jangka panjang negara

PENDIDIKAN



YAYASAN
KHAZANAH

Yayasan Khazanah (YK) telah diberi kepercayaan untuk memilih, menyokong, mempersiapkan dan memupuk individu-individu luar biasa yang bakal mengambil alih kedudukan tinggi dalam organisasi terbaik di Malaysia termasuk GLC. Selain menawarkan biasiswa ke universiti terkemuka di dalam dan luar negara, YK juga menyediakan peribagai peluang kepada pemegang biasiswa Khazanah termasuk program kepimpinan dan pembangunan sahsiah, peluang menjadi sukarelawan dengan badan-badan bukan kerajaan atau badan berasaskan keuntungan dan latihan amali kerja di syarikat-syarikat termasuk GLC, GLIC atau Agensi Kerajaan.

Info lanjut mengenai Yayasan Khazanah, layari www.yayasankhazanah.com.my



Intan Zalila
Naib Presiden Kanan
Yayasan Khazanah

Kami memainkan peranan sebagai pemangkin dalam menyokong usaha membina keupayaan negara. Kami membantu meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti, dengan sasaran untuk membangunkan modal insan Malaysia kepada potensi sepenuhnya dan sekali gus memacu negara ke tahap lebih tinggi.



Yayasan
AMIR

Yayasan AMIR adalah sebuah yayasan bukan berasaskan keuntungan yang ditubuhkan pada 26 Oktober 2010 oleh Khazanah Nasional Berhad untuk menambah baik kualiti pendidikan di sekolah-sekolah Kerajaan Malaysia melalui kerjasama Awam-Swasta dengan Kementerian Pendidikan.

Program Sekolah Amanah AMIR mempunyai sasaran untuk menjadi rangkaian Sekolah Amanah terkemuka Malaysia, dengan matlamat untuk mewujudkan model transformasi sekolah yang boleh direplikakan ke seluruh negara. Sekolah Amanah Yayasan AMIR bersifat holistik, terangkum dan mewakili latar belakang etnik Malaysia yang pelbagai. Kami juga ingin mentransformasikan hasil pelajar dengan menggalakkan amalan pengurusan sekolah yang lebih cemerlang, dan menjuarai penambahbaikan kurikulum dan penyampaian pendidikan.

Maklumat lanjut mengenai Yayasan AMIR, layari www.yayasanamir.org.my



- ① Murid Sekolah Amanah belajar memasang khemah di Outward Bound School di Lumut, Perak
- ② Pelancaran Cruyff Court di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Semarak, Kuala Lumpur, sempena Hari Hasanah pada 3 Setember



YAYASAN
HASANAH



Dengan kerjasama



www.cruyff-foundation.org

MENGALAKKAN RUANG AWAM

Khazanah terlibat dalam usaha menggalakkan ruang awam sebagai sebahagian daripada sumbangan ke arah mewujudkan bandar-bandar yang lebih lestari dan sesuai didiami.



Malaysia adalah negara Asia kedua selepas Jepun yang mempunyai Program Cruyff Court, iaitu suatu kerjasama antara Yayasan Hasanah dan Johan Cruyff Foundation. Cruyff Court Iskandar Malaysia telah dilancarkan pada 2012 manakala Cruyff Court Kuala Lumpur di Brickfields dibuka pada tahun 2013. Program ini menyediakan pengalaman bermain bola sepak yang unik buat kanak-kanak yang kurang bernasib baik, belia dan masyarakat umum. Cruyff Court menghidupkan semula padang-padang lama yang dipinggirkan akibat proses pembandaran agar dapat menyemarakkan semula perpaduan sosial di mana padang in di jadikan tempat bermain serta tempat berkumpul untuk memupuk semangat saling menghormati, perpaduan, pembangunan dan kerjasama. Pada 2017, dua gelanggan baru dilancarkan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Air Panas dan PPR Seri Semarak di Setiawangsa, Kuala Lumpur.




Nik Fahmee
Pengarah Program,
Yayasan AMIR


Program Sekolah Amanah adalah inisiatif bebas yang melaksanakan transformasi berdasarkan keperluan sebenar sekolah dan membina kapasiti sekolah. YA bersama dengan rakan kongsi lain mempersiapkan sekolah untuk perjalanan transformasi mereka sendiri, supaya generasi siswazah masa hadapan mampu memenuhi permintaan tempat kerja dalam ekonomi global yang berdaya saing.

PROJEK
TAMAN TUGU


Projek Taman Tugu adalah inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) berbilang komponen tidak bermotifkan keuntungan diterajui oleh Khazanah Nasional Berhad dengan kerjasama beberapa agensi sektor awam, syarikat sektor swasta dan organisasi masyarakat awam melalui Kerjasama Awam-Swasta-Pertubuhan Awam. Antara terlibat ialah, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Kementerian Wilayah Persekutuan, Unit Perancang Ekonomi (EPU), Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Institut Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM), Institut Landskap Arkitek Malaysia (ILAM) dan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS). Secara keseluruhan, sehingga RM650 juta telah diperuntukkan bagi projek ini yang merangkumi komponen berikut:




TAMAN: Memulihara dan mengaktifkan taman rimba bandar – akan menjadi rumah kepada kira-kira 1,000 spesies etnik flora & fauna hutan hujan Malaysia.



PENGHUBUNG: Menghubungkan kawasan sekeliling bagi mengaktifkan Taman Tugu dan memudahkan jangkauan penduduk di kawasan bandar.




ILMU: Pembangunan pusat pembelajaran dan inovasi, Khazanah ILMU, menyumbang kepada pembelajaran berterusan dan menggalakkan pemula niaga tempatan.



AMANAH: Menubuhkan Amanah Awam Negara termasuk operasi, penyelenggaraan, kerjasama dan pembangunan komuniti sehingga 2030.

GARIS MASA DISIAPKAN

Dato 'Sri Mohd Najib menanam Pokok Belian setinggi 6 kaki di tapak Projek Taman Tugu





PENGLIBATAN ORANG AWAM DAN PEMBANGUNAN KOMUNITI



Lebih daripada **50 sesi** penglibatan diadakan dengan orang awam, kerajaan, pelbagai NGO, sekolah dan sektor swasta.



Kaji selidik atas lapangan dan atas talian selain "Titik Sentuhan Rakyat" diadakan di pusat beli-belah dan stesen LRT bagi memberikan penjelasan yang lebih baik dan mendapatkan **maklum balas**



Bekerjasama dengan FRIM, Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) dan ILAM untuk **memastikan** kerja-kerja pemeliharaan dan pemuliharaan dilakukan dengan baik.



Lebih daripada **200 sukarelawan** terbabit dalam "Kerja Penanaman" dengan pelbagai organisasi disasarkan untuk memelihara tanaman sedia ada.

Taman Rimba Bandar



Ruang hijau awam bandar kepada komuniti untuk dialami dan dimiliki



Lebih daripada **4,000 etnik pokok hutan hujan** dari nurseri akan ditanam



Rumah kepada kira-kira **1,000 spesies etnik flora dan fauna hutan hujan Malaysia**

Pembinaan Kawasan **Komuniti Surau-Jumaat dan Kuil Hindu** bermula

Menyediakan **trek rimba** sambil menanam pokok serta membersihkan sampah dan bahan buangan binaan

Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) dimuktamadkan dan **diluluskan** oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS)

Pelaksanaan EMP **dipantau** mengikut asas semasa oleh JAS

Bakal disiapkan pada akhir 2019

Penghubung



Sebahagian daripada inisiatif adalah untuk memudahkan jangkauan penduduk dalam bandar dan berusaha memperbaiki jurang 'sambungan akhir' dari hab pengangkutan awam ke Taman Tugu.

Kajian kebolehlaksanaan tentang potensi penghubung sedang dijalankan

Tempat letak kereta satelit turut dipertimbangkan untuk memudahkan akses ke taman rimba bandar

Bakal disiapkan pada akhir 2020

Khazanah ILMU



Ruang yang boleh diakses oleh orang awam dalam taman dan diharap dapat memupuk semangat **Inovasi, Pembelajaran, Mentor dan Perpaduan**



Terdiri daripada pusat pendidikan hutan hujan, galeri seni, perpustakaan dengan ruang belajar, ruang kerja dan ruang aktiviti serta kawasan untuk acara ilmu kepada orang awam yang telah **diprogramkan**.

Memuktamadkan program awal dan pelan pengaktifan, pelan guna-ruang dan konsep reka bentuk

Ketika ini pelan konsep sedang diperkemas bagi memastikan ia **mematuhi** standard Platnium Indeks Bangunan Hijau (GBI) dan standard Kepimpinan dalam Tenaga dan Alam Sekitar (LEED)

Bakal disiapkan pada akhir 2020

Amanah Warisan Negara



Bertujuan untuk memiliki, melindungi dan menguruskan taman selama-lamanya



Dengan objektif jangka masa panjang untuk melindungi, meremajakan, memulihara dan mengoperasikan ruang awam lain dan aset warisan

Secara rasminya ditubuhkan sebagai Amanah Warisan Negara (AWAN) di bawah Akta Penubuhan Pemegang Amanah (1952).

Taman seluas 66 ekar akan dipindah milik kepada Pemegang Amanah manakala **tambahan sebanyak 25 ekar** tanah, bersebelahan dengan taman, telah diluluskan untuk dipindahkan kepada AWAN

Satu akta baharu khusus bagi **mentadbir** AWAN sedang dimuktamadkan

Untuk maklumat lanjut mengenai Projek Taman Tugu, layari www.tamantuguproject.com.my

KETERANGKUMAN SOSIAL

KHAZANAH
RESEARCH
INSTITUTE

Penyelidikan Dasar berasaskan Fakta

Khazanah Research Institute (KRI), yang mula beroperasi pada Februari 2014 dan bertujuan untuk melaksanakan analisis dan penyelidikan mengenai isu-isu penting negara yang kritikal, dan berdasarkan penyelidikan, memberikan cadangan dasar untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat Malaysia. Pada 2017, KRI menerbitkan dua penerbitan utama, iaitu yang pertama adalah 'Membina Modal Sosial: Eksperimen George Town', dilancarkan pada Oktober di Forum Megatrends Khazanah 2017. Laporan ini memberi tumpuan kepada manfaat Tabung Pembangunan Komuniti untuk meredakan tekanan ketidakseimbangan sosial di kawasan pembangunan semula bandar. Pada November 2017, KRI juga menerbitkan "Why Trade Matters: Trade Issues in

Non-communicable Diseases, Essential Medicines and Education", siri ketiga laporan mengenai perdagangan antarabangsa dan dasar perdagangan. Siri ini menyelidik bagaimana perdagangan antarabangsa dan dasar perdagangan mengabungkan kesan globalisasi kepada ekonomi domestik dan kehidupan seharian kita. Laporan ini menangani: (1) Perdagangan dan dasar menyasarkan penyakit 'gaya hidup; (2) Perdagangan dan akses kepada ubatan penting; dan (3) Perdagangan dan akses kepada pendidikan. Pada 2017, KRI turut bekerjasama dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk merangka Dasar Perumahan Negara baharu untuk Malaysia. Maklumat lanjut mengenai KRI, layari www.krinstitute.org

thinkcity
REGENERATING THE CITY TOGETHER

Memacu Pembangunan Semula Bandar

Think City adalah organisasi berfokuskan pembangunan semula bandar yang berpusat di George Town, Pulau Pinang, dan turut beroperasi di Kuala Lumpur, Butterworth dan Johor Bahru. Tertumpu di pusat bandar raya bersejarah, kami mula ditubuhkan pada 2009. Melalui Program Geran George Town, Think City mempamerkan tumpuan kepada manfaat komuniti dan pendekatan kerjasama untuk membina semula bandar. Kejayaan di Pulau Pinang mengukuhkan hubungan sedia ada dengan institusi tempatan dan negara serta membuka lagi peluang untuk memperluaskan kerjasama kami di peringkat tempatan dan antarabangsa. Hari ini, kami bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa tempatan, komuniti, institusi, entiti swasta dan pakar antarabangsa, Think City terus menguji, merancang dan melaksanakan program-program untuk pembangunan bandar.

Maklumat lanjut mengenai Think City, layari www.thinkcity.com.my



① Gambaran artistik rumah mikro yang dipasang di Medan Pasar, Kuala Lumpur

② KONSTRUK, projek seni pemasangan buluh oleh 15 artis dan arkitek, adalah sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan mutu kehidupan di Iskandar Puteri, Johor

Pembangunan Sistem Pengangkutan Awam Iskandar Puteri


Fasa pembangunan seterusnya bagi Iskandar Puteri adalah penubuhan sistem perkhidmatan bas yang menghubungkan semua pusat utama di kawasan itu. Menurut Lembaga Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA), kerja-kerja bagi sistem Bus Rapid Transit Iskandar Malaysia dijangka bermula pada awal 2019 dan akan meliputi 90% koridor pertumbuhan ekonomi.

Perumahan Mampu Milik di Iskandar Malaysia

Bagi menyokong skim perumahan mampu milik negeri Johor, iaitu Rumah Mampu Milik Johor, UEM Sunrise telah membangunkan Taman Nusantara, Bayu Nusantara, dan Denai Nusantara di Iskandar Malaysia.

KELESTARIAN

Falsafah kami dalam Membina Nilai Sejati bermaksud menerima pakai pendekatan terangkum dan lestari demi memenuhi keperluan pihak berkepentingan kami, bagi generasi kini dan akan datang; dan diukur mengikut nilai



keuangan, ekonomi dan sosial yang dicipta menerusi pelaburan kami.

Mengukur Nilai Sejati

Oleh kerana nilai keterangkuman dan kelestarian adalah subjektif dengan pelbagai takrifan, Khazanah telah memulakan satu usaha dalaman, dipanggil Project Chronos, untuk mengukur nilai amalan kelestarian secara objektif. Project Chronos akan menyediakan rangka kerja untuk mengukur kesan nilai, termasuk menakrifkan penanda aras petunjuk sebagai asas untuk menaksir prestasi Nilai Sejati. Gambaran prestasi yang baik boleh ditentukan mengikut skor positif oleh petunjuk, jumlah skor yang positif dan pertumbuhan hala tuju positif dalam suatu tempoh masa.

Melabur dalam Nilai Sejati

Khazanah sentiasa mencari peluang pelaburan untuk memenuhi mandat komersial dan pada masa yang sama turut menghasilkan impak pembangunan sosial dan keterangkuman yang tinggi. Pelaburan berimpak kami termasuklah 8990 Holdings, yang menumpukan kepada pembinaan rumah untuk golongan berpendapatan rendah di Filipina; Cenviro, yang terlibat dalam pengurusan sisa buangan secara mampan; dan Cenergi SEA dalam sektor tenaga bersih.

Pada 2015, Khazanah juga berjaya membuktikan pelaburan bertanggungjawab apabila berjaya menggabungkan pendidikan dan kewangan Islam bersama-sama dengan pelaburan tanggungjawab sosial menerusi penerbitan Sukuk Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) dengan denominasi Ringgit yang pertama di dunia. Struktur berinovasi ini, walaupun agak baharu, adalah satu konsep hebat yang mana kesedaran dan sambutan daripada para pelabur dijangka akan meningkat. Pada 2017, tranche kedua sukuk SRI dilancarkan dan menampilkan buat pertama kalinya bahagian runcit untuk rakyat Malaysia mengambil bahagian sebagai menyokong usaha ini.

Sebagai sebuah institusi yang menyokong kelestarian, keterangkuman dan sambutan, Khazanah akan terus berusaha menjadikan pelaburan berimpak di samping mencari lebih banyak cara untuk melakukannya di masa hadapan.

SOROTAN INISIATIF TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT TERPILIH PADA 2017



MENINGKATKAN KUALITI PENDIDIKAN NEGARA

PENDIDIKAN



83 Sekolah Amanah di **10** negeri
8.3% purata peningkatan dalam Gred Purata Sekolah SPM bagi **75%** sekolah yang telah melengkapkan 5-tahun kitaran Program Sekolah Amanah
3.1% purata peningkatan dalam kadar kelulusan UPSR
102.8% purata peningkatan dalam pembangunan holistik pelajar melalui aktiviti-aktiviti kokurikulum



SENI, WARISAN DAN BUDAYA (AHC)



MENGHUBUNGKAN KOMUNITI ARTISTIK DAN KEBUDAYAAN



MENGALAKKAN KESEDARAN SENI, WARISAN DAN KEBUDAYAAN DALAM PADA USIA MUDA

PEMBANGUNAN KOMUNITI



MEMBUAT KEBAIKAN UNTUK MANFAAT ORANG RAMAI

Hari Hasanah

Lebih **100** inisiatif di seluruh Malaysia, memberi manfaat kepada sejumlah **20,000** orang

Hasanah Bersama Rakyat (HBR)

Program jangkauan lanjutan daripada Hari Hasanah. Program HBR diadakan di Iskandar Puteri, Johor; Santubong, Sarawak; Jeli, Kelantan; dan Jerlung, Kedah, memberi manfaat kepada lebih **20,000** orang



22,000 pengunjung laman sesawang Arteri sejak April 2016 hingga kini

Akses kepada pendidikan AHC disediakan kepada **156** kanak-kanak terpinggir melalui Alam Kreatif



RUANG AWAM



RUANG AWAM YANG SELAMAT, TERANGKUM DAN MUDAH DIAKSES

Jumlah projek yang berterusan dan selesai (Januari 2015 - Disember 2017):

410 projek yang merangkumi Pewujudan Tempat, Seni, Warisan & Budaya, Penyelidikan, Sokongan, Pembinaan Kapasiti dan Ruang Terangkum

2 Pelan Pengurusan Pemuliharaan diselesaikan
 • Fort Cornwallis
 • Muzium Negara

1 Pelan pembangunan Semula Bandar diselesaikan Pelan Butterworth Baharu



MEWUJUDKAN PADANG PERMAINAN YANG SELAMAT DALAM KEJIRANAN BANDAR

2 gelanggang disediakan pada 2017, di Kampung Baru Air Panas dan PPR Seri Semarak, Kuala Lumpur

Ini menjadikan jumlah Cruyff Courts kepada **4** gelanggang, dibangunkan oleh Yayasan Hasanah dengan kerjasama Yayasan Johan Cruyff



ILMU

PENGETAHUAN


KHAZANAH RESEARCH INSTITUTE

PENYELIDIKAN BERASASKAN FAKTA

Menganjurkan **1** Bicara Umum 'Housing as Habitat: A Case of Marker Failure or Institutional Limitation'

Melancarkan **2** laporan:

- **Building Social Capital:** Eksperimen Georgetown
- **Why Trade Matters Series:** Isu-isu dagangan dalam Penyakit Tidak Berjangkit, Ubat-ubatan Penting, dan Pendidikan.





MENGURANGKAN KETIDAKADILAN DALAM PENDIDIKAN

84% pengetua menarafkan Teach For Malaysia sebagai berkesan

78 di **29** sekolah menengah, memberi impak kepada **11,700** pelajar pada 2017

47% daripada kohort 2016 kekal sebagai guru di sekolah

66% daripada **299** alumni Teach For Malaysia terlibat dalam pendidikan, pembangunan sosial, sektor dan inisiatif pemerksaan pelajar



MEMUPOK PEMIMPIN MASA HADAPAN

110 biasiswa dianugerahkan pada 2017

Sejak 2006, **756** biasiswa Yayasan Khazanah telah dianugerahkan:

- **341** Biasiswa Khazanah Global
- **170** Biasiswa Khazanah Watan
- **157** Biasiswa Khazanah Asia
- **88** Biasiswa Khazanah Bestari



MENHUBUNGKAN SEKOLAH LUAR BANDAR DAN KORPORAT MALAYSIA

94% kadar kepuasan sekolah bagi Program Sekolah Angkat PINTAR

177 sekolah dijadikan sekolah angkat oleh syarikat korporat

539 sekolah dijadikan sekolah angkat (2008-2017)



KOMITED TERHADAP LATIHAN SEMULA DAN PENEMPATAN SISWAZAH

RM78.1 m dibelanjakan dan **4,220** siswazah dilatih pada 2017

9,380 jumlah siswazah dilatih sehingga kini

SEJOHTERA

MEMBASMI KEMISKINAN, MENAMBAH BAIK KEHIDUPAN

Jumlah Penerima Manfaat:

93 dewasa

58 remaja

121 kanak-kanak

- **30%** peningkatan pendapatan
- **83.7%** kadar kelulusan UPSR
- **50%** penambahbaikan gred PT3



LATIHAN KEMAHIRAN MENJANA PENDAPATAN UNTUK MENAMBAH BAIK KEMAHIRAN REMAJA YANG KURANG BERPRESTASI DARIPADA SEGI AKADEMIK

25 pelajar diambil bekerja dalam industri berkaitan sebagai jurumessin dalam satu (1) bulan selepas menamatkan latihan dengan pendapatan kasar minimum sebanyak RM1,100



ORPHANCARE (OC) (ORGANISASI RAKAN MASYARAKAT MADANI)

Membantu anak-anak yatim dan bayi yang ditinggalkan serta 'Penyahinstitution Kanak-kanak' (DI):

- **13** kanak-kanak berjaya disatukan dengan keluarga mereka
- **14** daripada **47** wanita mengambil keputusan untuk menjaga bayi mereka
- **163** wanita mengambil keputusan untuk menjaga bayi mereka
- **114** pasangan menghadiri latihan tentang keibubapaan
- **100** peserta masyarakat madani dan kerajaan menyertai persidangan DI

ALAM SEKITAR



MENGALAKKAN PENGURUSAN BIODIVERSITI DAN SUMBER AIR

6 organisasi dipilih dan dianugerahkan geran dana pemula langsung berdasarkan permohonan umum

4 cerita kejayaan dikongsikan di laman sesawang GEC menjelang 17 Jun

3 organisasi dipilih dan dianugerahkan geran kecil berdasarkan latihan yang dijalankan



MENGALAKKAN KEWUJUDAN BERSAMA EKOLOGI BESTARI

27 ketua komuniti mengambil bahagian dalam **4** sesi pembinaan keupayaan

12 penduduk kampung dipilih ke Majlis Tadbir Urus bagi Babagon Melibatkan **14** agensi kerajaan



MEMULIHARA EKOSISTEM HUTAN, AIR TAWAR DAN MARIN

Melibatkan **72** pihak berkepentingan untuk membangun dan melaksanakan hala tuju bagi Pelan Pengurusan Sumber Marin

70% daripada **0.83** tan air harian di Pulau Mantanani adalah daripada bahan organik boleh kompos

Latihan mutu kehidupan bagi **17** penduduk pulau sebagai pemandu Snorkel Mesra Alam



MENYOKONG TRANSFORMASI NEGARA

Khazanah menyokong dan menyumbang kepada inisiatif transformasi negara



Khazanah adalah sebahagian daripada pasukan kerja yang menyokong Majlis Penasihat Ekonomi Negara dalam membangunkan Model Baharu Ekonomi (MBE). Kami terlibat dalam pembentukan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), yang ditubuhkan untuk menyelia pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) - dua tonggak utama MBE.

Beberapa program tanggungjawab korporat Khazanah dan program yang dilaksanakan oleh GLC adalah di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang berkaitan dengan pendidikan dan peningkatan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah.

Sebagai pelabur strategik, Khazanah dan syarikat pelaburannya terlibat dalam sembilan daripada 12 Bidang ETP yang terkandung dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA), termasuk pelancongan, pendidikan dan penjagaan kesihatan. Selain itu, inisiatif Khazanah di Iskandar Malaysia adalah untuk menyokong konsep koridor pertumbuhan kerajaan.

Khazanah menyokong Program Transformasi Ekonomi Bumiputera yang diuruskan oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) melalui program pembangunan vendor di syarikat pelaburan kami, dan melalui pelupusan strategik di bawah inisiatif yang diterajui Majlis Ekonomi Bumiputera untuk menggalakkan keusahawanan Bumiputera dan pertumbuhan ekuiti. Melalui peranan kami sebagai Sekretariat Agenda Pemerksaan Bumiputera (BEA), Khazanah membantu untuk membangunkan petunjuk prestasi utama (KPI) untuk dilaksanakan oleh G20 dan GLIC di bawah Agenda Pemerksaan Ekonomi Bumiputera Kerajaan.

Bekas Timbalan Pengerusi Khazanah, Tan Sri Dato' Seri Utama Nor Mohamed Yakcop dan Pengarah Urusan Tan Sri Azman Mokhtar dan ahli Lembaga Pengarah Tan Sri Mohamed Azman Yahya, Tan Sri Andrew Sheng dan Dato' Sri Nazir Tun Abdul Razak ialah ahli dalam Jawatankuasa Ekonomi Khas yang ditubuhkan oleh kerajaan pada Ogos 2015 untuk mewujudkan tindakan segera dan jangka waktu sederhana dalam mengukuhkan lagi dasar ekonomi negara di tengah-tengah kemerosotan ekonomi global.

Pada 2017, perkerja bawah umur 40 tahun yang berkerja di Khazanah dan syarikat perlaburan kami mengambil bahagian dalam Program Dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang dianjurkan oleh Kementerian Belia Dan Sukan (lihat gambar di bawah). Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin hadir untuk mendengar pandangan daripada peserta dan dikenalkan oleh Tan Sri Azman Mokhtar.



KAJIAN KES

Setiap tahun, Laporan Khazanah ini menampilkan kajian kes untuk menggambarkan dan menyediakan dengan lebih jelas dan mendalam mengenai bagaimana kami menangani tuntutan terhadap mandat kami. Pada tahun ini, kami membincangkan cara Khazanah menyumbang ke arah menjadikan Malaysia berdaya saing di peringkat antarabangsa melalui usaha pengantarabangsaan dan memanfaatkan komitmen serantau. Kami turut menumpukan kepada usaha pengagihan nilai supaya kembali kepada rakyat.

China: Meneroka Peluang Global

Bryan Lim Tsin Lin

*Pengarah Eksekutif, Pelaburan dan
Ketua Khazanah Nasional Consulting (Beijing) Company Limited*



M + S: Mewujudkan Nilai Strategik Bagi Dua Negara

Zaida Khalida Shaari

Pengarah Eksekutif, Pelaburan



Jiv Sammanthan

*Pengarah Eksekutif,
Ketua Pejabat Pengarah Urusan*



Hari Hasanah: Berkongsi Nilai Sejati dengan Rakyat

Shahira Ahmed Bazari

*Pemegang Amanah dan
Pengarah Urusan, Yayasan Hasanah*



Mohd Raslan Md Sharif

Pengarah, Pejabat Pengarah Urusan

TRACED BY -
LETTERED BY -
CHECKED BY -

SCALES SHEET NO.
NOTED

China: Meneroka Peluang Global

Sebagai dana pelaburan strategik Kerajaan Malaysia, penyerantauan dan pengantarabangsaan adalah aspek penting dalam setiap apa yang kami lakukan. Ini adalah cara untuk mempelbagaikan portfolio pelaburan kami serta membina kehadiran, perkongsian dan rangkaian di peringkat serantau dan global, sekali gus membantu membawa masuk pelaburan secara langsung ke Malaysia.

Bryan Lim Tsin Lin
*Pengarah Eksekutif, Pelaburan dan
Ketua Khazanah Nasional Consulting (Beijing) Company Limited*



Salah satu penerokaan Khazanah yang pertama di luar negara adalah di China. Bagi Khazanah, pasaran China adalah aspek penting dalam pelaburan kami di luar negara. Selain menjadi ekonomi kedua terbesar di dunia dan melonjak naik sebagai salah sebuah kuasa hebat ekonomi dan politik utama di peringkat global dan serantau, China juga adalah rakan dagangan Malaysia yang terbesar selama sembilan tahun berturut-turut. Hubungan dua hala yang erat antara kedua-dua negara ini juga bertitik tolak daripada hubungan sejarah dan budaya yang sudah lama bertapak.

Tahun 2018 menyaksikan ulang tahun ke-13 kehadiran Khazanah di China. Sejak 2005, Khazanah menguasai 9.9% dalam pasaran peruncitan terbesar di China yang dahulunya dikenali sebagai Parkson apabila syarikat ini menerbitkan tawaran awam permulaan (IPO). Pelaburan awal ini hanyalah salah satu daripada pelaburan terkemudian yang dilaksanakan oleh Khazanah dalam pelbagai sektor di China, termasuklah sektor pendidikan, tenaga boleh baharu, kewangan, peruncitan, inovasi & teknologi serta penjagaan kesihatan. Pelaburan dalam sektor pertumbuhan dan pasaran geografi baharu adalah inisiatif jangka panjang, seperti yang dinyatakan secara meluas melalui mandat kami untuk melabur di luar Malaysia bagi mewujudkan nilai strategik.



Bekas Pengerusi dan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi (tengah) merasmikan pembukaan pejabat Khazanah di Beijing dengan Tan Sri Azman Mokhtar (kiri) dan Datuk Ben Chan, bekas Pengarah Eksekutif Khazanah Nasional Consulting (Beijing) Company Limited

Bertitik tolak daripada pelaburan pertama tersebut, kami membuka Pejabat Perwakilan Beijing, iaitu pejabat antarabangsa pertama Khazanah pada 2008 dengan tujuan untuk memperkukuh pembabitan dan membina kehadiran dalam jangka panjang di China. Pejabat Beijing turut berfungsi sebagai pangkalan dalam menyokong Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang meneroka peluang perniagaan di China. Kami bersyukur, dengan pelaburan permulaan di China, kami juga bersedia untuk membuka peluang yang lebih besar dalam pasaran China dan rantau di sekelilingnya. Contoh terbaik ialah pelaburan kami dalam Bursa Saham China Galaxy Securities di China pada 2013. Hubungan sedia ada dengan China Galaxy ini membuka pintu kepada usaha sama antara syarikat pelaburan kami iaitu CIMB Group dengan China Galaxy, yang menandakan permulaan pembrokeran pan-Asia yang diterajui oleh dua kumpulan terkemuka, kedua-duanya dapat memasuki rangkaian satu sama lain di ASEAN dan China.

Pada 2011, Khazanah menyedari bahawa fasa pertumbuhan seterusnya perlu menangani isu teknologi, inovasi dan gangguan. Ini adalah arah aliran mega yang kuat, yang menawarkan kedua-dua cabaran dan peluang yang hebat. Salah satu pembabitan utama kami yang terawal dalam teknologi di peringkat antarabangsa ialah pelaburan pra-IPO Alibaba Group, yang mencatatkan IPO sebanyak USD25 bilion pada 2014, menjadi IPO yang terbesar di dunia setakat ini. Ini masih lagi menjadi salah satu pelaburan Khazanah yang paling menguntungkan; kami kemudiannya melabur semula sebahagian keuntungan tersebut dalam beberapa syarikat teknologi di China dan beberapa negara lain di seluruh dunia.

Pelaburan awal Khazanah dalam Alibaba memberi gambaran mendalam berhubung manfaat yang boleh diraih oleh PKS melalui e-dagang dan mentransformasi pasaran pengguna negara. Dalam hal ini, kami teruja dengan penubuhan hab Platform Perdagangan Dunia elektronik (e-WTP) yang pertama di Malaysia, yang turut membabitkan kerjasama strategik antara anak syarikat logistik Alibaba, iaitu Cainiao Smart Logistics Network (Hong Kong) dengan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) dalam membangunkan hab e-dagang dan logistik serantau di Zon Perdagangan Bebas Digital Aeropolitan (KLFT) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Kedua-dua kes di atas menjadi contoh betapa Khazanah berpandangan jauh dalam membuat pelaburan di China, yang memberikan kita pengetahuan, pandangan dan perhubungan yang diperlukan untuk menjalinkan kerjasama dengan China, sebuah kuasa besar yang semakin aktif peranannya di rantau ini.



Majlis pecah tanah Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ)


Pada bulan April 2012, Khazanah berjaya memperoleh lesen Pelabur Institusi Asing Berkelayakan (QFII) dan mengembangkan operasi pelaburan kami termasuk bagi menampung pasaran ekuiti A-Share. Kejayaan mendapatkan lesen QFII yang sangat diperlukan itu adalah suatu pengiktirafan terhadap kedudukan Khazanah di peringkat antarabangsa oleh badan pengawalseliaan pasaran modal China, serta menandakan pandangan positif dan komitmen jangka panjang Khazanah dalam pasaran China. Hari ini, Khazanah memiliki kuota QFII bernilai USD500 juta, kami berjaya memperluas kehadiran pasaran awam yang merangkumi kedua-dua pasaran saham Shanghai/Shenzhen juga Hong Kong, selain mengembangkan nilai portfolio sebanyak 80% kepada USD903 juta pada akhir 2017.

Selain daripada pelaburan, Khazanah juga menyediakan platform bagi pelaburan silang di rantau ini. Sebagai contoh, terbitan sukuk boleh tukar kepada saham yang pertama di dunia bagi pegangan Khazanah dalam Parkson pada 2008 berjaya mewujudkan 'Laluan Sutera Baharu' sebelum 'Inisiatif Satu Jalur Satu Laluan' yang terkini dilancarkan. Ini membolehkan pelabur dari Timur Tengah mengambil bahagian dalam pertumbuhan penggunaan runcit negara China. Sejarai dengan komitmen Khazanah untuk memperkukuh pasaran kewangan Islam di Malaysia dan sekitarnya, Khazanah turut menerbitkan sukuk denominasi RMB luar pesisir yang pertama di dunia pada 2011 dan sukuk pertama di dunia yang menawarkan pendedahan pada sektor utiliti air yang meningkat naik pada 2016.

Walaupun Khazanah telah berkembang secara perlahan-lahan ke lain-lain geografi dalam tempoh 14 tahun ke belakang, negara China masih kekal sebagai pasaran paling utama dan menguntungkan, dengan menyumbang pulangan sebanyak USD2.3 bilion sehingga kini. Sekali imbas, dari segi pendedahan geografi, dianggarkan 45% daripada portfolio Nilai Boleh Tunai (RAV) datang daripada entiti asing, dengan sumbangan dari China sebanyak 7.6%. Khazanah masih komited untuk terus meneroka peluang dalam pasaran China yang pesat berkembang, yang menyaksikan kami memperluaskan kehadiran Khazanah di China melalui pembukaan pejabat kedua di Shanghai.


Menumpang Aliran Trend Utama

Melalui kehadiran tempatan di China, membolehkan Khazanah mendahului dalam mengenal pasti trend pemangkin dan menempatkan pelaburan kami dengan sewajarnya. Sebagai contoh, sekalipun pada peringkat awal, kami dapat mengenal pasti kenaikan taraf hidup kelas pertengahan dan peningkatan penggunaan sebagai aliran trend utama di China. Oleh itu, kami melabur dalam syarikat peruncitan konvensional seperti Parkson dan Sun Art Retail, hasil keuntungan daripada pelaburan ini ditukar dalam bentuk tunai dan dilabur semula dalam Alibaba secara selektif apabila e-dagang berada pada puncaknya; kami kemudiannya menempatkan Khazanah untuk memperoleh manfaat daripada pertumbuhan format penggunaan dan runcit di China yang didayakan teknologi baharu. Falsafah pelaburan ini juga memainkan peranan dari segi pelaburan kami dalam sektor kewangan.




Pergerakan Nilai Aset Bersih (NAV) Portfolio QFII

(Sejak ditubuhkan pada 31 Disember 2017)



Pecahan NF QFII mengikut sektor

(setakat 31 Disember, 2017)



Terbitan Sukuk

<p>2008</p> <p>Gabungan tawaran Sukuk Boleh Tukar Parkson sebanyak USD550 juta + penempatan ekuiti sebanyak USD97 juta</p>	<p>2011</p> <p>Sukuk denominasi RMB yang pertama di dunia</p>
<p>2012</p> <p>USD358 juta sifar kupon & YTM negatif Sukuk Boleh Tukar Parkson</p>	<p>2016</p> <p>USD399 juta sifar kupon & sifar YTM Sukuk Boleh Tukar daripada Beijing Enterprises Water Group</p>

M+S: Mewujudkan Nilai Strategik Bagi Dua Negara

Tahun 2017 adalah tahun yang bermakna dalam hubungan dua hala antara Malaysia dengan Singapura, tatkala kedua-dua negara ini menyaksikan kejayaan apabila dua projek pembangunan penting iaitu Marina One dan DUO berjaya disiapkan. Ia menzahirkan penyelesaian bagi Points of Agreement (POA) yang ditandatangani pada 1990.

Zaida Khalida Shaari
Pengaruh Eksekutif, Pelaburan



Jiv Sammanthan
Pengaruh Eksekutif,
Ketua Pejabat Pengarah Urusan



Pembangunan Marina One dan DuO, yang masing-masing terletak di Marina South dan Ophir-Rochor di Singapura dilaksanakan oleh M + S Pte Ltd (M + S), yang dimiliki oleh Khazanah Nasional (Khazanah) dan Temasek Holdings (Private) Limited (Temasek) dengan nisbah sebanyak 60:40.

M + S ditubuhkan pada 2011 untuk membangunkan lot tanah di kawasan Marina South dan Ophir-Rochor, berikutan pelaksanaan Points of Agreement (POA) sepenuhnya antara Malaysia dengan Singapura pada 2011. Sebelumnya, dalam Mesyuarat Perkumpulan Ketua Negara Malaysia dan Singapura yang diadakan pada 24 Mei 2010, Perdana Menteri kedua-dua negara mengumumkan beberapa akujanji, termasuk pertukaran empat bidang tanah di Marina South dan lagi dua di Ophir-Rochor dengan tiga bidang tanah POA di Tanjong Pagar, Kranji dan Woodlands serta tiga bidang tanah di Bukit Timah.

Dua pembangunan penting ini dilancarkan secara rasmi pada Januari 2018, dengan gabungan nilai pembangunan kasar sebanyak SGD11 bilion, adalah hasil daripada kerjasama saling menguntungkan antara Malaysia dengan Singapura, yang dipacu daripada hubungan dua hala yang sudah lama terjalin kukuh.

PENDEKATAN KERJASAMA

Marina One dan DUO menjadi bukti kerjasama erat antara Khazanah dengan Temasek, serta menzahirkan komitmen dan keupayaan kedua-dua entiti ini untuk bersama-sama menyiapkan dua projek ikonik utama yang pada akhirnya dapat memanfaatkan kedua-dua negara. Di samping itu, Khazanah dan Temasek sedang melaksanakan pembangunan bersama di Iskandar Malaysia melalui Pulau Indah Ventures Sdn Bhd, sebuah syarikat usaha sama 50:50 yang membangunkan projek kesejahteraan bersepadu iaitu Afiniti Medini dan Avira. Afiniti Medini berjaya disiapkan pada 2016.




Pelancaran rasmi pembangunan Marina One dan DUO oleh Dato' Sri Mohd Najib dan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong.

Hasil positif ini jelas terhasil daripada dan dimudah cara melalui pendekatan kerjasama yang diguna pakai di peringkat dua hala pada tahun-tahun sebelumnya. Perdana Menteri Malaysia dan Singapura dalam mesyuarat pada 20 September 2010 mengumumkan persetujuan untuk menyelesaikan perbezaan pendapat berhubung caj pembangunan perlu dibayar bagi tiga bidang tanah POA di Tanjong Pagar, Kranji and Woodlands secara berhemah melalui timbang tara bawah naungan Mahkamah Timbang Tara Tetap, serta menerima keputusan timbang tara sebagai muktamad dan mengikat. Selain itu juga, kedua-dua pihak bersetuju membiarkan timbang tara tersebut dilaksanakan mengikut secara terasing, sekali gus tidak menjejaskan pelaksanaan POA secara berterusan, termasuklah pembangunan bersama antara Khazanah dan Temasek. Hal ini membolehkan M + S terus melangkah maju ke hadapan.

Beberapa Syarikat Berkaitan Kerajaan di Singapura dan Malaysia turut sama terbabit dalam pelbagai peringkat dalam kedua-dua projek ikonik ini. Syarikat hartanah dari Singapura iaitu Mapletree dan CapitaLand masing-masing dilantik sebagai pengurus projek bagi pembangunan Marina One dan DUO, manakala UEM Sunrise Bhd ditugaskan dalam urusan pemasaran bagi kedua-dua projek pembangunan ini. Projek ini turut disokong melalui perkongsian kukuh dan kerjasama lancar di antara pasukan Khazanah dan Temasek, serta pasukan pengurusan M + S yang memberi dorongan dalam menyiapkan kedua-dua projek ini.

Garis Masa Pembangunan Bersama M + S





Pembangunan bercampur utama berkeluasan 3.67 juta kaki persegi di kawasan Marina Bay

Nilai pembangunan kasar: SGD7 bilion

Pejabat

Dua buah menara pejabat Gred A setinggi 25 tingkat dengan NLA berkeluasan kira-kira 1.9 juta kaki persegi.

Ruang runcit

Setinggi lima tingkat dengan NLA berkeluasan kira-kira 140 kaki persegi.

Kediaman

Dua menara setinggi 34 tingkat dengan 521 unit yang setiapnya

Dilengkapi dengan pra-akuan LEED Platinum; cekap guna air dan tenaga, sistem pelepasan gas rumah hijau

Diperakui oleh Green Mark Platinum; serta penggunaan reka bentuk, amalan pembinaan dan pengendalian yang lestari.

Penyewa

Julius Baer, PwC Singapore, Prudential, Grab, Olam International, BP Global, Daiwa Capital, Mitsubishi UFJ Financial Group dan JustCo.

* NLA: Kawasan boleh disewa bersih



DUO DAN MARINA ONE

Khazanah dan Temasek berjaya meletakkan batu asas kerjasama dari peringkat permulaan, mencalonkan ahli lembaga yang sangat berkemampuan dan berpengalaman di M + S. Hal ini membantu membentuk visi bersama yang berasaskan tadbir urus yang baik dan tumpuan diberikan untuk memastikan pembangunan yang bertaraf dunia dan komersil berjaya disiapkan. Komponen projek diberikan melalui proses yang sengit, termasuklah pemilihan arkitek, yang juga menyaksikan pengemukaan arkitek Malaysia dan Singapura, serta pelbagai pakej pembinaan.

Arkitek terkemuka di dunia iaitu Ole Scheeren telah terpilih setelah melihat pada konsepnya bagi pembangunan DUO. Nama DUO sendiri mencerminkan dua menara yang berdiri tegak sebelah-menyebelah, yang melambangkan hubungan erat antara Malaysia dan Singapura. Terletak di tengah-tengah kawasan Ophir-Rochor, DUO digambarkan bakal menjadi sebuah daerah kediaman yang meriah.



Pembangunan bercampur utama berkeluasan 1.73 juta kaki persegi di daerah Ophir-Rochor

Nilai pembangunan kasar: SGD4 bilion

Hotel Andaz

Hotel bertaraf 5 bintang beserta menara setinggi 15 tingkat dilengkapi dengan 325 bilik

Pejabat

Ruang pejabat Gred A setinggi 24 tingkat dengan NLA berkeluasan 570 kaki persegi.

Ruang runcit

NLA ruang runcit seluas 56,000 kaki persegi.

Kediaman

Menara setinggi 49 tingkat dengan 660 unit untuk didiami

Menerima anugerah antarabangsa dalam kategori 'Projek Terbaik Futura' dalam Anugerah Asia MIPIM pada tahun 2012 Asia

Penyewa

Hotel Andaz, Sumitomo Chemical, Abbott Laboratories, Mastercard, Regus Serviced Offices, Amcor, Chevron dan Virgin Active

* NLA: Kawasan boleh disewa bersih



Christoph Ingenhoven
Arkitek bagi Marina One

“Marina One adalah contoh sebuah bandar mega global di Asia. Pembangunan ini melibatkan gabungan aspek kegunaan dan kemudahan yang penting. Teras hijau di tengah-tengah Marina One ini berpotensi menjadi pusat perniagaan baharu.”



Ole Scheeren
Arkitek bagi Duo

“DUO adalah usaha sama antara dua negara, dan projek ini menjadi tanda kedualan entiti utama ini. Seni bina kami menunjukkan hubungan dinamik antara dua bandar terkemuka dan menghasilkan kesan simbiotik melangkaui projek tersebut dengan memberi kesan positif dalam konteks yang lebih besar.”



Kejayaan Khazanah dan Temasek dalam menyiapkan pembangunan ini menjadi testimoni kepada hasil yang boleh dicapai melalui pelaburan strategik yang memanfaatkan kekuatan individu dan saling lengkap

Kejayaan Khazanah dan Temasek dalam menyiapkan pembangunan ini menjadi testimoni terhadap hasil yang boleh dicapai melalui pelaburan strategik yang memanfaatkan kekuatan individu dan saling melengkapi perniagaan, runcit dan hiburan untuk melengkapkan Marina Bay dan Raffles Place yang sedia ada. Ini menjadi jambatan perhubungan antara kawasan pemuliharaan Bugis dan Kampong Glam, sekali gus menyuntik pemandangan budaya yang pesat berkembang dalam daerah ini.



Tan Sri Azman Mokhtar dan Pengerusi M + S Tan Sri Mohamed Azman Yahya, di hadapan arca 'Harmony' hasil Latiff Mohidin di Central Plaza DUO

Pertandingan konsep reka bentuk bagi Marina One dimenangi oleh arkitek terkemuka dunia iaitu Christoph Ingenhoven, yang juga peneraju dalam seni bina yang lestari. Tujuan reka bentuk adalah untuk menyediakan ruang yang boleh didiami bermotifkan alam semula jadi. Pusat projek ini ialah di kawasan 'Teras Hijau', iaitu sebuah kawasan lindung hijau bandar yang terbesar di dalam daerah pusat perniagaan Singapura, yang merangkumi taman, laluan pejalan kaki, air terjun dan disulami dengan dua taman hijau, iaitu Marina Station Square dan Central Linear Park.

Dalam menzahirkan pendekatan kerjasama antara kedua-dua negara, beberapa karyawan Malaysia dan Singapura ditugaskan untuk mereka bentuk dan menghasilkan karya seni arca untuk DUO dan Marina One, termasuk karyawan terkenal Malaysia iaitu Latiff Mohidin. Harmony, karya Latiff ialah sebuah arca moden luaran sepanjang sembilan meter menjadi titik tumpuan di Central Plaza DUO. Diilhamkan oleh dedaunan tumbuhan, reka bentuk ini mencerminkan konsep keseimbangan yang melambangkan dua entiti yang bersatu dan saling melengkapi, merujuk pada hubungan antara Malaysia dengan Singapura.

Status Marina One dan DUO sebagai bangunan ikonik yang memenangi anugerah juga terserlah melalui kejayaan komersialnya sehingga kini. Pada masa pelancarannya, kedua-dua pembangunan ini berjaya menarik banyak pihak untuk menduduki komponen pejabat masing-masing, termasuk syarikat Fortune 500, selain komponen kediaman.

Secara keseluruhan, kejayaan Khazanah dan Temasek dalam menyiapkan pembangunan ini menjadi testimoni kepada hasil yang dapat dicapai melalui pelaburan strategik yang memanfaatkan kekuatan individu dan saling lengkap antara satu sama lain. Di samping itu, pembangunan ini menjadi batu asas bagi perkara yang lebih besar bagi Malaysia dan Singapura, serta rakyat kedua-dua buah negara.

Hari Hasanah: Berkongsi Nilai Sejati dengan Rakyat



Sebagai dana pelaburan strategik Kerajaan, Khazanah pada dasarnya adalah sebuah badan pelaburan yang bertujuan untuk mewujudkan nilai kewangan dalam jangka panjang.

Shahira Ahmed Bazari
Pemegang Amanah dan
Pengarah Urusan, Yayasan Hasanah



Mohd Raslan Md Sharif
Pengarah, Pejabat Pengarah Urusan



Mandat kami melangkaui usaha dan sasaran komersial semata-mata. Kami diberi kepercayaan secara kolektif untuk memberi pulangan kewangan, strategik dan sosial kepada Malaysia serta rakyatnya. Dalam hubungan ini, prestasi kewangan mampan adalah komponen utama yang dapat membantu memenuhi peranan dan tanggungjawab kami secara keseluruhan, termasuk kerja yang kami lakukan dalam lingkungan masyarakat. Kami sedar kami perlu terus melakukan kebaikan agar dapat berada dalam kedudukan yang lebih baik. Pendekatan ini diperincikan dalam kajian kes Laporan Khazanah 2014, 'Membina Institusi Terangkum'.

Inisiatif Tanggungjawab Korporat (CR) Khazanah membentuk komponen penting dalam usaha kami untuk memberi pulangan kepada masyarakat yang menepati keperluan pembangunan negara. Pada 2013, kami telah menubuhkan Yayasan Hasanah (Hasanah), yang menjadi asas dalam menerajui usaha CR. Kami menyumbangkan sebanyak RM3 bilion kepada Hasanah, daripada hasil pulangan yang dijana melalui aktiviti pelaburan. Dana sumbangan ini dilindungi dan dilaburkan untuk memberi pulangan minimum sebanyak 5% setiap tahun, membolehkan yayasan memperoleh sumber dana lestari bagi inisiatif yang dijalankannya.



Visi Hasanah menjadi peneraju yang menggalakkan kemampanan Malaysia melalui penyelesaian yang memperkasakan masyarakat, menggalakkan keterangkuman sosial dan menambah baik persekitaran setempat. Sejak empat tahun penubuhannya, yayasan ini telah mendukung pelbagai inisiatif melalui rangkaian rakan kongsi masyarakat madani dengan memberi tumpuan kepada beberapa bidang utama, iaitu pendidikan; pembangunan komuniti; persekitaran; seni, warisan dan budaya; ilmu pengetahuan; dan ruang awam. Maklumat lanjut berkenaan bidang tumpuan Hasanah dan kerja yang dilaksanakan dengan rakan kongsinya boleh didapati di www.yayasanhasanah.org.my



Salah satu gerai rakan kongsi masyarakat madani yang menyertai acara Hari Hasanah di PPR Seri Semarak, Kuala Lumpur

Hari Hasanah

#BerbudaiBersama
#DoGoodTogether

Hari Hasanah

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk terus menyokong keterangkuman sosial pada skala yang lebih besar, Khazanah dan Yayasan Hasanah pada tahun lalu telah menganjurkan Hari Hasanah, bertujuan menggalakkan rakyat Malaysia berbuat baik demi kepentingan orang ramai. Dianjurkan sebagai acara tahunan antara sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, Hari Hasanah julung kali diadakan pada 3 September 2017, sebagai salah satu inisiatif bawah kempen 'Negaraku, Negara Kita' oleh Khazanah untuk menyambut dan memperingati perjalanan dan kemajuan Malaysia selama 60 tahun. Dalam tahun-tahun yang mendatang, Hari Hasanah diharapkan akan menjadi penggerak untuk semua rakyat Malaysia bersatu dengan cara tersendiri, berbuat kebaikan yang dapat membantu memupuk kebersamaan dan mempromosikan perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik dan berbilang budaya.



Selain daripada Khazanah dan Hasanah, Hari Hasanah yang julung kali diadakan menyaksikan pembabitan Yayasan Khazanah, Khazanah Research Institute, Think City, rakan kongsi masyarakat madani, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), dan kakitangan di peringkat organisasi dan persendirian. Mereka meluangkan masa dan usaha untuk mendekati serta menghulur pelbagai jenis bantuan kepada anggota masyarakat, terutamanya golongan yang memerlukan.

Bagi Hari Hasanah yang pertama ini, lebih daripada 100 inisiatif dan aktiviti di 12 negeri telah dilaksanakan oleh pelbagai pihak (maklumat lanjut berkenaan inisiatif dan aktiviti boleh didapati di www.harihasanah.com.my). Inisiatif utama ini telah diadakan di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Semarak di Kuala Lumpur. PPR Seri Semarak merupakan kawasan projek perumahan rakyat bagi golongan berpendapatan rendah.

Acara setengah hari ini memuatkan pelbagai aktiviti dan bazar dengan perkhidmatan percuma, yang disediakan oleh Hasanah, Think City dan rangkaian rakan kongsi mereka, serta melibatkan beberapa GLC. Inisiatif ini telah menarik lebih daripada 3,000 orang masyarakat sekeliling, termasuk penduduk PPR Seri Semarak dan penduduk dari projek perumahan rakyat yang berhampiran.

Perdana Menteri Malaysia turut mengambil bahagian dalam inisiatif ini, yang mana beliau secara rasminya telah melancarkan Cruyff Court Seri Semarak yang terletak di PPR Seri Semarak, dan Cruyff Court Kampung Baru Air Panas di kawasan komuniti PPR Air Panas, yang terletak berhampiran.



Kanak-kanak dari PPR Seri Semarak menyertai salah satu aktiviti percuma yang disediakan di bazar Hari Hasanah



Tonton video Hari Hasanah di Seri Semarak



Perdana Menteri mengumumkan bahawa Amanah Warisan Negara, yang menjadi mercu amanah awam negara, akan memiliki dan mengurus Taman Tugu iaitu taman rimba bandar selama-lamanya untuk dinikmati oleh rakyat Malaysia

Program Cruyff Court adalah kerjasama antara Yayasan Hasanah dengan Johan Cruyff Foundation untuk memberi peluang kepada anak-anak, golongan belia dan masyarakat sekitar untuk menikmati keunikan pengalaman sukan bola sepak di gelanggang khas. Cruyff Court yang pertama di Malaysia dibuka di Kampung Melayu Majidee, Johor Bahru pada 2012, diikuti oleh Cruyff Court Brickfields di Kuala Lumpur pada tahun 2013.

Perdana Menteri juga mengambil bahagian dalam inisiatif Hari Hasanah di tapak Projek Taman Tugu, yang mana beliau menanam pokok Belian, untuk menzahirkan komitmen Kerajaan terhadap warisan dan pemuliharaan alam sekitar untuk manfaat generasi masa hadapan rakyat Malaysia. Projek Taman Tugu seluas 66 ekar adalah inisiatif tanggungjawab korporat pihak swasta dan awam yang diterajui oleh Khazanah, dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan pelbagai rakan kongsi dari sektor awam dan swasta, serta pertubuhan masyarakat madani. (Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Projek Taman Tugu, layari www.tamantuguproject.com.my)

Di majlis ini, Perdana Menteri mengumumkan bahawa Amanah Warisan Negara, sebuah badan amanah awam nasional, akan memiliki dan mengurus Taman Tugu iaitu taman rimba bandar untuk dinikmati oleh rakyat Malaysia selama-lamanya. Selain itu, beliau juga mengumumkan bahawa tambahan 25 ekar lagi tanah bersebelahan Taman Tugu juga akan dipindahkan kepada Amanah Warisan Negara, untuk dipelihara sebagai ruang hijau awam.

Hasanah Bersama Rakyat 2017 - 2018

**Hasanah
bersama Rakyat**
#BerbudiBersama
#DoGoodTogether

Hasanah Bersama Rakyat
di Iskandar Puteri, Johor

1,200 orang
40 aktiviti & bengkel

Hasanah Bersama Rakyat di Jeli,
Kelantan

10,000 orang
64 aktiviti & bengkel

4
Sep
2017

Hari Hasanah di Seri Semarak,
Kuala Lumpur

7,000 orang
42 aktiviti & bengkel

Pelancaran rasmi Cruyff Court Seri
Semarak dan Air Panas

25
Nov
2017

13
Jan
2018

Hasanah Bersama Rakyat di Santubong,
Sarawak

4,000 orang
70 aktiviti & bengkel

10
Mac
2018

17
Mac
2018

Hasanah Bersama Rakyat di Jerlun, Kedah

5,000 orang
70 aktiviti & bengkel



Tonton video Hasanah Bersama
Rakyat di Santubong



Ikrar 'Buat baik bersama-sama' oleh pengunjung dalam salah satu acara Hasanah Bersama Rakyat

Susulan maklum balas positif yang kami terima daripada komuniti, rakan kongsi dan organisasi yang hadir dan mengambil bahagian dalam Hari Hasanah, kami memutuskan untuk menganjurkan acara 'mini' untuk menyebarkan semangat Hari Hasanah ke kawasan-kawasan lain di Malaysia.

Program mendekati masyarakat yang dikenali sebagai Hasanah Bersama Rakyat (HBR) ini berlandaskan pada prinsip yang sama bagi setiap orang yang berbuat baik demi kepentingan orang lain, terutamanya masyarakat berpendapatan rendah.

Empat acara HBR telah diadakan, iaitu di Iskandar Puteri, Johor; Santubong, Sarawak; Jeli, Kelantan; dan Jerlun, Kedah. Program ini sama seperti inisiatif Hari Hasanah di PPR Seri Semarak. Setiap acara HBR melibatkan pemimpin masyarakat tempatan, rakan kongsi masyarakat madani, GLC, NGO, agensi-agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan, serta kakitangan dan sukarelawan. Hasil kerjasama kukuh, mereka menganjurkan pelbagai aktiviti dan menyediakan perkhidmatan percuma, meliputi aspek kewangan, kesihatan, pendidikan, pekerjaan, keusahawanan dan perkhidmatan awam kepada masyarakat sekeliling.



MELANGKAH KE HADAPAN

Hari Hasanah yang julung kali diadakan dan program bersama masyarakat iaitu Hasanah Bersama Rakyat adalah tonggak penting dalam usaha kami untuk terus menyokong keterangkuman sosial dalam skala yang lebih meluas. Kedua-dua inisiatif memperluas platform yang membolehkan kami memainkan peranan dalam memberi pulangan sosial kepada rakyat melalui pendekatan secara langsung dan berkesan. Dalam hubungan ini, kami memperoleh pengalaman, pandangan dan pendapat yang tidak ternilai yang dapat membantu kami meningkatkan lagi perkhidmatan dan mencapai hasil yang lebih baik.

Pada tahun-tahun yang mendatang, kami berharap Hari Hasanah akan menjadi penggerak untuk semua rakyat Malaysia bersatu dengan cara tersendiri, mengerjakan kebaikan supaya dapat membantu memupuk kebersamaan serta menggalakkan perpaduan dalam masyarakat pelbagai etnik dan berbilang kaum.



KHAZANAH EUROPE INVESTMENT LIMITED

Khazanah Europe Investment Limited (KEIL) merupakan kehadiran fizikal pertama kami di United Kingdom yang sekaligus menambahkan kehadiran kami di benua Eropah. Pilihan London sebagai pejabat serantau kami melengkapinya pecutan agenda inovasi Malaysia dan bertindak sebagai jambatan untuk mengukuhkan kerjasama sedia ada dan akan datang antara Malaysia dan negara-negara Eropah.

05





Javier Santiso
Pengarah Eksekutif, Pelaburan
dan Ketua Khazanah Europe
Investment Limited

Kerja kami di pejabat London memainkan peranan dalam mempercepatkan agenda inovasi Malaysia melalui mandat yang khusus dan sumbangan dalam bidang inovasi dan teknologi. Kehadiran kami di benua Eropah menambahkan rangkaian dengan institusi pelaburan, pejabat kumpulan serta rakan-rakan akademik dan institusi di Eropah.

MEMBINA SEBUAH INSTITUSI

Institusi yang kukuh adalah asas kepada negara yang teguh. Di Khazanah, kami ceka memainkan peranan menggabungkan pencapaian dan pengalaman untuk membina sebuah institusi yang akan terus menghasilkan kejayaan secara berterusan dan konsisten. Warga kerja kami ialah aset utama kami. Kami memupuk persekitaran yang menggalakkan integriti, profesionalisme, ketekunan, kerja berpasukan dan sikap saling menghormati. Kami membuat pelaburan besar dalam proses dan prasarana yang diperlukan untuk mengembang dan menyokong modal insan, demi membangunkan warga kerja kami.

Khazanah sebagai Organisasi Pembelajaran **100**

Warga Kami, Nilai Kami **107**

KHAZANAH SEBAGAI ORGANISASI PEMBELAJARAN

Khazanah menyediakan pelbagai platform untuk perangkaian aktif bagi menggalakkan pembelajaran berterusan dalam kalangan kakitangan dan pihak berkepentingan, membolehkan pertukaran pandangan dan maklumat secara dinamik dan oleh itu menghubungkan kami secara lebih meluas dengan dunia perniagaan dan dunia akademik, serta masyarakat umum.





Diana Tee Mei Ling
Naib Presiden Kanan,
Pelaburan

Lensa global kami dalam inovasi dan teknologi meluaskan pandangan kami berhubung trend gangguan dan kuasa yang membentuk dunia lalu merangsangkan minda kami untuk berfikir bukan hanya tentang ancaman yang kami hadapi, tetapi lebih pentingnya, tentang peluang yang tercipta daripada memanfaatkan potensi trend tersebut



Dari kanan:
Martin Skancke, Pengerusi, Principles of Responsible Investment (PRI); Tariq Al-Sudairy, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif, Jadwa Investment; Jan Metzger, Pengarah Urusan, Ketua Bersama IB Technology dan Ketua Asia Pasifik TMT, Citigroup; bercakap pada sesi utama di KMF2017 yang dikendalikan oleh Mohamed Ridzuan Mohamed, Pengarah, Khazanah Research and Investment Strategy

Dr Emiliana Simon-Thomas, Pakar Sains Neuro; dan Pengarah Sains, Greater Good Science Centre, University of California Berkeley, memberi pembentangan khas di KMF2017



Simon Kuper
Penulis,
Financial Times



Lynette Wallworth
Artis Media Interaktif

ACARA

Khazanah menganjurkan beberapa siri majlis ilmu



The Khazanah Megatrends Forum (KMF) diadakan setiap tahun sebelum kitaran perancangan strategi dan perniagaan Khazanah. KMF menghimpunkan para pemikir dari seluruh dunia di hadapan lebih seribu peserta daripada kalangan komuniti perniagaan, kerajaan, akademik, dan masyarakat dan mengadakan perbincangan mendalam tentang isu-isu semasa yang kritikal daripada empat perspektif utama: pasaran, syarikat, masyarakat dan rakyat. Forum ini telah memasuki tahun penganjuran yang ke-13 pada tahun 2017 dengan tema 'Cerebrum X Algorithm: Building True Value in a Post-Truth World'. Di samping empat Sesi Utama tentang Pasaran, Syarikat, Masyarakat dan Rakyat, serta beberapa ucapan, dua sesi khas tentang ASEAN dan Teknologi juga diadakan semasa KMF2017.

PENCERAMAH TERPILIH UNTUK KMF2017



Dr Ngozi Okonjo-Iweala
Pengerusi, Global Alliance for
Vaccines and Immunisation (GAVI)



Joseph C. Tsai
Naib Pengerusi Eksekutif
Alibaba Group



Jimmy Wales
Pengasas Wikipedia



Kent J. Thiry
Pengerusi dan Ketua Pegawai
Eksekutif, DaVita Inc



Tan Sri Dato' Dr Michael Yeoh
Pengasas Bersama dan Ketua
Pegawai Eksekutif, Asian Strategy &
Leadership Institute (ASLI)



Tan Sri Dato' Sri Dr Zeti Akhtar Aziz
Pengerusi Bersama, Lembaga
Gabenor, Asian School of
Business (ASB)



Khazanah Global Lectures (KGL) disampaikan oleh personaliti hebat bertaraf dunia yang telah mempengaruhi cara hidup, cara bekerja dan cara berfikir banyak pihak. Penceramah lalu termasuklah: Dame Dr Jane Goodall DBE, Boris Johnson, Victor Fung, Mary Robinson, Dr Manmohan Singh, Sir John Bond, mendiang Dr APJ Abdul Kalam, Tun Abdullah Hj Ahmad Badawi, Carlos Ghosn, Profesor Joseph Stiglitz, Dr Muhammad Yunus dan Kofi Annan.


PENCERAMAH KGL TERPILIH YANG LALU



Dr Jane Goodall DBE
Pengasas - *The Jane Goodall Institute & United Nations Messenger of Peace*



Mary Robinson
Mantan dan Presiden wanita pertama Ireland



Dr APJ Abdul Kalam
Mantan Presiden India




Carlos Ghosn
Pengerusi Nissan Motor



Dr Muhammad Yunus
Pemenang Hadiah Nobel



Professor Dr Joseph Stiglitz
Pakar Ekonomi



Kofi Annan
Mantan Ketua Setiausaha Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu



① Dr Jane Goodall DBE, ahli primatology, etologi, dan penyokong pemuliharaan terkemuka dunia dan Pengutus Kedamaian Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, salah seorang penceramah Khazanah Global Lectures

② Penyokong pemuliharaan British Dr Gathorne Gathorne-Hardy, Fifth Earl of Cranbrook bercakap pada sesi Tea Talk Khazanah



Sesi Ceramah Tea Talks adalah tradisi Khazanah sejak tahun 2005 menyaksikan penceramah daripada pelbagai latar belakang dijemput untuk bercakap dengan kakitangan Khazanah mengenai topik tertentu, seperti pasaran, kesihatan, kewangan korporat, alam sekitar dan keusahawanan. Antara penceramah terkenal yang pernah dijemput ke Tea Talks termasuklah: Sir Bob Geldof, Tan Sri Michelle Yeoh, mendiang Johan Cruyff, Jeff Immelt, Frank Gardner, Professor Sir Michael Barber dan Professor KS Jomo.

PENCERAMAH TEA TALK YANG LALU



Sir Bob Geldof



Tan Sri Dato' Seri Michelle Yeoh



Johan Cruyff



Professor Sir Michael Barber



Professor KS Jomo



Ramesh A/L Raguan
Associate, KRIS

Satu komponen penting mandat kami adalah untuk membangunkan pengetahuan secara aktif untuk negara ini. Kami mencuba yang terbaik dalam menyediakan platform dan forum bagi tujuan pertukaran pandangan dan maklumat agar mendapat perspektif global dalam cara bagaimana kami melihat dunia




Majlis Ilmu Khazanah Knowledge Exchanges adalah acara dalaman yang membolehkan pasukan atau unit yang berbeza dalam Khazanah berkongsi pengalaman, pengetahuan dan analisis.


PENERBITAN

Khazanah, dengan kerjasama penulis terpilih, menerbitkan beberapa buah buku pada setiap tahun, yang berkaitan dengan perniagaan, pendidikan, masyarakat, sejarah atau budaya di Malaysia. Kami juga menyokong projek pendokumenan yang relevan oleh institusi dan individu lain.





Why Trade Matters: Trade Issues in Non-communicable Diseases, Essential Medicines and Education



Building Social Capital: The George Town Experiment



Together Finding Purpose at the Crossroads of Me+We

MODAL INSAN DAN RANGKAIAN PENGETAHUAN

Khazanah telah membentuk perkongsian strategik dan mewujudkan rangkaian dengan pelbagai institusi pendidikan tinggi untuk meningkatkan gabungan pengetahuan antara satu sama lain, mengukuhkan kepimpinan, dan mengasah bakat.

Pelbagai program pembinaan keupayaan secara intelek telah dilaksanakan untuk orang awam dan kakitangan kami, bertujuan meningkatkan tahap perbincangan berhubung kemajuan negara.

Khazanah mengasas dan bekerjasama rapat dengan Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM) (sebelumnya dikenali sebagai Akademi Pengarah Malaysia (MINDA)) sebagai menyumbang kepada perkembangan lembaga pengarah korporat, terutamanya di kalangan Syarikat Berkaitan Kerajaan. Khazanah Knowledge Exchanges adalah acara dalaman yang membolehkan pasukan atau unit yang berbeza dalam Khazanah berkongsi pengalaman, pengetahuan dan analisis.

PUSAT SUMBER KHAZANAH

Pusat Sumber Khazanah menyelenggara sebuah perpustakaan perniagaan yang lengkap, menyediakan sumber maklumat terkini, dan menghimpun berita dan maklumat terkini.



① Penerbitan Khazanah diedarkan kepada peserta semasa KMF2017

② Tunku Besar Seri Menanti, Dato' Sri Tunku Ali Redhuaddin ibni Tunku Muhriz bersama-sama Tan Sri Azman melancarkan buku foto Grit & Grace: The Grandeur of Monochrome Malaysia oleh jurufoto SC Shekar





WARGA KAMI, NILAI KAMI

Kakitangan Khazanah adalah sumber kekuatan institusi ini. Kami bergantung kepada mereka untuk memenuhi mandat kami dan menjadi dana pelaburan strategik kerajaan yang berkesan. Bermula dengan tenaga kerja seramai 30 orang pada tahun 1994, kami telah berkembang kepada lebih 468 individu yang berbakat di lima pejabat serantau hari ini.



Shamsuddin Abdul Jalil
Naib Presiden Kanan,
Perkhidmatan Korporat dan
Sokongan

Dalam aspirasi kami untuk menerima pakai pendigitalan, ia adalah penting bagi rangka kerja, dasar dan teknologi digunakan demi memastikan kami kekal berdaya saing dan selamat di dalam dan luar negara.

Pasukan Kepimpinan Khazanah pada permukiman Pasukan Kepimpinan Kanan di Langkawi pada Disember 2017

PASUKAN KHIDMAT KORPORAT & SOKONGAN YANG MEMENANGI ANUGERAH



2014 International Team Excellence Award (ITEA)
Pemenang anugerah Perak di Persidangan Kualiti dan Penambahbaikan Dunia (WCQI) American Society of Quality (ASQ)

Bahagian Khidmat Korporat & Sokongan (CSS) memenangi anugerah Perak pada pertandingan Anugerah Kecemerlangan Pasukan Antarabangsa (ITEA) semasa Persidangan Kualiti dan Penambahbaikan Dunia (WCQI) American Society of Quality (ASQ) di Texas, Amerika Syarikat, pada Mei 2014. WCQI adalah pertandingan global yang mengiktiraf pasukan penambahbaikan kualiti terbaik di seluruh dunia. Penyertaan pihak CSS ini menilai menumpukan kepada kitaran pemprosesan pembayaran dalaman, yang boleh mengurangkan langkah-langkah pemprosesan daripada lapan kepada dua dan mengurangkan masa pemprosesan sebanyak 1,070 jam, yang bermakna manfaat kos bernilai kira-kira RM181,000.



Ashwini Menon
Associate, Kewangan

Daya saing melibatkan pertentangan dengan perkara biasa, yang merupakan prinsip yang termaktub dalam inisiatif penjana dana Khazanah apabila kami meneruskan usaha ini. Ia adalah satu kitaran yang baik yang memperkayakan pasaran modal Malaysia, dan hasilnya, menjadi wadah bagi kami untuk bersaing di peringkat global.

1



NILAI KAMI

Kami dipacu oleh nilai-nilai teras yang menentukan tingkah laku kami, membentuk budaya kami dan menakrifkan kami sebagai sebuah organisasi. Nilai-nilai teras kami menggariskan apa yang kami perjuangkan dan bagaimana kami berurusan antara satu sama lain, dengan rakan kerjasama dan pihak berkepentingan.

KERJA BERPASUKAN

Kekuatan kami adalah warga kami. Sebagai sekumpulan individu yang bermotivasi tinggi, kami komited untuk bekerjasama demi mencapai nilai sejati. Kami menggalakkan usaha bersama merentas semua peringkat dan aktiviti, dan akan terus berkongsi idea serta pengetahuan ke arah matlamat yang sama.

SALING MENGHORMATI

Kami menghargai kepelbagaian dan menghormati semua orang sepertimana kami mahu dihormati. Kami adil dan jujur dalam semua urusan dan sentiasa mengekalkan kerahsiaan. Kami memberi inspirasi dan membolehkan warga kerja kami mencapai prestasi yang tinggi dan kami juga percaya semua individu ingin mencapai potensi terbaik.

KETEKUNAN

Kami berusaha untuk menghasilkan yang terbaik dengan pantas dan tepat. Kami memberi perhatian dan komitmen yang sepenuhnya terhadap setiap tugas dan menangani sesuatu perkara dengan pantas. Kami berani mencari peluang baharu demi kepentingan ekonomi negara selain memastikan kemampunan dalam setiap pelaburan dan usaha kami.

INTEGRITI

Kami melaksanakan tugas yang betul tanpa pengecualian. Kami percaya pada tadbir urus yang baik, mengendalikan perniagaan dengan penuh etika dan sentiasa mematuhi undang-undang.

PROFESIONALISME

Kami memikul tanggungjawab terhadap segala apa yang kami lakukan. Menepati masa adalah asas kepada proses kerja kami; kami sentiasa menepati janji. Untuk memastikan rakan kerjasama dan pihak berkepentingan mendapat nilai terbaik, kami tidak menunggu peluang untuk datang bergolek tetapi mengambil langkah proaktif untuk menzahirkannya.



2



3

Mesyuarat dan Acara Dalaman

Warga kami bukan hanya bekerja untuk Khazanah tetapi mereka turut membantu membentuknya. Kakitangan digalakkan untuk mengambil bahagian dalam perkongsian budaya dan falsafah Khazanah. Siri pertemuan bersama Pasukan Kepimpinan Kanan dijadualkan secara berkala di mana kakitangan kami mendapat maklumat dari awal tentang hala tuju dan prestasi organisasi dan mampu untuk meluahkan pandangan mereka selain bertanyakan soalan.

Sekitar Pejabat

Kami cuba memupuk budaya kerja bersungguh-sungguh dan mutu penghasilan yang tinggi, tetapi dalam persekitaran yang positif dengan kerjasama berpasukan yang kukuh, saling menghormati dan semangat keceriaan. Ruang kerja yang positif dan mengembirakan bukan sahaja bagus untuk kakitangan dan organisasi tetapi memberikan hasil yang lebih baik.



4



- ① Team Blitz di atas pentas menerima anugerah mereka Persidangan Kualiti dan Penambahbaikan Dunia (WCQI) Kecemerlangan Pasukan Antarabangsa
- ② Fatih Sarikahya, Naib Presiden, Pelaburan, Pejabat Serantau Turki Khazanah
- ③ Ahmad Fariz Ali, Naib Presiden Kanan, Pelaburan, Khazanah Europe Investment Limited
- ④ James Zairen Pang, Naib Presiden, Pelaburan; Lim Kooi June, Pengarah, Pelaburan; kedua-duanya dari Khazanah Nasional Consulting (Beijing) Company Limited
- ⑤ Effizal Faiz Zulkifly (kiri), Pengarah, Pelaburan, di townhall akhir tahun Khazanah



5



1

Di Luar Pejabat

Warga kerja kami bukan sekadar kakitangan Khazanah semata-mata - mereka juga cemerlang dalam bidang kehidupan yang lain. Kami menggalakkan mereka menimba ilmu secara berterusan dan menyumbang kepada organisasi masyarakat. Khazanah sering menganjurkan acara seperti hari keluarga tahunan dan karnival sukan pelbagai acara, serta percutian secara berkumpulan. Kakitangan kami adalah individu dengan pelbagai bakat dan mengambil bahagian secara aktif dalam pelbagai aktiviti luar ko-kurikulum termasuk muzik, penulisan, sukan, mencinta alam sekitar, serta aktiviti kemasyarakatan.



2



3

- ① Kakitangan Khazanah mengambil bahagian dalam Bursa Bull Charge 2017
- ② Kakitangan dan keluarga Khazanah bersukria pada Permukiman Keluarga Khazanah 2017
- ③ Nicholas Khaw, Naib Presiden Kanan, Penyelidikan dan Strategi Pelaburan Khazanah, membuat persembahan bersama-sama rakan sekerjanya di Majlis Makan Malam Tahunan Khazanah 2017



ALUMNI KAMI

Hari ini terdapat lebih 590 orang Alumni Khazanah, yang meneroka bidang baharu dan mencatatkan pencapaian peribadi dan profesional yang mengagumkan. Ini adalah testimoni bagi bakat-bakat hebat yang pernah berkhidmat di Khazanah, dan juga hasil kejayaan Khazanah dalam membangunkan modal insan bermotivasi tinggi. Mereka ini dipandu oleh nilai-nilai kami dalam kerja berpasukan, semangat saling menghormati, ketekunan, integriti dan profesionalisme.

Daripada Ketua Pegawai Eksekutif syarikat tersenarai dan agensi kebangsaan penting kepada usahawan sosial dan penulis, alumni kami mula memacu pertumbuhan dan pembangunan sosioekonomi, penginstitusian dan landskap budaya Malaysia serta melangkaui sempadan. Ini sejajar dengan tonggak strategi keempat mandat kami untuk membantu membangunkan modal insan yang kukuh demi bangsa dan negara yang mana kami melabur.

Sebahagian daripada Alumni kami...



LOH WAI YEE
Wai Yee ialah Ketua Pegawai Kewangan Themed Attractions Resorts & Hotels Sdn Bhd yang bertanggungjawab menjaga kewangan dan pengurusan risiko kumpulan. Semasa tempoh beliau berkhidmat di Khazanah, beliau ialah Pengarah di Bahagian Pelaburan dengan liputan sektor bagi penerbangan. Sebelum menyertai Khazanah, beliau merupakan Ketua Kewangan di Penerbangan Malaysia Bhd.


SHAREEN SHARIZA DATO' ABDUL GHANI
Shareen dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Talent Corporation Malaysia (TalentCorp) pada 1 Jun 2016. Beliau menjadi sebahagian daripada TalentCorp sejak tahun-tahun awalnya, sebagai wakil Khazanah dalam lembaga pengarah GEMS Malaysia Sdn Bhd, anak syarikat TalentCorp yang bertanggungjawab mengembangkan bakat graduan Malaysia. Sebelum Khazanah, beliau ialah Ketua Pegawai Eksekutif di MERCY Malaysia.

SUFYAN ABDUL JABBAR
Sufyan kini merupakan Ketua Perbankan Pelaburan bagi UBS Investment Bank di Malaysia. Beliau menyertai firma perkhidmatan kewangan Switzerland ini pada Januari 2014. Sebelum menyertai UBS, Sufyan berkhidmat di CIMB Investment Bank Berhad dan bahagian Pelaburan di Khazanah. Sufyan ialah Akauntan Bertauliah dan Penganalisis Kewangan Bertauliah.

Jawatan sebelum ini di Khazanah: Pengarah, Pelaburan Januari 2010 – Mei 2013

Jawatan sebelum ini di Khazanah: Pengarah, Pejabat Pengarah Urusan Julai 2007 – Mei 2016

Jawatan sebelum ini di Khazanah: Naib Presiden Kanan, Pelaburan September 2006 – November 2009



SAOVANEE CHAN-SOMCHIT
Saovanee kini merupakan Pengurus Perkongsian Jenama Serantau di Shopee, satu platform e-dagang oleh SEA Group. Sebelum ini, beliau ialah ahli pasukan pengasas dan Ketua Pegawai Operasi di WORQ Coworking Space. Beliau memulakan kerjayanya di Khazanah sebagai pakar ekonomi dengan Penyelidikan dan Strategi Pelaburan Khazanah, kemudian beralih kepada peranan pelaburan yang meliputi sektor penerbangan dan lapangan terbang

JERRY ZHANG
Jerry ialah Pengasas Bersama bagi Sodatone, satu platform untuk industri muzik, yang diambil alih oleh Warner Music Group pada Mac 2018. Beliau juga memulakan Finchway Group dan dinamakan salah seorang daripada 30 Usahawan Paling Hebat Kanada oleh PROFIT Magazine. Selain Khazanah, beliau pernah berkhidmat dengan Bank Dunia, Yahoo!, CPP Investment Board, dan CIBC World Markets.

MURUGESH RAO RAMASAMY
Murugesh kini ialah Pengurus Portfolio di jabatan Penyelidikan iFAST Capital, satu platform pengurusan kekayaan di Malaysia. Beliau bermula di Khazanah sebagai Pekerja Pelatih Graduan di Pelaburan, dan kemudian dihantar ke Khazanah India Advisors Pte Ltd di Mumbai, India, selama dua tahun.

Jawatan sebelum ini di Khazanah: Penolong Naib Presiden, Pelaburan Mei 2009 – Oktober 2016

Jawatan sebelum ini di Khazanah: Pekerja pelatih, Khazanah Americas Inc. Mei 2016 - 26 Ogos 2016

Jawatan sebelum ini di Khazanah: Associate, Pelaburan Oktober 2013 – Ogos 2017



Grafik di atas mengandungi nama-nama alumni kami yang disusun dalam bentuk cembul Khazanah

IHH Healthcare Berhad adalah penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan bersepadu utama antarangsa yang terkemuka, beroperasi dalam pasaran Malaysia, Singapura, Turki dan India. Ia adalah satu daripada kumpulan penjagaan kesihatan terbesar di dunia mengikut permodalan pasaran

JUMLAH HOSPITAL PELANGGAN

49

DI SELURUH DUNIA

Sebagai satu daripada kumpulan telekomunikasi terulung di Asia, Axiata mempunyai pelaburan dalam operasi rangkaian mudah alih, prasarana rangkaian dan syarikat internet digital.

ASAS PELANGGAN

350

juta
PELANGGAN

axiata

'Prisms by Axiata'

CIMB Group adalah bank universal ASEAN terkemuka yang beribu pejabat di Kuala Lumpur. Ia adalah salah satu bank pelaburan terbesar di Asia dan satu daripada bank Islam terbesar di dunia.

PASARAN GLOBAL

15

NEGARA

CIMB BA


CIMB C
Mobile Ban

Malaysia Airports Holdings mengurus dan mengendalikan lapangan terbang di Malaysia dan Turki.

JUMLAH LAPANGAN TERBANG

40

KEHADIRAN GLOBAL KAMI
MEMBOLEHKAN KAMI
MEMBENTUK HUBUNGAN YANG
LEBIH KUKUH DENGAN RAKAN
KONGSI DI SELURUH DUNIA,
MENGENAL PASTI PELUANG
YANG BOLEH MENINGKATKAN
PENYERANTAUAN
SYARIKAT PELABURAN KAMI,
DAN MENYUMBANG KE ARAH
PEMBINAAN DAYA SAING
JANGKA PANJANG
NEGARA.





KHAZANAH
NASIONAL

Khazanah Nasional Berhad 275505-K ←
Aras 33, Menara 2, Menara Berkembar Petronas
Kuala Lumpur City Centre
50088 Kuala Lumpur, Malaysia
T +603 2034 0000
www.khazanah.com.my